

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III Bil. 37 Hari Isnin 22 Disember 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 17(2):

**Penghinaan Ketua Pembangkang Terhadap Dewan Negara
- Y.B. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain** (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- **Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1997** (Ruangan)

- **Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)
(Pindaan) 1997** (Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 22 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“18 Disember 1997.

Perutusan dari Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997;

2. Rang Undang-undang Kaunselor 1997;
3. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997;
4. Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1997;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997; dan
6. Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Datuk Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan:

“Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan usul-usul yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak akan ditetapkan.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

“Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan, usul-usul yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak akan ditetapkan.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan kerajaan, usul-usul yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak akan ditetapkan.”

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 17(2)**

**Penghinaan Ketua Pembangkang
Terhadap Dewan Negara**

2.37 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 17(2) membawa satu Usul di atas nama Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain berkenaan satu perkara tertentu mempunyai kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan.

Pada 17 Disember 1997 lebih kurang di antara pukul 4.00 dan 4.30 petang, Ketua Pembangkang Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang di dalam ucapannya di Dewan Rakyat antara lain telah mengucapkan kata-kata, saya ungkap: "*Senate sekarang rubbish bin for those that had been political dead woods.*" Tuan Yang di-Pertua, pengucapan itu adalah perkara tertentu yang disengajakan, berniat buruk, menghina dan meruntuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, kata-kata itu adalah menjadi kepentingan orang ramai apabila Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah menggunakan Dewan Rakyat salah satu dari dua Dewan Parlimen, institusi tertinggi dalam proses perundangan negara dengan tujuan untuk menghakis keyakinan orang ramai dan rakyat negara ini ke atas keutuhan dan kewibawaan Dewan Negara dan seterusnya ke atas institusi perundangan pentadbiran dan Perlembagaan negara.

Ucapan itu juga mempersoalkan institusi yang terlibat dalam proses pemilihan dan perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara iaitu Dewan-dewan Undangan Negeri dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perbincangan ke atas perkara ini perlu disegerakan kerana usaha penghinaan dan cubaan menghakis keyakinan umum dan rakyat negara ini ke atas institusi-institusi tertinggi negara dilakukan pada ketika kita sedang memerlukan seluruh lapisan masyarakat bersatu-padu menggembelng tenaga di dalam menghadapi dan menangani krisis ekonomi dan kewangan yang sedang melanda. Perbuatan Ketua Pembangkang itu langsung tidak membantu malahan satu cubaan meruntuh landasan kekuatan negara. Keadaan perlu diperbetulkan segera sebelum digunakan oleh musuh bagi melemahkan kita dalam menghadapi kegawatan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mengusulkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi membincangkan Usul supaya Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang memohon maaf tanpa syarat kepada Dewan Negara dan Ahli-ahlinya dan kepada institusi-institusi yang terlibat di dalam pemilihan dan perlantikan mereka.

Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang juga hendaklah menarik balik kata-katanya yang berkenaan dan dihapuskan sama sekali dari rekod Dewan Rakyat. Usul ini juga menyeru seluruh lapisan masyarakat bersatu-padu

dengan penuh harmoni dan hormat menghormati di dalam usaha memulih, menstabil dan membangunkan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih, demikian saya mengusulkan.

Tuan Rusli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(2) dari Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu;

Syarat yang kedua ialah adalah bagi kepentingan orang ramai; dan

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) Tertentu - perkara ini sudah tertentu.
- (b) Kepentingan orang ramai - ia adalah bagi kepentingan orang ramai.
- (c) Berkehendak disegerakan - pada fikiran saya perkara ini berkehendak disegerakan.

Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 17(2), saya dengan izin Dewan ini membenarkan Usul yang berkenaan dibahaskan dan saya menempohkan Usul ini untuk dibahaskan pada jam 5.30 petang hingga 6.30 petang pada hari ini juga. Pihak pencadang diberi masa selama 30 minit dan pihak kerajaan selama 30 minit untuk berucap.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.44 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 mengenai kiraan jumlah ganjaran yang boleh dibayar kepada hakim-hakim yang bersara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam seksyen 7 yang sedia ada, hakim-hakim yang bersara cuma dibayar ganjaran atas kadar 5% atau 1/20 dari gaji akhir mereka. Selaras dengan keputusan kerajaan menaikkan gaji dan elaun-elaun di dalam sektor awam, kerajaan juga telah menyemak semula ganjaran, elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan hakim-hakim.

Sehubungan itu kerajaan telah membuat keputusan untuk menyamartarkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan kepada hakim-hakim selaras yang diterima oleh pegawai-pegawai di dalam perkhidmatan awam dengan mengekalkan prinsip relativity dan priority, dengan izin, yang sedia ada di antara anggota perkhidmatan awam dan hakim. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada kadar kenaikan elaun dan ganjaran kepada kumpulan pengurusan tertinggi sektor awam gred utama 'A' ke atas.

Penyelarasan gaji dan elaun-elaun hakim ini termasuk ganjaran yang boleh diberi kepada hakim-hakim yang bersara yang memerlukan pindaan kepada seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 supaya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/96 dijadikan terpakai juga bagi hakim di mana di dalam pekeling tersebut telah menetapkan ganjaran yang boleh dibayar kepada pegawai kerajaan apabila pensen dinaikkan dari 5% dari gaji akhir diterima oleh pegawai berkenaan kepada tujuh setengah peratus. Oleh itu Seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 dipinda dengan menggantikan perkataan 1/20 daripada gaji yang akhir diterima bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatannya dengan perkataan tujuh setengah peratus daripada amaun yang terhasil dan dengan mendarabkan jumlah bulan genap perkhidmatannya sebagai hakim dan gaji akhir yang diterimanya

Tuan Yang di-Pertua, atau ringkasnya 7.5% darab dengan jumlah genapnya perkhidmatan yang boleh dimasuk kira darab dengan gaji akhir yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas seksyen 7 tersebut disifatkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1965 dan akan melibatkan perbelanjaan kerajaan yang mana jumlahnya belum dapat ditentukan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan di atas, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, nama saya betul tadi? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Oh, maaflah, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. *[Ketawa]* Mujur saya tidak panggil dengan nama Jepun.

2.44 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya Tuan Yang di-Pertua pandang saya tetapi nama yang disebut lain. *[Ketawa]* Jadi, kalau saya duduk Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz akan berdiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana membenarkan saya untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 yang baru dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tak lain dan tak bukan sahabat saya Yang Berhormat Dato' Fauzi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap dengan panjang lebar, kalau saya bercakap selama satu jam atau satu jam setengah, kita ada tujuh Bil untuk hendak diluluskan pada hari ini dan kita juga ada satu Usul yang amat penting yang dibawa oleh saudara saya di sebelah kiri ini tadi iaitu yang badannya begitu 'sendul' dan Usul ini pun begitu bergema dan saya rasa Usul ini amat-amat penting untuk kita bahaskan.

Oleh itu, saya akan memendekkan ucapan saya dan memberi peluang kepada sahabat saya untuk berucap berkenaan dengan Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebuah negara yang demokratik yang mengikut cara demokrasi kita sendiri, kita mempunyai satu kuasa yang berasingan, kuasa kita kuasa Parlimen yang berasingan, kuasa kehakiman yang berlainan dan kuasa eksekutif yang berlainan. Ketiga-tiga ini adalah institusi masing-masing yang diiktirafkan oleh negara kita melalui satu Perlembagaan. Perlembagaan yang kita sanjung tinggi, yang saya sendiri apabila menjadi Ahli Senate bersumpah akan mempertahankan Perlembagaan ini. Perlembagaan di negara kita ini adalah satu perkara yang sangat agung, bukannya Parlimen agung tetapi Perlembagaan yang agung. Di Britain, di negeri orang putih, Parlimen adalah supreme, dengan izin, sebab ia tidak ada Perlembagaan yang bertulis. Undang-undangnya tidak qualify, dengan izin, oleh itu ia mengikut Common Law, jadi Parlimen supreme di Britain.

Tetapi di negara kita bukan Parlimen supreme, Perlembagaan yang kita kena jaga, yang kita kena sanjung seperti juga sahabat-sahabat saya yang lain yang bersumpah, berikrar apabila sebelum dilantik menjadi Senator, mengambil tempat masing-masing di Dewan ini. Tanya semua Ahli Yang Berhormat ini adakah mereka membuat ikrar bersumpah? Kalau mana yang tidak berikrar, tidak bersumpah mereka tidak boleh hadir dalam Dewan yang mulia ini termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri bersumpah untuk menjadi Senator, termasuk Timbalan Yang di-Pertua, termasuk Timbalan Menteri. Begitu juga termasuk dengan Ahli Parlimen, Lower House, dengan izin,

Lower House, Upper House, saya bukan hendak mengagungkan Upper House ini, hanya menyebut ia sudah sebut begitu. Upper House dan Lower House. Ahli-ahli Parlimen 192 orang kalau saya tidak salah, kalau salah Tuan Yang di-Pertua boleh tegur saya, bersumpah berikrar untuk menjunjung Perlembagaan. Oleh itu setiap Ahli Parlimen, setiap Ahli Senate mesti menjaga keutuhan Perlembagaan.

Perlembagaan mengata kita mesti ada Parlimen. Parlimen ada dua Upper House dan Lower House. Jadi, bermakna ini adalah satu Parlimen, Parlimen ini diiktirafkan oleh Perlembagaan kita, Ahli-ahli Parlimen mesti jaga keutuhan Perlembagaan ini termasuk Senator-senator yang ada di dalam Dewan ini.

Saya datang ke sini disebabkan oleh Perlembagaan, saya bukan 'dead wood', minta maaf Tuan Yang di-Pertua, lagi sepuluh tahun pun boleh bertanding, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentu ambil saya. *[Ketawa]* Tetapi sebab apa bagi yang lain peluang untuk memberi idea-idea dalam Dewan Undangan Negeri dan juga di Parlimen.

Saya dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong dan nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat pula ke Dewan Negara bersama-sama untuk memberi pendapat supaya menegakkan Perlembagaan dan keutuhan negara kita. Oleh itu, mengapa kita tidak menjaga kedudukan Perlembagaan?

Begitu juga dengan kehakiman ini, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ini naik darah sedikit, sebab apabila hendak sentuh Perlembagaan saya naik darah. Sebab saya duduk di sini adalah untuk menjaga keutuhan Parlimen dan juga Perlembagaan. Perlembagaan tidak boleh diubah melainkan Parlimen sahaja yang boleh diubah 2/3 kalau hendak diubah Perlembagaan, bukan senang 2/3 tetapi kita boleh ubah Perlembagaan Barisan Nasional dapat 2/3 tetapi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, sebuah parti yang bertanggungjawab, kita tidak ubah Perlembagaan mengikut sesuka hati sahaja. Kita boleh ubah Perlembagaan supaya pembangkang tidak ada dalam Dewan - pun boleh buat. Perlembagaan boleh diubah, tetapi kerajaan bertanggungjawab tidak akan mengubah Perlembagaan melainkan itu satu perkara yang patut diubah untuk kebaikan negara dan rakyat kita. Berapa kali kita ubah Perlembagaan? Di negeri-negeri berapa kali kita ubah Perlembagaan?

Tuan Yang di-Pertua, jadi berkenaan dengan kehakiman adalah satu kedudukan yang mulia, pihak-pihak hakim kita amatlah bertanggungjawab. Mereka telah menjalankan tugas mereka dengan begitu baik sekali, dengan tidak ada berat sebelah, biarkan mereka itu ahli kerajaan, biar mereka itu ahli Barisan Nasional, hakim akan membuat pertimbangan, jikalau ahli Barisan Nasional bersalah, ia akan dijatuhkan hukum, baik pembangkang, baik ahli kerajaan, tidak ada berat sebelah, inilah hakim kita hari ini yang ada di negara kita.

Oleh itu, saya mengucapkan tahniah kepada hakim-hakim kita yang ada sekarang ini, yang bersara dan juga yang tidak bersara, yang masih memegang jawatan, yang bersara yang telah menjalankan tanggungjawab dengan cemerlangnya dan yang ada sekarang ini yang terus menjalankan perkhidmatan mereka dengan amat baik.

Oleh itu, pihak kerajaan telah pun membuat satu cadangan tadi untuk meminda Akta Saraan Hakim ini supaya rang undang-undang untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 supaya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/96 dijadikan terpakai juga bagi hakim-hakim seperti juga dengan perkhidmatan awam, ini satu perkara yang amatlah baik yang telah dibawa oleh pihak kerajaan dan saya faham apabila rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dengan tidak diluluskan oleh Dewan yang mulia ini ia tidak akan menjadi undang-undang. Oleh itu ini adalah sebahagian dari Parlimen. Apa juga yang dilulus oleh Dewan Rakyat, dengan izin Lower House kena dibawa ke sini ke Upper House dan kita mengkaji, membuat satu pertimbangan, satu demi satu berkenaan dengan rang undang-undang ataupun apa-apa juga Usul sebelum diluluskan dan di dalam Dewan yang mulia ini kita ada ramai pihak Ahli-ahli Dewan, ketua-ketua Senate yang mempunyai kepakaran bersendirian, tak payahlah saya sebutkan sebab perkara ini akan dibincangkan dengan begitu panjang lebar lagi dalam masa kita membahaskan Usul tadi berkenaan dengan kepakaran yang ada dalam Dewan Senate ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu berkenaan dengan kehakiman ini saya ada membawa soalan saya yang dahulu berkenaan dengan banyak kes-kes yang tertangguh. Kita tahu kes-kes yang tertangguh ini kadangkala memberi ketidakkeadilan kepada seseorang itu, tetapi ada kalanya ia memberi keadilan kepada yang tertuduh itu disebabkan perkara itu tidak dapat kita selesaikan dengan sekelip mata sebab kita kena membawa saksi-saksi dan evidence yang sah yang boleh dipakai untuk hakim-hakim menjatuhkan hukumannya.

Walau bagaimanapun, terlalu banyak kes-kes yang tertangguh, ini adalah disebabkan kekurangan pentadbiran dalam Jabatan Kehakiman khususnya di bawah. Saya ada membawa soalan itu bahawa Majistret yang ada ini ditambah dengan Majistret-majistret, pihak-pihak yang ada kelulusan undang-undang supaya menjalankan tanggungjawab mereka sementara seperti misalnya kes-kes trafik. Banyak sangat kes-kes trafik, banyak sangat kes-kes saman ekor yang kadang-kadang benar dan kadang-kadang tidak benar dan saya ucap terima kasih kepada pihak polis yang telah pun meneliti dan menanggukkan berkenaan dengan notis saman ekor.

Tetapi walau bagaimanapun banyak kes-kes yang tertangguh khususnya kes-kes trafik dan saya harap kes-kes seperti ini dikendalikan oleh Majistret sementara seperti Majistret yang telah bersara dan boleh berkhidmat lagi, seperti yang ada undang-undang untuk mengendalikan supaya perkara ini dapat disemak dan dipercepatkan, sebabnya dari segi trafik ini tidak payah kita

adakan satu Majistret yang dengan izin, full time, kita adakan sementara, kes-kes yang mana yang mengaku salah itu, kita terus denda dan yang tidak mengaku salah kita akan jadualkan hari yang akan dibicarakan perkara-perkara ini termasuk juga kes-kes hutang-hutang misalannya tanah, kes hutang-hutang kecil, kes-kes berkenaan dengan saraan-saraan antara keluarga patut dikendalikan dari Mahkamah Syariah kepada Mahkamah Sivil di Majistret di mana kita mesti tambahkan lagi Majistret ini supaya melonggarkan dan menyegerakan kes-kes yang tertangguh ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi berdiri menyokong pindaan rang undang-undang dan saya harap mendapat kelulusan yang setimpal dengan kedudukan yang mulia hakim-hakim. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hanipah.

3.00 ptg.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1997. Sebelum pada itu, saya ingin mendapat kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menyampaikan satu, dua perkara yang perlu saya sampaikan dalam Dewan ini pada hari ini juga berasaskan kepada perkara-perkara yang lazimnya, ada yang selalu dipakai oleh Ahli-ahli Dewan yang ada hubungkait dengan rakyat.

Pertama sekali, saya selaku wakil yang datang dari kawasan menanam padi, bagi pihak rakyat penanam padi mengucapkan syabas dan tahniah di atas pengumuman baru yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan kadar harga padi dinaikkan mulai hari ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas dalam Dewan yang mulia ini.

Yang kedua, saya juga mengucapkan syabas dan tahniah di atas pengumuman yang baru dibuat pada hari ini juga yang mengatakan kadar tol tidak akan dinaikkan bagi tahun 1998 yang akan datang. Ini satu penghargaan kepada perkara-perkara yang telah sama-sama kita timbulkan dalam Dewan ini untuk kepentingan rakyat di negara kita. Dan saya percaya dua perkara ini akan mendapat perhatian dari semua golongan rakyat dan kita percaya status Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad akan terus mendapat kepercayaan daripada semua golongan rakyat yang ada di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga akan turut membahaskan Akta Saraan Hakim. Walau macam manapun tidaklah sebegitu hebat sepertimana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki yang telah berucap tadi dan saya nampak Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki selepas balik dari bercuti di Australia ini adalah agak begitu garang dalam mengemukakan hujah-hujahnya, kemungkinan ada sesuatu yang baru yang beliau bawa balik dari Australia.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat penjelasan sedikit. Sebabnya sahabat saya kata saya pergi bercuti.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya, saya tidak pergi bercuti. Saya pergi kerana satu perkara yang amat penting, oleh itu saya tidak dapat menceritakan dalam Dewan ini kenapa saya pergi tetapi perkara itu bukan bercuti, adalah satu peribadi yang saya kena selesaikan dan insya-Allah, perkara itu nampaknya beransur pulih dan memberi saya kelegaaan. Sebab itu saya dapat berucap tadi, saya kalau tahu berkenaan dengan Usul yang dibawa pada hari ini, saya rasa tak tahulah apa persediaan yang saya buat nanti. Jadi, hati saya itu sungguh-sungguh, bila tercemar sahaja Dewan Negara ini hati saya cukup-cukup marah, begitulah keadaannya. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat tadi. Walaupun anggapan saya itu silap saya mohon maaf dan saya tarik balik anggapan asal saya tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita membahaskan tentang saraan hidup dan kita difahamkan iaitu ada kaitan dengan kadar upah atau gaji yang diterima pada setiap masa oleh pihak yang berkenaan dan kita percaya hakim-hakim ini juga terlibat dengan gaji-gaji atau upah-upah yang terlibat. Kita faham dan kita telah dimaklumkan kadar-kadar gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain pegawai-pegawai dalam sektor yang berkenaan.

Jadi, bila kita mempersoalkan tentang saraan hidup hakim, saya juga ingin mendapat sedikit pandangan dari kerajaan untuk maklumat saya dan kemungkinan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat yang lain, kadar-kadar gaji yang dibayar kepada hakim-hakim mengikut sektor-sektor mahkamah yang berkenaan dan juga saya ingin mendapat sedikit penerangan dan penjelasan dari pihak kerajaan kadar saraan hakim pada setiap tahun. Jika kita dapat bandingkan dengan saraan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan yang lain. Ini dapat membantu kita menentukan andaian-andaian yang sepertimana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki menyatakan tadi, perkhidmatan hakim ini sudah mendapat kepercayaan dan sanjungan tinggi oleh semua rakyat di atas tugas dan tanggungjawab yang telah disempurnakan mengikut kehendak yang tertentu.

Jadi, saya mengharapkanlah semua hakim-hakim yang terlibat dengan pihak judiciary akan terus memberi khidmat dan perkhidmatan mereka untuk kepentingan rakyat dan juga untuk kepentingan negara. Dengan ini saya menyokong Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1997. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamalia.

3.05 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya juga kesempatan untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah memberi satu pengiktirafan kepada integriti kehakiman dan yang sedikit masa dahulu mempunyai kesan-kesan hitam yang banyak diperkatakan tentang misstamina of judges dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya merasa dukacita kerana salah satu cabang daripada sistem demokrasi kita iaitu Parlimen iaitu Dewan Negara itu sendiri telah dipertikaikan oleh Ahli Dewan Rakyat. Ini adalah satu-satu perkara yang kita amat tidak dapat menerima dan kita dengan sepenuh-penuhnya mengutuk apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Dewan Rakyat di dalam Dewan Rakyat tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kedaulatan negara dan kedaulatan Parlimen adalah merupakan satu perkara yang tidak boleh diperolok-olokkan dan dipermain-mainkan walau di mana sekali pun. Dan kita juga hairan mengapa Ahli Dewan Rakyat, Tuan Lim Kit Siang seorang peguam, saya agak kesal kerana dia juga merupakan seorang peguam telah sanggup memberi kata-kata kesat yang sebegitu terhadap Dewan Negara.

Walau bagaimanapun, kita akan mengusulkan bahawa beliau perlulah dan hendaklah menarik balik apa yang telah diperkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memperkatakan juga kehakiman, kita amat berbangga pada hari ini bahawa pihak kehakiman telah dapat menjalankan pentadbiran keadilan dengan begitu baik. Kita juga tidak lagi mendengar kes-kes yang tertangguh yang dahulunya banyak diperbincangkan di dalam dan di luar Parlimen juga. Tahniah diucapkan kepada pihak kehakiman.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kehakiman kerana telah menjalin hubungan baik di antara pihak kehakiman dengan Majlis Peguam kerana perkara-perkara dan isu-isu yang dibawa di mahkamah ataupun masalah-masalah mahkamah telah dapat diselesaikan dengan mengadakan rundingan di antara pihak Majlis Peguam dengan pihak kehakiman. Ini adalah merupakan satu tanda-tanda yang baik, yang perlu dicontohi oleh semua rakyat termasuk jugalah Ahli Dewan Rakyat, Tuan Lim Kit Siang kerana ia perlulah mendaulkan cabang-cabang demokrasi atau mekanisme machinery, dengan izin, Parlimen, machinery pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah juga kepada pihak kehakiman kerana telah memberi sumbangan kepada perkembangan dan pembangunan undang-undang. Ini telah dapat kita lihat bagaimana keputusan yang telah dibuat oleh hakim-hakim telah membawa kepada perubahan dalam

perundangan yang wujud. Contohnya kita dapati banyak perkara yang telah diubah seperti satu rang undang-undang yang telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat, yang akan dibentang kepada Dewan ini iaitu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997 contohnya adalah berdasarkan kepada apa yang telah diputuskan dalam kes Repco Holdings Berhad lwn Public Prosecutor 1997. Ini adalah satu perkara yang sangat digalakkan dan saya percaya kita sangat mengalu-alukan peranan kehakiman yang telah memberikan satu sumbangan dan akan terus memberi sumbangan dalam perkembangan undang-undang sepertimana yang dikatakan oleh Lord Denning, dengan izin, 'the law should liberate and not enslave' dan ini adalah satu perkara yang saya sangat alu-alukan dan kita perlulah memberi pengiktirafan kepada pihak kehakiman di atas kredibilitinya yang tinggi.

Perkara yang kedua, yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai kuasa, dengan izin, judicial review oleh pihak kehakiman. Ini juga merupakan salah satu perkara yang mungkin perlu juga dilihat oleh pihak kehakiman sebagai satu peranan yang penting.

Pertamanya ialah mengenai satu isu yang telah dibangkitkan dalam satu laporan *New Straits Times*, dengan izin, yang menyatakan bagaimana 44 orang banduan yang telah ditahan di bawah tahanan limpahan Sultan yang mana penahanan mereka telah tidak dikaji semula dan mereka telah terus ditahan. Sepatutnya mereka telah dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita perlulah melihat kepada peranan pihak kehakiman dalam remedi-remedi undang-undang dan juga sama ada dari segi judiciary view itu sendiri dan juga di peringkat pentadbirannya kerana ini mungkin akan menimbulkan pelbagai masalah dari segi undang-undang untuk kita dapat seterusnya memberikan kredibiliti kepada pihak kehakiman. Perkara ini telah banyak dibentangkan dan juga telah banyak dibincangkan dan saya percaya pihak kehakiman akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dua perkara yang ingin saya sampaikan dan saya mengharapkan pihak kehakiman akan terus memberikan perkhidmatannya yang baik dan terus dipertingkatkan kerana sepertimana yang dikatakan di dalam Al-Quran, *“Sesungguhnya Allah menyuruh kita untuk berlaku adil dan berbuat baik.”* Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

3.11 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin membahas satu rang undang-undang yang meminda Akta Saraan Hakim 1971 yang dibentangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, hakim biasanya adalah Hakim Mahkamah Sesyen ataupun Hakim Mahkamah Tinggi. Hakim adalah menjalankan tugas yang penting iaitu melaksanakan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini. Tugas hakim adalah penting, jadi

sikap hakim dalam perbicaraan sesuatu kes haruslah dengan adil dan saksama, to interpret the law of the Parliament.

Baru-baru ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan hakim oleh kerana seramai 39 hakim daripada lebih kurang 90 hakim Mahkamah Tinggi telah secara sukarela potong gaji masing-masing sebanyak 3%, macam Senator 3% bersama-sama dengan kita kerana pada hari ini negara kita menghadapi krisis kewangan dan krisis ekonomi.

Dalam pada itu, elaun air, elektrik dan telefon hakim masing-masing pun biasanya elaun ini dibayar oleh pihak kerajaan tetapi hari ini tuan hakim bersetuju membayar 50% masing-masing bagi meringankan tanggungan kerajaan kita.

Sementara itu tuan hakim pada masa dahulu, selalu mengadakan sidang di hotel-hotel tetapi sekarang mereka mengadakan sidang hakim di dalam Mahkamah Tinggi, ini merupakan tuan hakim di negara kita ini sokong sikap kerajaan untuk mengatasi krisis ekonomi yang dihadapi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tuan hakim adalah melaksanakan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa Ketua Pembangkang iaitu Encik Lim Kit Siang mengatakan Dewan Negara kita ini adalah merupakan sebagai tong sampah. Kalau sekiranya Dewan Negara ini merupakan tong sampah, maka minta maaf

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri sebagai seorang Speaker adalah tong sampah yang besar, kita Senator adalah sampah yang kecil. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua menjalankan tugas untuk kepentingan negara tetapi disifatkan oleh Tuan Lim Kit Siang sebagai sampah, apakah perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat?

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengemukakan bantahan terhadap Lim Kit Siang. Saya minta supaya Lim Kit Siang dapat menarik balik perkataan yang tidak sopan itu. Beliau tidak mengetahui bahawa sistem politik negara kita ini adalah mencontohi sistem British. Negara kita ini adalah pernah juga menjadi koloni British dan mencapai kemerdekaan negara kita pada 31 Ogos 1957. Di England ataupun di United Kingdom, sistem demokrasi adalah amat demokratik di dunia ini.

Saya telah menuntut selama lima tahun di England di bidang undang-undang dan tiga tahun full time bidang politik. Saya mengetahui dan sedar bahawa sistem British itu yang baik sekali mengikut pandangan saya, yang demokratik sekali tetapi orang putih dahulu bila dia memerintah koloni, menggunakan sistem yang tidak adil dan saksama kepada koloni-koloni.

Pada hari kemerdekaan negara kita, Perlembagaan negara kita adalah mencontohi British system politics. Pada hari ini di England mempunyai House of Lords, kedudukannya adalah seperti Dewan Negara di negara kita ini dan House of Commons iaitu seperti Dewan Rakyat di negara kita ini. Sistem

ini telah diamalkan selama lebih dari 1,000 tahun tetapi berjalan dengan baik. Amalan sistem ini diamalkan oleh semua negara Komanwel sesudah mencapai kemerdekaan.

Jadi, pada hari ini Dewan Negara adalah sebuah Dewan yang meluluskan undang-undang. Dewan Negara adalah satu badan yang suci dan agung di negara kita ini tetapi Lim Kit Siang mensifatkannya sebagai tong sampah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu, saya ingin menerangkan kepada Dewan yang mulia ini kenapa Lim Kit Siang mensifatkan Dewan Negara ini sebagai tong sampah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Yim Chee Chong: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari sahabat saya berkenaan dengan tong sampah ini. Adakah sahabat saya faham apabila Tuan Lim Kit Siang menyatakan Dewan Negara ini tong sampah, saya tak faham makna tong sampah sebabnya Tuan Lim Kit Siang ini bila dia bercakap di Dewan Rakyat, dia bercakap teruk sedikit, dia bercakap bahasa pasar, jadi saya tidak berapa faham bila dia bercakap Melayu, apa yang diutarakan dalam ucapan ini pun saya tidak berapa faham dalam *Hansard* ini. Jadi, di sebut di sini 'tong sampah', adakah tong sampah ini

bermakna Bil-bil rang undang-undang yang dilulus di Dewan Rakyat dibawakan ke Dewan Negara dimasukkan dalam tong sampah, Bil-bil itu masuk dalam bakul sampah makna tidak boleh digunakan Bil itu tidak boleh dibawa ke Yang di-Pertuan Agong lagi, adakah bermakna ucapan-ucapan di Dewan Negara ini macam tong sampah. Saya tak faham perkataan tong sampah ini, boleh jadi Tuan Lim Kit Siang sendiri tak faham apa yang dicakapkan berkenaan dengan tong sampah, adakah disebabkan dia suka menyebut perkara-perkara yang menyeronokkan barangkali kepada sebilangan orang, orang yang macam saya ini tidak berapa seronok bila disebut perkara ini, berkenaan dengan khalwatlah, berkenaan orang ini kena saman, berkenaan dengan kes-kes rogolkah, tong sampah Dewan Negara, apa maknanya. Saya minta sahabat saya beri penjelasan sedikit berkenaan dengan perkara tong sampah yang disebutkan ini. Dewan Negara ini tong sampah, apa maknanya tong sampah? Saya tak faham, kalau boleh beri penjelasan sedikit.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki. Apakah maknanya tong sampah, ini bukan ucapan saya, ini Tuan Lim Kit Siang, jadi kita harus tanya dia secara terbuka apakah maknanya tong sampah. Tetapi mengikut pandangan saya kata-kata beliau bermakna Dewan Negara tidak payah lagi, sistem Dewan Negara tak payah lagi macam tong sampah tak payah lagi buang sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Di England ada orang yang mencadangkan selama ini House of Lords tidak digunakan lagi, minta jangan menggunakan House of Lords tetapi sejarah membuktikn House of Lords itu penting. Jadi, masih ada lagi House of Lords pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lim Kit Siang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dewan ini ditangguh untuk Usul ini kemudian nanti.

Tuan Yim Chee Chong: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan ucapan itu, ada Usul kemudian.

Tuan Yim Chee Chong: Oh, ada Usul lagi. Ya, saya difahamkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah ada Usul lagi, tetapi ini berkenaan dengan Akta Saraan Hakim, oleh kerana hakim adalah menjalankan dan melaksanakan undang-undang yang dilaksanakan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, jadi saya menyentuh tentang ucapan Tuan Lim Kit Siang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lim Kit Siang malangnya dia tidak ada di sini pada petang ini. Saya pada tahun 1990 di dalam pilihan raya di kawasan Seremban telah mengalahkan Pengerusi DAP, Dr. Chen Man Hin. *[Tepuk]* Dan juga saya disifatkan sebagai seorang giant killer yang mengalahkan Pengerusi DAP. Tuan Lim Kit Siang juga menghina pengundi-pengundi di kawasan Seremban mengatakan Barisan Nasional menggunakan kekotoran

untuk memenangi kawasan Parlimen Seremban. Ini adalah menghina pengundi kita di Seremban. Juga dalam pada itu saya pernah cabar Tuan Lim Kit Siang di Dewan Rakyat meminta dia lawan di kawasan Seremban, saya bersiap sedia melawan Tuan Lim Kit Siang tetapi beliau tidak berani menjawab cabaran saya. Dan juga saya bersiap sedia meletak jawatan sebagai Senator lawan dengan Tuan Lim Kit Siang di Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh hakim. Hakim bila sudah naik pangkat, jadi hakim hampir bersara umurnya lebih dari 50 tahun ataupun 60 tahun, beberapa orang kawan saya adalah tuan hakim. Oleh kerana banyak kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi, jadi setiap tengah malam seorang kawan saya mengatakan dia adalah seorang hakim, dia tulis decision sampai tengah malam setiap malam. Jadi, rambutnya pun sudah putih, botak pun ada juga, tak banyak rambut kerana menggunakan otak berkhidmat untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah tuan hakim itu bersara, kerajaan kita harus menjaga kepentingan dan segala welfare hakim oleh kerana hakim telah memberi sumbangan kepada negara kita. Pada hari ini kita berasa riang dan gembira kerana kita tidak nampak ada hakim yang melibatkan diri dalam rasuah. Kalau seseorang hakim melibatkan diri dalam rasuah, ini adalah amat teruk kerana undang-undang itu adalah yang dibuat oleh Parlimen tetapi ada juga yang dibuat oleh hakim, the judges make law, orang putih katakan, kalau

sekiranya seseorang hakim itu menerima rasuah, maka keputusannya tidak akan adil dan saksama. Kalau ada membayar wang kepada tuan hakim, orang itu sungguhpun akan kalah dalam mahkamah, tetapi dia akan menang. Setakat ini kita nampak cuma seorang majistret sahaja di Johor yang melibatkan diri dalam rasuah dan majistret itu telah menghilangkan diri entah ke mana sekarang, oleh kerana pihak polis hendak menangkapnya kerana melibatkan diri dalam rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap hakim akan menjalankan tugas masing-masing dengan cekap, adil dan saksama dan memahami semua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Ada juga tuan hakim ataupun majistret tidak begitu fasih dengan undang-undang. Jadi, keputusan kes itu adalah salah belaka dan yang menderita adalah rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, tahun yang lalu saya juga mengatakan, pada tahun 1986 saya juga memfailkan election petition, minta kira semula kertas undian. Kawan saya Dato' Wong Seng Chow iaitu bekas Menteri Pengangkutan pun memfailkan election petition dan Dr. Yow yang sekarang ini jadi Exco Member pun memfailkan election petition supaya kertas undian itu dikira semula. Tetapi kesemua kes ini ditolak oleh mahkamah dan tak ada tempat merayu yang appeal, oleh itu saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar supaya mengadakan undang-undang yang boleh menerima rayuan daripada yang kalah dalam election petition di Mahkamah Tinggi untuk menjamin keadilan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang sentiasa bohong di mahkamah, sungguhpun sebelum memberi keterangan sesiapa saksi mengangkat sumpah mengatakan semua keterangan adalah benar, semuanya benar, tetapi saya sudah lebih dari 12 tahun di mahkamah, saya dapati ramai orang yang bohong di mahkamah.

Pada kes saya election petition, Returning Officer berbohong di mahkamah, jadi saya yang bercakap benar itu ucapan saya, keterangan saya ditolak, jadi election petition saya ditolak dengan kos. Sesudah hampir sepuluh tahun, Dr. Chen Man Hin punya lawyer - Christopher, hendak minta taksiran kos sebanyak RM129,000 orang yang ingin cepat kaya minta RM129,000, sesudah lawan di Mahkamah Tinggi, SA ataupun Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi membenarkan RM30,000. Saya minta dikurangkan oleh kerana AG Chamber, yang kita sue Returning Officer, AG Chamber dia minta RM5,000 sahaja, kita minta garis panduan adalah mengikut AG Chamber RM5,000 tetapi pihak Timbalan Pendaftar membenarkan RM30,000. Ini pada hemat saya adalah sangat tidak adil dan tidak mengikut keputusan Peguam Negara.

Oleh itu saya memohon supaya pihak kerajaan akan mengadakan satu garis panduan tentang kos, kalau sesiapa yang kalah di mahkamah, jadi setiap bicara berapa banyak kosnya, bukan sahaja bagi kos dengan sewenang-wenang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kos RM30,000 dengan expenses sekali lebih kurang RM32,000, tetapi lawyernya terus sahaja menghantar satu caj kepada Mahkamah Tinggi minta RM36,000, jadi dia punya tuntutan biasa, saya tidak bayar. Sementara itu lawyernya minta interest sebanyak sembilan tahun, satu tahun sahaja dia minta taksiran kos, tetapi dia minta interest sebanyak sembilan tahun, ini adalah tidak adil dan saksama. Ketika saya minta penjelasan, peguamnya tidak memberi jawapan sebaliknya terus sahaja hantar satu notis, bankruptcy notice terhadap saya di Mahkamah Tinggi Seremban. Mengikut pandangan saya ini amat tidak adil dan juga kalau mengikut undang-undang pada hemat saya Timbalan Pendaftar telah salah buat keputusannya kerana sesuatu kes kalau sekiranya lebih dari enam tahun tidak boleh straight away minta taksiran kos, ia harus minta kepada Mahkamah Tinggi, minta leave, to apply for the leave of the High Court, tetapi terus sahaja dia minta taksiran kos, ini bermakna Mahkamah Tinggi telah melakukan kesilapan di sisi undang-undang. Oleh hal yang demikian, saya memohon supaya AG Chamber akan memerhatikan kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengatakan orang selalu bohong di mahkamah. Anggota polis pun bohong di mahkamah. Yang Berhormat Dato' Ong Ka Ting tidak ada di sini pada petang ini, kalau tidak, saya minta penjelasan daripadanya. Baru-baru ini saya ada satu kes di mahkamah, seorang OKS (Orang Kena Saman) dituduh potong kereta di dua garisan (double line) dan dibicarakan di mahkamah. OKS itu tidak mengaku salah. Saya adalah peguam bela bagi pihaknya, tetapi di dalam perbicaraan, dua orang anggota polis bohong di mahkamah. Bila saya tanya, di situ ada double line atau tidak?

Beliau kata, ada. Kemudian saya tanya, jelas atau tidak? Beliau kata, jelas. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, di situ langsung tidak ada double line. Dua tiga kali saya minta majistret kita pergi ke tempat itu menyaksikan sama ada ada double line atau tidak. Anggota polis itu adalah melakukan kesalahan perjury, orang yang memberi maklumat yang palsu di mahkamah. Saya tidak mengetahui macam mana majistret hendak buat keputusan atas kes ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap majistret ataupun tuan hakim akan menjalankan tugas mereka dengan adil dan saksama dan dengan kebijaksanaan mereka macam Justice Bao. Adakah Tuan Yang di-Pertua menyaksikan filem Justice Bao yang ditayangkan di TV? Tidak ada. Saya cadangkan semua Senator harus menyaksikan filem Justice Bao. Justice Bao adalah seorang tuan hakim di negara China lebih kurang seribu tahun dahulu, orang yang tidak gentar kepada apa sahaja orang, dia menjalankan undang-undang dengan adil dan saksama sehingga hari ini semua orang keturunan Cina kenal siapa dia Justice Bao. Beliau juga mengatakan, anak cucu saya siapa yang melibatkan diri dalam rasuah maka orang itu akan dihalau dari rumahnya. Saya harap tuan hakim dan majistret di negara ini akan mencontohi Justice Bao menjalankan tugas dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan kepada Attorney-General Chamber iaitu meminda Legal Profession Act 1976 oleh kerana mengikut undang-undang itu, seseorang lawyer tidak dibenarkan menyebut nama dan alamatnya di dalam newspaper, tetapi mengikut Legal Profession Act ini dibenarkan mengepulkan nama dan alamat di dalam Yellow Pagets Telephone Directory.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini bila kita merayakan Hari Kemerdekaan negara pada 31 Ogos, saya ada juga satu advertisement bukan tarik anak guaman, advertisement itu adalah Ulang Tahun Ke-40 - 40th Anniversary (1957-1997). We rejoice with the people of Malaysia in celebrating this espionage occasion, ada juga moral value towards a successful society. Best wishes - ini untuk menyambut Hari Kemerdekaan - from Yim Chee Chong & Company - ini company saya, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ada alamat di situ, apa pun tak ada, itu sahaja - Menyambut Kemerdekaan Negara. Tetapi tidak lama dahulu saya telah menerima sepucuk surat dari Majlis Peguam (Bar Council), Sekretarinya minta saya beri penerangan kenapa nama dan alamat legal firm awak disiarkan

di newspaper *The Sun*. Siapa hendak tengok, boleh tengok ini, gambar Dr. Mahathir ada di sini - tengok begitu handsome. Bar Council kata hendak ambil tindakan disiplin terhadap saya. Saya beri jawapan yang mengatakan, saya bukan tarik anak guaman, tetapi adalah kerana menyambut Hari Kemerdekaan negara kita. Saya sudah minta maaf. Bar Council hantar surat kepada saya, okaylah, kita terima you punya maaf dan explanation, kes ini dibatalkan.

Oleh hal yang demikian, saya minta AG Chamber dan kerajaan kita supaya meminda Legal Profession Act agar mana-mana legal firm pada hari kemerdekaan boleh mengucapkan tahniah kepada negara kita kerana mencapai kemerdekaan, nama dan alamat boleh dikepilkan di dalam newspaper tempatan, bukan hendak tarik anak guaman, bukan hendak tout it, tetapi kerana hendak mengucapkan tahniah kepada negara. Saya harap AG Chamber dan kerajaan kita akan dapat meminda undang-undang agar pada tahun-tahun yang akan datang lagi banyak legal firm mengucapkan tahniah kepada negara kerana mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rang undang-undang ini adalah menjaga kepentingan hakim-hakim di negara kita ini, maka saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

3.35 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya juga dapat turut menyampaikan hasrat saya sependek yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua memahami bahawa hakim berusaha dengan sedaya upaya bagi melaksanakan tugas profesion mereka bagi menyelesaikan semua kes yang wujud di hadapan mereka dengan seberapa boleh yang adil dan saksama yang dapat mereka jatuhkan hukuman kepada kes yang ada. Cuma yang saya ingin mengingatkan di sini kepada para hakim hendaklah mereka menjatuhkan hukuman-hukuman yang ada di hadapan mereka tanpa memilih kasih sayang. Bagi hakim-hakim yang beragama Islam mestilah mereka meletakkan keadilan yang lebih utama, dengan izin, Allah telah mengingatkan dengan ayat yang pendek sebagai formula kepada para hakim [*sambil membaca ayat al-Quran*] maksudnya, 'Apabila para hakim dan sesiapa yang mempunyai sangkutan untuk melaksana menjatuhkan hukuman di kalangan sesama manusia, hendaklah mereka menjatuhkan hukum

dengan seadil mungkin'. Lebih-lebih lagi bagi para hakim yang beragama Islam kerana di akhirat sana mempunyai satu lagi mahkamah perbicaraan di hadapan Allah Yang Maha Adil, Maha Saksama. Manakala bagi para-para hakim yang bukan beragama Islam, mestilah mereka melaksanakan profesional mereka dengan bermoral dan harmoni mengikut agama mereka masing-masing yang memerlukan pembelaan yang juga adil.

Jadi bagi masalah yang khusus telah dikemukakan tadi, saya juga bagi pihak parti PAS turut mengutuk Ketua Pembangkang DAP di atas lafaz beliau yang menyentuh hati Ahli-ahli Dewan Negara yang saya rasa keluaran katanya adalah mengikut emosi dan sentimen. Oleh itu, saya akan bersetuju bersama dengan Ahli-ahli Dewan Negara meminta supaya beliau secara terbuka untuk memohon maaf kepada apa yang beliau nyatakan itu.

Jadi dengan kata lain, saya juga turut bersama menyokong undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Ismail.

3.39 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangun untuk menyokong Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1997 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1995.

Akta ini adalah bertujuan supaya Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 dijadikan terpakai juga bagi hakim-hakim. Di dalam Huraian yang terdapat dan juga penjelasan yang diberikan oleh pihak kerajaan tadi ada menyebut rang undang-undang ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan pandangan-pandangan yang berikut. Yang pertamanya, institusi kehakiman adalah satu institusi yang boleh menentukan pentadbiran dan perjalanan sesebuah kerajaan di dalam sesebuah negara itu. Kita tidak mahu institusi kehakiman jadi macam di Pakistan baru-baru ini di mana kita tahu hakim-hakim juga adalah terdiri daripada manusia biasa yang mempunyai keinginan, yang ada perasaan, pendek kata, tak ubah seperti manusia lain yang berjawatan lain. Oleh itu, pihak hakim hendaklah berhati-hati dalam tindak-tanduk mereka terutama sekali dalam menyelesaikan satu-satu kes.

Kita berharap dengan pindaan undang-undang ini di mana kita beri ganjaran tambahan kepada mereka dari segi elaun dan juga gaji termasuklah pencen, pihak hakim hendaklah menjalankan tugas dengan bijaksana dan penuh keadilan. Mereka hendaklah elak daripada terlibat di dalam politik. Kalau mereka hendak terlibat di dalam politik, seboleh-bolehnya mereka hendaklah pisahkan di antara pengadilan dan juga politik. Kita tidak mahu ada pihak-pihak yang menggunakan institusi kehakiman untuk kepentingan politik peribadi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan pihak hakim iaitu dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam keadaan ekonomi meleset sekarang iaitu pemotongan sebanyak 18% dan termasuk 10% daripada pegawai-pegawai tinggi dan seterusnya, pihak hakim juga hendaklah jangan menganggap perkara ini hanya melibatkan pihak lain, mereka juga mesti sanggup berkorban untuk memulihkan keadaan ekonomi negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru supaya pihak penghakiman menyegerakan kes-kes yang sudah lama berlarutan. Kita dapati sekarang ini proses undang-undang agaknya menyulitkan rakyat terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian pihak hakim hendaklah mencari jalan supaya kes-kes yang tertangguh itu dapat diselesaikan dengan segera terutamanya kes-kes yang melibatkan perkara yang menjadi beban kepada rakyat dan juga kerajaan.

Saya juga ingin menyeru di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita memberi perhatian yang serius terhadap kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang yang pada pandangan saya adalah terdiri daripada lawyer juga di mana di dalam petikan yang saya dapat ini ada menyebut akan meninggikan mutu Senat sekarang, iaitu dia sebut di sini, dengan izin, 'rubbish bin for those that had been political dead wood' sahaja dan ini akan lebih baik kepada keseluruhannya orang-orang dalam Kabinet'. Maksudnya, orang-orang yang tidak boleh lagi digunakan di dalam Dewan Rakyat dan juga dalam sektor-sektor tertentu, dia menganggap kerajaan melantik mereka itu masuk jadi Senator dan kalau dia sebut Senator ini sebagai 'rubbish bin' - orang-orang yang tidak berguna lagi, ini bermakna termasuklah Tuan Yang di-Pertua, termasuklah semua yang ada di sini dan termasuklah sama ada parti pembangkang juga dan ini adalah satu kenyataan yang bercanggah dengan Perlembagaan.

Saya ada mengambil satu petikan daripada Perlembagaan Malaysia di perpustakaan tadi yang mengandungi sumpah daripada seseorang, Sumpah sebagai Ahli Parlimen dan Sumpah Taat Setia yang menyebut di sini, 'Saya, (nama orang yang berkenaan - Lim Kit Siang) setelah dipilih (atau dilantik) sebagai seorang ahli Dewan Rakyat (atau ahli Dewan Negara) adalah dengan ini mengangkat sumpah (atau berikrar) dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur, dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia dan yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya'.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Lim Kit Siang sudah melanggar satu sumpah yang dia sendiri buat sebelum dia menjadi ahli Dewan Rakyat. Oleh yang demikian, kalau kita melihat balik di dalam prinsip Rukun Negara jelas menyebutkan iaitu 'Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan'. Saya tidak tahu di mana Kementerian Dalam Negeri boleh buat tafsiran dengan kenyataan Lim Kit Siang itu. Lim Kit Siang telah melanggar undang-undang kita. Lim Kit Siang telah mempertikaikan keluhuran Perlembagaan kita. Lim Kit Siang tidak menghormati hak asasi orang lain. Kalau Lim Kit Siang ingat Dewan Negara ini memang tidak berfaedah, tidak berguna, dia terpaksa mengemukakan satu usul meminda Perlembagaan kita. Dengan itu, dengan sendirinya beliau tidak layak menjadi seorang rakyat, sebab hendak menjadi rakyat, dia mesti menerima Perlembagaan yang telah dipersetujui. Ini bermakna tindakan Lim Kit Siang adalah keterlaluan, bercanggah dengan Perlembagaan.

Oleh yang demikian, di dalam Dewan yang mulia ini kita perlu menyokong usul tergepar yang dikemukakan tadi yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk dibahaskan supaya usul itu disokong sepenuhnya dan kita perlu sampaikan keputusan ini kepada Lim Kit Siang, kepada Speaker Dewan Rakyat, dan semua ahli termasuk Perdana Menteri supaya tidak ada rakyat Malaysia yang mendapat manfaat dan faedah sebagai ahli Dewan Rakyat, ahli Dewan Negara, ahli Dewan Undangan Negeri yang sah di sisi Perlembagaan boleh menimbulkan sesuatu yang boleh menjejaskan keluhuran Perlembagaan kita.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.46 ptg.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat para Senator yang semua tadi telah berbicara dengan isu ini dan juga dengan isu yang tidak berkaitan dengan hal ini, iaitu daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Senator Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Tuan Yim Chee Chong, Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail serta Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim pun turut sama berbicara.

Sesungguhnya, yang pertamanya kalau boleh saya sentuh apa yang tidak ada kaitan dengan apa yang saya bentangkan iaitu kegusaran dan kemarahan ahli-ahli Senator terhadap komentar yang dibuat oleh Ketua Pembangkang. Sesungguhnya inilah yang kita katakan kita mahukan undang-undang dalam negara ini. Kadang-kadang kalau kita tanya apakah perlunya undang-undang - inilah dianya, the bad will break all laws, the good one needs none. Jadi orang macam inilah yang kadang-kadang undang-undang negara ini terpaksa kita pertahankan. Saya tidak mahu bercakap banyak, hanya saya hendak menyatakan kalau sekiranya Yang Berhormat benar-benar merasa serius di atas apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang, saya mencadangkan tindakan yang serius bolehlah dilakukan selagi dia belum minta maaf, dua hari, tiga hari sekali seorang Senator digilirkan menyuarakan dalam akhbar-akhbar perasaan tidak puas hati yang tidak terhingga terhadap orang yang berkenaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta panduan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Saya ingin mendapat penjelasan, Yang Berhormat sebut tadi inilah kita perlu ada undang-undang, tetapi apa maknanya undang-undang kalau penguatkuasaannya tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Yang Berhormat juga menyebut tadi kalau dia tidak minta maaf, kita terpaksa ambil tindakan bangun bercakap juga, kita sudah bercakap dan kemungkinan usul sebentar lagi akan diluluskan. Kita berharap pihak yang diberi kuasa melaksanakan proses undang-undang. Itu sahaja. Tidak perlu lagi kita buat kenyataan akhbar dan sebagainya apabila usul sebentar lagi akan

diluluskan. Soalan saya, apa makna undang-undang yang sempurna kalau ianya tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan ini undang-undang apa yang dilanggar oleh Ketua Pembangkang? Saya rasa yang dilakukan oleh Ketua Pembangkang ialah political action, dia tidak menyalahi mana-mana undang-undang. Dia memberi pendapat. Saya tidak bersetuju dengan pendapat dia. Jadi saya rasa Yang Berhormat ahli Senator pun juga berhak memberi pendapat terhadap Ketua Pembangkang yang tidak bertanggungjawab. Saya hendak cadangkan umpamanya Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim daripada Kelantan yang datang dari parti PAS, apa gunanya anggota-anggota PAS yang lain duduk bersekongkol dengan Ketua Pembangkang, menjadi ketua kepada golongan pembangkang termasuk parti PAS. Kalau sekiranya anggota PAS dalam Dewan Negara ini tidak dapat menerima kepimpinan ataupun kalau boleh saya gunakan perkataan 'kebiadaban seorang Ketua Pembangkang'. Jadi saya percaya bahawasanya tindakan ini bukan hanya harus dilakukan oleh Barisan Nasional, tetapi semua orang yang ada the right frame of mind, dengan izin, iaitu kita tidak mahu provokasi yang keterlaluan, yang tidak ada faedah kepada negara sedangkan negara sekarang menghadapi masalah, dia lagi mewujudkan masalah untuk kita menyelesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada perkara yang saya bentangkan. Saya telah mengemukakan tadi bahawa satu rang undang-undang untuk membuat sedikit pindaan kepada seksyen 7, Akta Saraan Hakim dan ini adalah hanya meminta Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan ini untuk kita selaraskan dengan saraan yang dibayar kepada anggota perkhidmatan awam. Jadi banyak daripada perkara yang dibangkitkan tadi mungkin terkeluar sedikit, walau bagaimanapun, ingin saya respon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator khususnya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, nampaknya dia melihat saya bertiga tadi, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki datang daripada Pahang, saya pun daripada Pahang, di sebelah kanan saya tadi, Yang Berhormat Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria pun daripada Pahang, di sebelah kiri, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad bin Abdullah pun daripada Pahang, agaknya nampak orang Pahang berbaris tiga orang ini dia pun naik semangat - semangat Tok Gajah, semalam kalah bola sepak, itulah sebabnya.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah meminta untuk dilantik majistret pencen. Saya telah mengatakan bahawa perkara ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan. Sesungguhnya kerajaan telah memberi pertimbangan yang sewajarnya dan buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengambil mereka kerana kerajaan berpendapat bahawasanya anggota-anggota majistret yang ada pada hari ini adalah mencukupi. Hanya kita telah menggalakkan ataupun mengadakan program-program bagi peningkatan produktiviti, daya pengeluaran, efisiensi mahkamah-mahkamah khususnya Mahkamah Majistret. Pada hari ini sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini banyak kes yang tertangguh telah pun dikurangkan malahan kadar penyelesaian kes-kes dalam mahkamah-mahkamah sekarang adalah dengan kadar yang lebih baik daripada di masa-masa silam. Saya percaya bahawasanya dengan usaha yang berterusan untuk kita mempertingkatkan kualiti maklumat dan juga efisiensi anggota-anggota mahkamah, permasalahan di dalam kelewatan pengadilan akan dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong telah menyatakan bahawasanya dia ditolak kesnya dengan pembayaran kos oleh SOR. Saya mencadangkan kalau sekiranya Yang Berhormat tidak berpuas hati, Yang Berhormat boleh merayu kepada pihak yang lebih atas. Saya percaya Yang Berhormat lebih arif, saya bukan peguam. Kalau Yang Berhormat seorang legal man, I am actually an illegal entity.

Tuan Yim Chee Chong: Minta laluan. Oleh kerana mengikut undang-undang sekarang ini tidak ada rayuan langsung, oleh yang demikian saya memohon supaya mengadakan undang-undang yang membolehkan rayuan daripada keputusan Mahkamah Tinggi, keputusan yang silap itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Perkara ini akan diambil maklum, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Hanipah bin Ahmad telah menyarankan tadi hendak bertanya apakah gaji dan saraan. Saraan saya tidak dapat hendak jawab, kerana saraan ini adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah tertentu, bergantung kepada lama mana dia berkhidmat, berapa tinggi pangkatnya, berapakah gaji yang terakhir dan sebagainya, yang ini kita hendak pinda. Tetapi kalau dari

segi gaji, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, gaji hakim-hakim setelah kita pinda semuanya dahulu, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dibayar RM12,000. Saya tidak ingat gaji menteri, saya rasa gaji menteri adalah lebih rendah daripada itu. Yang Amat Arif Presiden Mahkamah Rayuan RM10,520 dan berterusan sampai kepada pihak yang terendah dalam Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya, di Sabah dan Sarawak serendah sekali ialah RM9,050. Saya percaya lebih kurang gaji menteri, kalau boleh saya nyatakan.

Berkenaan dengan saraan pencen, saya tidak dapat hendak menyatakan. Saya sudah nyatakan tadi ianya tertakluk kepada banyak parameters.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya semua menyokong kita menyelaraskan saraan bagi hakim-hakim ini dan saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kalau ada perkara yang saya tidak jawab yang pada hemat saya adalah tidak terkeluar daripada mauduk perbahasan kita, saya percaya bahawasanya pegawai-pegawai Jabatan Perdana Menteri yang ada pada hari ini akan mengambil maklum catatan dan insya-Allah, akan diambil tindakan terhadapnya. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya membuat pembetulan sedikit terhadap sahabat saya, iaitu tadi disebut 'illegal entity'. Yang sebenarnya Yang Berhormat sahabat saya itu adalah 'legal entity'. Kalau dia illegal entity, dia tidak boleh berdiri untuk menjawab soalan kita ini.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ini sudahlah orangnya rendah, suka merendahkan diri lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI
(DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 merupakan akta yang mentadbir hal ehwal penubuhan dan pengawalseliaan depositori pusat serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti pendepositan, pemegangan dan pengesahan sekuriti serta urus niaga sekuriti yang telah didepositkan. Pengwujudan persekitaran pasaran modal tanpa skrip adalah merupakan salah satu faktor penting bagi memantapkan dan memamatkan lagi pasaran modal negara. Oleh itu, peranan dan fungsi depositori pusat perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan sistem tanpa skrip dapat berjalan dengan cepat dan sempurna.

Berikutan dengan penguatkuasaan Akta Syarikat (Pindaan) 1996 pada 15 Ogos 1996, takrif 'kepentingan' di bawah seksyen 84 Akta Syarikat 1965 telah dipinda supaya ianya tidak merangkumi 'skim saham amanah' sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Oleh itu, skim saham amanah tidak lagi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Pindaan tersebut melibatkan operasi depositori pusat kerana membolehkan skim saham amanah didepositkan ke dalam depositori pusat. Di samping itu, pindaan ini juga bertujuan memperkemaskan lagi aspek-aspek pentadbiran bagi depositori pusat bagi memastikan urusan pentadbirannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada pindaan kepada takrif ‘kepentingan’, takrif ‘sekuriti’ perlu dipinda untuk mengelakkan operasi dari depository pusat terjejas. Tanpa pindaan kepada takrif ‘sekuriti’ depository pusat tidak dapat beroperasi untuk membuat preskripsi kepada unit-unit skim saham amanah. Oleh kerana itu, pindaan-pindaan dicadangkan kepada seksyen 2 dan 35 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Pindaan juga dibuat kepada seksyen 22 akta ibu untuk mencerminkan bahawa selain daripada keadaan sedia ada, pengeluaran sekuriti juga tertakluk kepada kaedah-kaedah depository pusat selain daripada peruntukan seksyen 22 dan 24 akta ibu. Di samping itu, pindaan juga dicadangkan bagi memasukkan seksyen baru 41A untuk membolehkan depository pusat bertindak walaupun ia diberi notis mengenai pegangan amanah.

Seksyen baru 61A dimasukkan bagi memastikan supaya pegawai-pegawai Suruhanjaya Sekuriti dapat mewakili Suruhanjaya Sekuriti dalam mana-mana kes sivil yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah seksyen 58 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan skim saham amanah dimasukkan ke dalam depository pusat serta memperkemaskan lagi pentadbiran akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Aziz.

4.03 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong rang undang-undang yang dibawa oleh pihak kerajaan iaitu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengemaskinikan lagi dan terus mengemaskinikan dari masa ke semasa dari segi sistem perdagangan sekuriti di negara kita ini. Kita sekarang berdepan dengan satu masalah yang besar di mana nilai modal saham di Bursa Saham Kuala Lumpur telah pun menjunam yang pada satu ketika meningkat kepada 807 bilion dan kini menjunam pada pukul 3.40 pagi tadi saya periksa indeks sudah turun daripada lebih 1,000 mata kepada 533 mata (point) sekarang ini. Bererti 807 bilion pada satu ketika dahulu tanpa ianya diterjemahkan di dalam US Dollar, kita dapati modal kita sekarang ini menjunam 53% ke-54%. Tahap nilai modal sekarang mungkin antara 370 bilion ke-400 bilion sahaja.

Jadi dengan wujudnya sistem-sistem yang boleh mengemaskinikan sistem perindustrian sekuriti ini, saya yakin dan percaya fokus yang diberi oleh kerajaan ialah mencari jalan supaya tidak terhakis dari segi keyakinan pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur-pelabur asing, tetapi keadaan hari ini kita juga berdepan dengan penjunaman iaitu nilai Ringgit kita pun jatuh dan kalau kita semak pada satu ketika di mana Bursa Saham Kuala Lumpur ditempatkan pada tempat yang pertama di ASEAN, kini ianya jatuh. Kalau di Asia tempat yang ketiga, jatuh ke tahap yang kelima. Kita amat sedih kerana sekarang ini kita dapati Jepun masih mendahului dari segi bursa sahamnya nombor satu, nombor dua Hong Kong, Australia nombor tiga, Taiwan nombor empat dan Malaysia jatuh ke nombor lima. Jadi saya mengharapkan dengan wujudnya satu sistem yang boleh memperhebatkan lagi keyakinan supaya keadaan yang kita tempoh sekarang ini kita juga dapati remisier-remisier kita pun juga terjunam. Saya diberitahu mengikut maklumat terbaru, daripada 5,301 remisier di firma-firma broker saham kita dapati 867 telah pun terguling, tergantung. Daripada 867 itu, kita dapati lebih kurang 300 remisier adalah bumiputera.

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, di dalam keadaan kita menempuh masalah ini bagaimanakah kedudukan dasar dahulu yang dibuat oleh kerajaan untuk hendak meningkatkan bukan sahaja dari segi pegangan ekuiti bumiputera tetapi juga mereka yang melibatkan diri di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur menerusi firma-firma broker dan sebagainya bagaimanakah kedudukan dari segi Dasar Ekonomi Baru. Kita tahu pada satu ketika pihak kerajaan banyak mengeluarkan saham khusus untuk bumiputera dan kebanyakan saham ini mengikut harga pasaran pada waktu itu ianya dicagarkan

kepada bank kerana tidak mungkin semua bumiputera mampu membeli saham-saham ini dengan kewangannya sendiri. Jadi apabila mereka menyandarkan saham-saham ini kepada pihak bank, kita dapati sekarang ini bank telah pun menentukan kecairan dari segi kewangannya merosot, jadi kita hendak tahu berapa ramai pemegang-pemegang saham bumiputera yang terkandas apabila berdepan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh Bursa Saham Kuala Lumpur ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan keyakinan pihak pelabur asing kepada kita, kita dapati mereka yang melabur dari segi dana-dana kewangan asing ini pukul rata lebih kurang 25% daripada saham-saham kita dahulu mempunyai dana-dana daripada firma-firma asing dan wang ini masuk dan keluar begitu cepat. Dalam keadaan kita berdepan dengan globalisasi pemasaran modal, wang ringgit dan sebagainya, kecairan (fluidity) wang keluar-masuk ke negara kita ini cepat sekali. Beberapa tahun dahulu kita berdepan dengan masalah yang sama.

Jadi usaha kerajaan untuk mewujudkan Hong Kong sebagai usaha swasta untuk memusatkan pembelian bon dan sebagainya di mana wang ringgit kawasan rantau Asia dan ASEAN digunakan membeli bon-bon ini dan duit itu, proceed daripadanya dapat digunakan untuk melabur kembali kepada bursa-bursa saham bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga bursa saham di rantau ASEAN dan juga Asia. Kita juga tahu bon-bon daripada Amerika Syarikat misalnya banyak dibeli oleh dana-dana kewangan Jepun dan China. Saya diberitahu pada satu ketika kemungkinan 10% ke-20% bon-bon yang dijual oleh Amerika Syarikat sebagai, dengan izin, debt instrument mereka dibeli, digunakan wang daripada Jepun, wang daripada China untuk membelinya. Jadi wang ini sebenarnya bila diambil balik oleh dana kewangan Amerika, wang itu juga dilaburkan di Asia, dilaburkan di Bursa Saham Kuala Lumpur, dilaburkan di Bursa Saham Hong Kong dan sebagainya. Jadi, elok sangat kalau kita wujudkan menerusi pihak swasta dan rangkuman usaha sama antara negara-negara di Asian dan juga di Asia Timur termasuk China, South Korea dan Jepun.

Saya merasakan konsep yang diutarakan oleh Perdana Menteri kita iaitu EAEC akan mengukuhkan lagi kedudukan dana kewangan di rantau ini dan wang itu juga boleh digunakan untuk membeli saham-saham di rantau kawasan kita. Jadi kita tidak payahlah bergantung 25% kini dengan

dana kewangan asing. Pada masa yang sama, kita terpaksa juga memberikan keyakinan kepada dana-dana asing ini kerana mereka merupakan satu cara pelaburan secara global, mereka memasukkan wang mereka ke sini tetapi kita tidak mahu peranan itu peranan yang dominan.

Jadi usaha kerajaan untuk mengurangkan imbalan dagangan misalnya daripada 4% KNK kepada kurang daripada itu, kita menganggap usaha yang diteruskan oleh Kementerian Kewangan kita, Menteri Kewangan, saya katakan membawa Belanjawan Kedua, iaitu resepi untuk hendak menguatkan lagi kedudukan ekonomi dan juga menguatkan lagi keyakinan pelabur-pelabur kepada Malaysia. Saya rasa usaha itu amat baik kerana kita sebenarnya mengatur langkah serupa dengan apa yang diperlukan oleh dana kewangan antarabangsa (IMF) yang kini telah pun menghulurkan bantuan kepada Indonesia, kepada Thailand, kepada South Korea dan apa yang dibuat oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) amatlah mengejut sehinggakan kedudukan ekonomi di negara-negara ini tidak berkembang dengan begitu baik. Sebenarnya IMF rata-rata, mengikut pengalaman, apabila mereka menggunakan bantuan untuk kononnya membantu negara-negara itu untuk membangun secepat mungkin, kadangkala usaha dan dasar yang dibuat begitu mengecewakan, memudaratkan lagi kedudukan atau melembabkan lagi pembangunan ekonomi sesebuah negara yang menerima bantuan ini.

Jadi kita bersyukur kepada Allah S.W.T. dengan kegigihan Perdana Menteri kita dan kerajaan untuk menentukan IMF tidak akan memainkan peranannya dan kita berharap perkara ini akan berterusan tidak memainkan peranannya di negara kita kerana usaha yang kita buat sekarang ini, pakej yang kita buat, usaha-usaha untuk membendung kedudukan ekonomi kita memanglah mengikut jejak langkah yang diperlukan oleh IMF tetapi kita buat cara kita sendiri ala-Malaysia.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ragu sedikit apabila Bank Negara dalam usahanya untuk menentukan tidak banyak wang mengalir kepada pusat-pusat perdagangan dari segi sektor hartanah misalnya. Sekarang ini usaha untuk membangunkan sektor hartanah di negara kita mungkin terjejas dengan wujudnya arahan daripada Bank Negara mengurangkan wang atau kecairan wang ringgit ke arah membangunkan hartanah. Saya difahamkan juga oleh saudara-saudara kita yang terlibat dari segi penjualan kereta pun terjejas. Sekarang bank telah pun berkurangan dari segi hendak

memberikan pinjaman kepada mereka yang menjual kereta, baik kereta baru, motosikal mahupun kereta-kereta yang terpakai.

Sebenarnya pembangunan hartanah dan juga perdagangan yang lain, kalau kita kurangkan kreditnya, kita akan menentukan sektor-sektor ini akan terbantut dari segi pembangunannya. Apabila terbantutnya dari segi sektor pembangunan hartanah, impaknya kepada sektor-sektor lain akan berpanjangan dan mendalam (deep). Seperti juga apa yang berlaku di Thailand pada satu ketika, kita pernah sebut 'Tomyam effect' - 'Kesan Tomyam', ianya mengalir ke selatan, Filipina, Malaysia dan juga Indonesia. Saya bimbang contagion effect, impak yang berjangkit, kalau terbantutnya sektor-sektor tertentu yang penting terutama hartanah, banyak sektor dan subsektor lain yang akan terbantut dan kita tidak boleh mengambil tindakan yang begitu keras sehinggakan benda yang hendak hidup terus terbantut. Apabila ini berlaku, saya bimbang kita akan menjunam ke arah recession. Apabila recession berlaku, untuk hendak membangun semula amatlah susah.

Jadi kita mesti mengimbangkan antara dana simpanan kita dan juga dari segi pelaburan. Cara mengimbangkan ini memerlukan cara yang amat halus, seperti 'menarik rambut dalam tepung', berhalus-halus takut tepung bersepah dan juga takut rambut terputus, caranya amat halus.

Jadi saya mengharapkan pihak Kementerian Kewangan, pihak kerajaan dengan Bank Negara berhati-hati dari segi menentukan ke arah mana kredit patut diberi dan ke arah mana kredit patut diperlahankan, jangan terus kita berhentikan (stop) kerana apabila ianya berlaku, apabila kita fullstop bila kita berjalan, kita bimbang ianya akan mencetuskan keadaan recession. Kini kita perhatikan pihak kerajaan juga telah pun menurunkan dari segi unjuran pertumbuhan ekonomi kita daripada 8.5%, 8%, 6% sehingga sampai 5% ke-4%. Dan dalam surat khabar hari ini, mengikut Michel yang bersangkutan dengan unjuran ekonomi, sampai 2.5% pertumbuhan kita. Kita terpaksa mempertahankan pertumbuhan kita. Sebab itulah saya perhatikan dari segi faedah (interest) bank kita masih lagi mempertahankan kedudukan yang baik. Tetapi kalau sekiranya sektor-sektor hendak membangun tadi kita bantutkan kerana kurangnya dari segi kecairan kewangan dan sebagainya, kita bimbang pertumbuhan 2.5% yang diunjurkan oleh IMF mungkin juga tersangkut.

Jadi kita terpaksa menentukan kalau kita hendakkan ekonomi terus berkembang, ianya membuatkan satu dasar monetary dan fiscal yang diatur begitu cermat untuk mengimbangkan dana-dana kewangan atau wang simpanan di mana saya sebutkan tempoh hari Malaysia merupakan negara yang kedua mempunyai dana simpanan yang amat tinggi, 41% daripada KNK - orang menyimpan wang dan bila naik sahaja KWSP daripada sekarang ini 17% dari segi jumlah, baru-baru ini dinaikkan kepada 19% kalau saya tak silap ataupun 15% ke-17%, peningkatan sumbangan pekerja dan juga majikan untuk hendak meningkatkan tahap sumbangan simpanan KWSP, semuanya terjurus untuk menentukan bahawasanya dana simpanan kita meningkat dan wang itu digunakan dengan cermat untuk membangunkan sektor-sektor yang mempunyai pertumbuhan-pertumbuhan, yang mempunyai multiply effect, dengan izin, iaitu effect yang jejaringnya meresap ke seluruh tahap pembangunan ekonomi, maka barulah kita menentukan pembangunan 2.5% pertumbuhan ekonomi kita dapat kita pertahankan di peringkat yang boleh menentukan Bursa Saham Kuala Lumpur kita mempunyai keyakinan pelabur-pelabur terutama tempatan dan rantau ini.

Saya amat yakin apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri bagi menentukan kekuatan dan keutuhan dan juga kerjasama antara rantau - intra-Asean atau intra-Asia akan terus menguatkan lagi. Sebenarnya apa yang berlaku kepada ekonomi kita di rantau ini merupakan satu hikmah untuk kita menguatkan lagi dari segi perpaduan, baik dari segi perdagangan antara negara-negara di Asian dan juga di Asia, lebih-lebih lagi bagi menguatkan tolong-menolong, semangat untuk mengkayakan jiran tetangga supaya mereka dapat menerima perdagangan. Apa yang kita keluarkan, kita boleh menggunakan pendapatan kita untuk membeli-belah, membeli dan mendagangkan barang-barang yang kita keluarkan di rantau ini.

Pada masa yang sama saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan, bagi memperkuatkan lagi seruan di mana pihak korporat memainkan peranan mengurangkan kos. Pihak kerajaan rata-rata saya tengok sudah mengurangkan kosnya, dari segi mengurangkan belanjawan ada yang sampai 20%, 18% pukul rata, mengurangkan gaji pihak menteri kita, ahli-ahli Dewan, hakim dan sebagainya dan mungkin ianya meluas lagi, tetapi pada masa yang sama sewaktu negara kita mempunyai indeks bursa saham sampai 1,300 kita dapati syarikat-syarikat, kadangkala syarikat ini dipunyai oleh kerajaan yang

mempunyai kepentingan, bukan main pada waktu itu conspicuous consumption, dengan izin, perbelanjaan yang mewah rata-rata wujud di kalangan syarikat-syarikat.

Saya bawa satu soalan kepada pihak kementerian dan kita dapat tahu syarikat-syarikat sekarang ini yang mempunyai helikopter kepunyaan sendiri, 36 buah helikopter yang dipunyai oleh syarikat-syarikat yang ada di negara kita seolah-olah mereka berlumba-lumba, helikopter ini tak apalah kerana helikopter boleh menjelajah ke kawasan pedalaman dan sebagainya dan kita dapati dari segi syarikat-syarikat dan individu yang mempunyai kapal terbang sebanyak 75 buah kegunaan sendiri. Maknanya, sekarang ini 75 buah kapal terbang yang dipunyai oleh syarikat-syarikat dan individu di negara kita ini dan kadangkala bukan dia gunakan sangat kapal terbang, kadangkala kapal terbang ini model 737-300 yang MAS bawa penumpang 100 orang itu ke sini dan ke sana. Kadangkala dia menggunakan kapal terbang ini membawa pemimpin-pemimpin politik kita pergi ke sana, pergi ke sini dengan tujuan hendak membanyakkan bisnes. Kalau inilah tujuannya sebab dari segi sistem pengangkutan kapal terbang kita memang banyak.

Saya diberitahu di sini MAS mempunyai 180 buah untuk kegunaan pengangkutan kapal terbang - MAS, Air Asia dan sebagainya. Pada masa yang sama, 75 buah kapal terbang kepunyaan syarikat dan individu. Dan saya sebutkan lagi, kadangkala kapal terbang ini digunakan untuk mereka yang berniaga bagi kepentingan mereka sendiri, hendak bawa orang-orang tertentu hendak pergi ke Terengganu misalnya atau ke Pahang, tempat saya. Kapal terbang MAS tidak ada, dia gunalah kapal terbang, nah ambil, free, bukan kena bayar naik kapal terbang ini.

Jadi, kita kena tinjau semula bagaimana peranan syarikat-syarikat ini. Saya pernah katakan 'raja-raja korporat' kerana mereka kadang-kadang melanggar undang-undang. Kita buatlah pelbagai undang-undang dari segi sekuriti perindustrian, tetapi bila kita kaji semula, percantuman, perkembangan jual beli saham dan sebagainya kadangkala undang-undang ini dia redah sahaja. Alangkan raja kita raja berperlembagaan, syarikat pun mesti mengikut perlembagaan yang wujud, undang-undang yang pihak kerajaan wujudkan. Bagi yang tidak mengikut undang-undang ini, tindakan cepat diambil kerana tidak terhakis keyakinan pelabur-pelabur, kita takut dan kita bimbang. Kalau syarikat-syarikat boleh main masuk-keluar, masuk-keluar tanpa mengira undang-undang, kita takut terhakis keyakinan pelabur-

pelabur luar dan dalam untuk hendak melabur. Di sinilah menentukan kedudukan indeks dari segi Bursa Saham Kuala Lumpur kita.

Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan bila kita ada undang-undang yang kita wujudkan menerusi pelbagai cara kita hendak memastikan siapa yang melanggar, cepat-cepat tindakan diambil kerana justice must be seen to be done, dengan izin, dia mesti buat cepat, kalau tidak, kita bimbang perkara ini akan menghakiskan keyakinan.

Saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan dalam kita hendak membangunkan ekonomi, bila kita menghentakkan kredit dari segi sistem perbankan Malaysia, saya hendak tahu sekarang ini berapa banyak syarikat yang pergi meminjam Dolar Amerika. Saya diberitahu sekarang ini banyak syarikat terpaksa meminjam dari segi mata wang asing kerana mereka tidak dapat meminjam dari segi kredit di dalam negara kita. Kalau mereka meminjam Dolar Amerika, saya hendak menyeru kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya wang ini disalurkan menerusi Bank Negara kerana Bank Negara kalau boleh menentukan wang itu bersama mereka dan mereka pula mengeluarkan wang local Ringgit Malaysia kepada syarikat-syarikat, kalau tidak, dari segi pengawasan, kawal selia wang Ringgit dan Dolar mata wang asing ini mungkin tidak dapat kita kawal dengan lebih baik.

Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan dalam kita hendak menentukan industri sekuriti kita bangun dengan hebat dan meningkatkan keyakinan, kita juga mengharapkan sektor-sektor yang bersangkutan dari segi pinjaman wang dan sebagainya dapat kita kawal dengan baik.

Saya sebut helikopter, saya sebut kapal terbang, saya hendak sebut juga syarikat-syarikat dan individu sekarang ini mempunyai 35 buah bot mewah. Jawapan ini daripada pihak kementerian - 35 buah. Jadi, semuanya ini merupakan conspicuous consumption dari segi perbelanjaan mewah oleh sektor syarikat swasta. Sekarang ini bukan masalah pihak kerajaan. Yang sebenarnya kalau kita tinjau kedudukan ekonomi sekarang ini, masalah kita ialah masalah pihak swasta yang terpaksa menanggung dari segi hutang. Dalam negara kita ini adalah hutang pihak swasta yang meningkat, daripada RM1 aset di syarikat-syarikat, 70 sen adalah hutang. Ini mengikut satu kajian, maknanya 70%. Negara kita dari segi hutang tidak ada, kerajaan tak ada hutang sangat, semuanya dibereskan dengan baik, dikendalikan dengan baik oleh pihak Kementerian Kewangan dan itu kita ucapkan syabas. Kerajaan mengambil kira

semua hutang. Saya diberitahu pada satu ketika bayaran awal (pre-payment) kepada hutang-hutang tertentu, kita tidak sangkut pun di situ. Defisit imbangan semasa pun sudah turun, daripada 5% KNK kepada 4% dan mungkin 3%, hendak turun lagi, bagus. Dari segi pakej yang dibuat oleh kerajaan adalah bagus. Saya sebut Belanjawan Kedua bagus, semuanya itu langkah yang diambil oleh IMF kita sudah ambil awal. Kita tidak perlu IMF menjalankan, sudah cantik, tetapi sekarang kita perlukan pihak swasta memainkan peranan dan pihak kerajaan memainkan peranan di mana kita ada kepentingan. Bagi syarikat-syarikat yang kita mempunyai kepentingan, jaga-jagalalah, tak usahlah lagi kita beli helikopter, jet Falcon, Boeing 737, York dan sebagainya, tak perlu.

Saya sebut sekali lagi berkenaan gaji syarikat-syarikat. Petronas kita kena kaji semula, syarikat-syarikat lain juga kita kena kaji, takkanlah mereka ini sehebat Esso dan Shell kerana kita ini monopoli, menggunakan khazanah kekayaan di negara kita, orangnya adalah orang yang sama keluar daripada kerajaan, mungkin Superscale A, staf, gaji RM20,000, RM30,000 tetapi kadang-kadang keluar sahaja RM50,000, saya tidak tahu, ini kena check. Munasabahkan seseorang yang gajinya dahulu RM15,000, RM20,000, keluar sahaja kerana ianya mempunyai taraf antarabangsa dari segi perbandingan, gaji terus melambung. Ini yang dipersoalkan oleh Perdana Menteri kita sendiri. Sistem penggajian pihak swasta di Malaysia, tanah air kita sendiri, kaji elok-elok, jangan digunakan ukuran dengan syarikat-syarikat antarabangsa macam Microsoft, Bill Gates dan sebagainya, jangan kita gunakan ukuran semacam ini. Kita mempunyai ukuran tersendiri. Ini cara kita hendak menentukan sektor swasta di negara kita ini dapat kita tentukan sejajar dengan kehendak kepimpinan negara kita, saranan pucuk pimpinan kita, kalau tidak, ianya akan bercanggah. Dengan izin, if there is only a gap, kalau sentiasa ada gap antara saranan pucuk pimpinan kita ke arah pihak kerajaan yang berjalan lancar tetapi tidak sampai kepada pihak swasta melaksanakannya, ianya akan terus bercanggah dan impak cadangan-cadangan yang dibuat oleh pucuk pimpinan tidak dapat disamaratakan penerimaannya. Jadi saya hendak merayu kepada pihak kerajaan yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu dalam bidang akta-akta yang kita gariskan, kita boleh gunakan ini kepada mereka untuk lebih bertanggungjawab menyahut keperluan semasa.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan sejauh mana sistem beli balik saham-saham oleh syarikat-syarikat yang berjalan baru-baru ini kerana ini baik, kalau tidak disalahgunakan amat baik. Syarikat-syarikat yang mempunyai dana kewangan dan mampu membeli sepatutnya menggerakkan dana kewangan masing-masing untuk membeli balik saham-saham mereka yang menjunam ke bawah kerana inilah sistem yang digunakan oleh Amerika misalnya sewaktu jatuhnya indeks di Dow Jones 500 points dan juga di Hun Seng pada satu ketika tidak lama dahulu. Kita diberitahu Bill Gates (Microsoft) minta membeli saham mereka sendiri dan ini terus melantun balik keesokan harinya.

Di sini saya hendak tahu daripada pihak kerajaan sejauh mana syarikat-syarikat yang mempunyai kemampuan untuk membeli saham-saham mereka dan setakat ianya kita laksanakan undang-undang dahulu berapa banyak syarikat yang telah membeli dan berapa jumlahnya. Dan juga kita mahu tahu atas gesaan pihak kerajaan dana kewangan yang terkumpul di KWSP dan dana-dana kewangan yang lain sejauh mana mereka telah menggunakan secara bijaksana bagi menampung kehendak pasaran terbaru di mana terhakisnya saham-saham di pasaran saham sekarang ini dan mereka menggunakan dana-dana kewangan mereka untuk hendak membantu ke arah meningkatkan atau mempertahankan tahap yang kita berdepan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkanlah segala fasal di dalam rang undang-undang yang hendak dibentangkan terutama dalam bidang sekuriti ini, dapat berjalan dengan baik dan diteliti dari masa ke semasa. Dalam pada masa yang sama saya menyeru pihak kerajaan supaya sentiasa berwaspada dan mesti membuat kenyataan. Kita juga hendak tahu di mana terletaknya kekuatan satu-satu kenyataan dari segi bidang ekonomi.

Apabila Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan atau Bank Negara membuat kenyataan, Suruhanjaya Sekuriti atau sekarang ini NEAC yang kita hendak buat Majlis Tindakan

Ekonomi dan sebagainya, kita hendak tahu rangkakanlah tahap yang tertentu di mana sebenarnya kenyataan muktamad dari segi ekonomi supaya apabila kita baca satu-satu kenyataan. Ini adalah kenyataan muktamad, tidak ada lagi syak-wasangka dari segi tindakan yang hendak diambil oleh kerajaan menerusi kenyataannya. Kerana inilah penarafan (rating) yang dibuat oleh pihak-pihak antarabangsa, baik dari segi 'moodies' standard yang poor, ICBC atau Malaysian Credit Rating Agency dan sebagainya, menentukan cara-cara kita mengendalikan ekonomi menerusi kenyataan-kenyataan yang dibuat dengan penuh keyakinan, yang penuh komitmen oleh pihak-pihak tertentu. Jadi, kita kena atur supaya tidak ramai sangat yang membuat kenyataan (statement) kerana ini akan menimbulkan lebih banyak kemusykilan, lebih banyak tanda tanya, lebih banyak persoalan daripada keyakinan terhadap satu-satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sata mintalah pihak kerajaan dalam menjalankan tindakan-tindakan membentangkan usul-usul dan rang undang-undang ini apabila ianya diterima oleh Dewan yang mulia ini dan disahkan. Kita dapat menentukan segala penglibatan yang dibuat oleh mereka yang bersangkutan-paut dapat berjalan dengan baik. Jadi, saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.31 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ataupun akta ini bertujuan untuk memperkemaskinikan lagi sistem sekuriti sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam akta ini. Tinggal lagi dalam kesempatan perbahasan akta ini, sukalah saya mengambil kesempatan untuk menyatakan pendirian kita mengenai dengan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam.

Apabila Majlis Tindakan Ekonomi Negara ditubuhkan, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melantik Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, penasihat kepada kerajaan yang sekarang ini menjadi Penasihat Ekonomi Kerajaan dan dilantik menjadi Pengarah Eksekutif kepada NEAC.

Kita mengalu-alukan perlantikan ini kerana kita percaya perlantikan yang dibuat terhadap Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin, insya-Allah saya percaya boleh membantu dan menggerakkan bukan sahaja ekonomi negara kita, tetapi juga memberi keyakinan kepada perkembangan perindustrian sekuriti yang ada kait-mengait dengan soal kedudukan ekonomi negara.

Kita kesal di atas sikap Ketua Pembangkang iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang yang sentiasa 'menanggung di air keruh'. Pada masa yang sama beliau telah membuat berbagai kenyataan dengan menyatakan beliau juga mempunyai semangat patriotisme, menyokong kerajaan dan menyokong apa sahaja tindakan yang dibuat oleh kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara yang kita tahu bukan di atas perbuatan mana-mana pihak ataupun kelemahan dasar-dasar yang sedia ada, tetapi akibat dari serangan spekulator mata wang asing, yang menyebabkan akhirnya Bursa Saham Kuala Lumpur juga turut terjejas.

Ketua Pembangkang telah membuat kenyataan yang cuba hendak 'menanggung di air keruh' dengan membuat 'telahan'. Sebagaimana kenyataan yang disiarkan dalam akhbar semalam, perantikan Tun Daim bin Haji Zainuddin ini adalah salah satu lagi langkah kononnya 'balance of power', yang dibuat oleh Perdana Menteri, di mana seolah-olah NEAC ini duplicate ataupun redundant dengan kedudukan yang sedia ada itu dengan Kabinet, di mana beliau mengatakan Tun Daim ini adalah 'Menteri Kewangan yang kedua'. Ini semua adalah permainan politik kotor, politik jahat yang dibuat oleh DAP untuk mengeruhkan lagi suasana dan bukan untuk membantu ke arah kekuatan ekonomi negara kita dan mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat. Beliau sengaja membuat kenyataan tersebut semata-mata untuk menanggung di air yang keruh dengan cuba hendak menghakiskan kepercayaan rakyat kepada kerajaan

dan melaga-lagakan pemimpin-pemimpin di dalam UMNO dan di dalam Barisan Nasional. Perbuatan ini jahat dan tidak bertanggungjawab.

Saya kira Ketua Pembangkang tidak harus mengambil kesempatan untuk apa sahaja keadaan mencari publisiti murah, dengan membuat berbagai-bagai kenyataan dan pada masa yang sama menyokong, tetapi di sebaliknya cuba hendak mengeruhkan suasana di kalangan rakyat dan perpaduan rakyat, sehingga beliau juga pernah mengatakan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara (Senator) ini adalah 'talking rubbish'.

Saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang (Ketua Pembangkang) yang saya kenal lama, sebab saya juga pernah menjadi anggota Dewan Rakyat selama dua penggal. Yang bercakap rubbishnya ialah Ketua Pembangkang. Sebenarnya kerusi Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat ini sudah patut dihapuskan, tidak perlu ada Ketua Pembangkang, sebab di dalam Dewan Rakyat sendiri, walaupun sebahagian besar 2/3 lebih penyokong-penyokong kerajaan, tetapi mereka juga bersuara dan memberi pandangan serta kritikan yang membina kepada kerajaan, bukan sahaja menyokong semata-mata, termasuk di Dewan Negara ini. Walaupun sebahagian besar boleh dikatakan hampir seluruh anggota Dewan Negara ini dilantik oleh kerajaan-kerajaan negeri, yang bersama dengan Kerajaan Pusat kecuali negeri Kelantan dan juga atas lantikan Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Tetapi record proved by itself, dengan izin.

Kita tengok perkembangan semasa persidangan Dewan Negara sekarang pun, kita dapati Ahli-ahli Dewan Negara bercakap dengan penuh berani, without fear or favour, memberi kritikan-kritikan yang membina, tidak ada yang dikatakan 'rubber stamp'. Yang rubber stamp ini ialah Tuan Lim Kit Siang.

Saya mencadangkan supaya kerusi Ketua Pembangkang ini dihapuskan, tidak payah lagi kerajaan berbelanja duit, berhabis duit - tidak perlu ada Ketua Pembangkang. Malah representation dia dalam Dewan Rakyat pun tidak mengizinkan untuk diwujudkan jawatan Ketua Pembangkang, sebab Barisan Nasional menang hampir 2/3 lebih. Jadi, apa perlunya jawatan Ketua Pembangkang, hanya menghabiskan duit untuk membayar elaun jawatan Ketua Pembangkang dan menggunakan jawatan tersebut untuk kepentingan diri, untuk kepentingan faedah parti yang sempit, untuk sentimen partinya, tetapi tidak kepada kepentingan negara. Dia tidak boleh membeza di mana waktunya kita perlu ada semangat patriotisme, mempunyai semangat perpaduan yang kuat dan mengetepikan kepentingan-kepentingan politik. Malah penubuhan NEAC kita percaya rakyat tidak akan terkeliru dan Perdana Menteri pun sudah membuat penjelasan, ianya tidak bercanggah dengan kedudukan Kabinet yang ada.

Kabinet adalah badan yang paling atas, yang tidak timbul masalah bahawa dengan wujudnya NEAC ini, Kabinet tidak berfungsi lagi. Ianya

adalah complementary, soal Belanjawan Negara ini adalah diuruskan oleh Kementerian Kewangan, segala-galanya masih lagi dalam tangan Kementerian Kewangan, dari segi soal pengurusan kewangan dan sebagainya. Bezanya ialah mungkin nasihat-nasihat, walaupun diberi kuasa eksekutif nanti, tetapi tidaklah mencampuri urusan apa yang telah pun ditetapkan di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, tuduhan Tuan Lim Kit Siang adalah tidak benar sama sekali, ianya untuk 'menangguk di air yang keruh'.

Saya mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan pendirian, untuk menyatakan rasa kesal adanya 'kambing hitam' dalam suasana negara sedang menghadapi kemelut ekonomi yang kita berhadapan dengan ancaman luar ini. Oleh itu, kita mengutuk dengan keras kerana sikap yang angkuh, yang saya anggap satu kenyataan yang angkuh, sombong, tidak bertanggungjawab dan cuba memecahbelahkan di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan juga pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Akta Perindustrian Sekuriti yang telah dibentangkan ini saya percaya ianya adalah sebahagian daripada undang-undang yang telah pun diwujudkan selama ini untuk memperkemaskinikan supaya Perindustrian Sekuriti akan lebih transparent, akan lebih tulus, akan lebih bertanggungjawab. Ianya akan memberi keyakinan kepada pihak pelabur-pelabur dan memudahkan pelabur-pelabur berurusniaga dengan lebih cepat dan lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kerana telah sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyusutan permodalan di pasaran saham di samping kejatuhan nilai mata wang Ringgit dan krisis ekonomi serantau yang berpanjangan ini akan menunjukkan kesan-kesan yang tidak begitu senang hati ke atas ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Dalam menghadapi keadaan pasaran saham dan ekonomi masa kini adalah menjadi matlamat utama Suruhanjaya Sekuriti dan pihak BSKL untuk memastikan bahawa tidak terdapat sebarang kegagalan sistem ini kepada pasaran dan bagi menentukan hak-hak pelabur dilindungi. Maka beberapa langkah telah diambil untuk mencapai matlamat seperti ini:

- (i) Pengawasan harian dan penilaian kedudukan kewangan-kewangan syarikat-syarikat broker saham. Adalah menjadi tanggungjawab pihak Suruhanjaya Sekuriti dalam

BSKL untuk memastikan bahawa tidak ada syarikat-syarikat broker yang gagal memenuhi obligasinya kepada 'Scan' ataupun rumah penjelasan dan kepada lain-lain peserta-peserta pasaran termasuk pelabur-pelabur.

- (ii) Untuk memastikan hak-hak pelabur itu dilindungi. BSKL mengkehendaki semua syarikat broker saham memajukan laporan bulanan tiap-tiap satu syarikat itu sebagai pengesahan perhubungan dengan kegiatan yang telah dijalankan dalam syarikat itu.
- (iii) Pindaan kepada peraturan BSKL. Setakat ini peraturan telah digunakan untuk menyelaraskan kedudukan syarikat-syarikat bursa saham dengan pihak BSKL supaya dapatlah meninggikan lagi standard berkhidmat ataupun potential standard.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan iaitu dalam melaksanakan tanggungjawab Securities Commission dan BSKL, kedua-dua pihak ini telah menjalankan kuasanya di bawah peruntukan peraturan 15 Peraturan BSKL bagi mengenakan sekatan urusan ke atas 5 syarikat broker. Sekatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada kedudukan kewangan syarikat-syarikat broker tersebut, di mana dana pegangan saham mereka adalah

merosot sehingga tidak lagi mencapai tahap RM20 juta modal berbayar - minimum.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kerajaan hendak berusaha membangunkan pasaran bon di negara-negara EAEC. Peranan kerajaan di dalam EAEC selama ini termasuk untuk mengkaji pembangunan pasaran bon serantau dan juga pasaran aset sekuriti. Langkah aktif yang telah diambil termasuk mengadakan seminar yang baru-baru ini dijalankan iaitu sempena ulang tahun ke-30 ASEAN. Perbincangan di antara pelbagai agensi juga masih berterusan di forum APEC dan termasuk juga cadangan untuk menjualkan bon Asia supaya menggunakan potensi yang terdapat di rantau Asia ini untuk menggunakan modal-modal di rantau ini bagi memberi perlindungan dan pertolongan kepada keadaan ekonomi yang kita sama-sama hadapi.

Mengenai dasar kerajaan untuk mengurangkan pinjaman kepada sektor hartanah oleh Bank Negara. Tuan Yang di-Pertua, langkah ini diambil oleh Bank Negara untuk menghalang supaya sumber-sumber yang terhad di dalam negara kita setakat ini adalah disalurkan kepada sektor-sektor yang tidak produktif dalam ekonomi kita pada masa ini

Pihak kerajaan menggalakkan supaya sumber-sumber kewangan ini dapat disalurkan kepada sektor utama yang lagi produktif, yang boleh memberi sumbangan untuk memperbaiki keadaan defisit dalam akaun semasa kita bagi tujuan dan aktiviti-aktiviti seperti pengeksportan, industri-industri kecil dan

sederhana serta teknologi tinggi ataupun pelancongan dan sektor-sektor seumpama ini. Maka soal sama ada ini akan menjejaskan sektor hartanah ataupun sektor yang terlibat dalam kenderaan, jawapannya semasa kita menghadapi masalah krisis ekonomi dan usaha yang telah dijalankan ini, kita percaya memang ada peserta yang akan kena atau sakit juga semasa kita menggunakan usaha memulihkan ekonomi kita. Oleh kerana sebab utama yang perlu kita jaga ialah kepercayaan ekonomi negara dan dalam usaha kita memulihkan keyakinan pelabur ini ialah perlu diatasi dari segi unsur-unsur asas ekonomi negara, iaitu dari segi defisit dalam akaun semasa dan juga dari segi kedudukan institusi kewangan, sistem institusi kewangan kita. Dalam hal ini kalau disebutkan secara ringkas, perlu kita jimatkan perbelanjaan supaya kita dapat mengurangkan import dan kalau dapat kita tambahkan eksport serta kita dapat mengurangkan perbelanjaan seperti usaha yang dijalankan oleh kerajaan iaitu kurangkan perbelanjaan kerajaan sehingga tahap 21% dan juga usaha lain-lain di mana mungkin kita dapatlah mengurangkan perbelanjaan kita secara keseluruhannya.

Dari sektor perbankan juga di mana mungkin perlu kita tinjau supaya dapat kita menyalurkan sumber kewangan yang terhad ini disalurkan kepada usaha-usaha yang lebih produktif dan juga kalau dapat kita kurangkan perbelanjaan atau pinjaman yang tidak begitu mendatangkan faedah dari segi memulihkan keadaan defisit akaun semasa. Jadi, usaha seperti ini adalah

sangat penting sekali dan dalam masa kita mengatasi ataupun cuba memulihkan usaha keyakinan pelabur kita, tentulah ada yang akan cedera dan kita haraplah usaha yang dijalankan oleh kerajaan secara soft landing ini dapatlah menyelamatkan dan dapatlah kita memulihkan keadaan ini dalam masa yang paling singkat sekali.

Kita hanya dapat tinjau keadaan seperti ini, sama ada akan dapat pulih ataupun tidak, sekurang-kurangnya dalam masa yang sangat singkat, semasa kita menilai semula, katalah dalam masa enam bulan, sama ada keadaan defisit akaun semasa kita telah beransur baik ataupun kekurangannya defisit itu dapat dikurangkan seperti yang dijadualkan ataupun sama ada rizab antarabangsa Malaysia itu adalah bertambah sedikit ataupun dari segi kedudukan perbankan, sama ada kedudukan masing-masing telah bertambah kukuh. Dengan adanya faktor-faktor seperti ini, mungkin dapat kita pulihkan keyakinan pelabur dan dengan itu dapatlah kita menarik perhatian pelabur asing dan mungkin dapatlah kita tengok satu keadaan di mana keyakinan itu mungkin akan beransur baik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apakah dasar pegangan ekuiti bumiputera 30% itu masih diteruskan lagi. Kerajaan terus melaksanakan dasar pemilikan 30% kepada pemegang-pemegang saham bumiputera di setiap saham baru yang disenaraikan dan setakat ini kerajaan tidak berhasrat hendak mengubah dasar ini.

Mengenai penswastaaan, pihak sektor swasta perlu mengurangkan kos. Saya memang bersetuju dengan cadangan dan pandangan seumpama ini, kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah drastik bagi mengatasi krisis mata wang dan pasaran saham seperti potongan peruntukan belanjawan. Potongan gaji dan kerajaan berharap langkah ini akan dijadikan teladan oleh pihak swasta bagi mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, mengelakkan pembazirakan dan melaksanakan penjimatan kos dalam keadaan yang berlaku pada masa ini. Mungkin langkah-langkah yang perlu diambil selain dari itu juga termasuk cuba menggunakan jentera-jentera tempatan, mengurangkan import dan cuba menaikkan kalau ada kaitan eksport dan menangguhkan projek-projek mega ataupun yang tidak viable ataupun yang tidak mendatangkan kesan-kesan positif dari segi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sejauh manakah pembelian balik saham yang telah dilaksanakan. Setakat ini 39 syarikat telah mengumumkan kepada BSKL untuk membeli syernya sendiri, 3 buah syarikat telah pun melaksanakannya. Mereka adalah seperti berikut:

- Ancom Berhad;
- Pilecon Engineering Berhad;
- Reliance Pacific Berhad.

Semua ini adalah dilaksanakan di bawah seksyen 67A Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya setakat ini sahajalah jawapan yang saya sanggup beri dan saya percaya tentulah ada yang saya tertinggal dan pegawai-pegawai yang ada pada hari ini tentulah telah mencatatkan semua point serta hujah-hujah itu dan akan memberi perhatian yang tepat.

Saya sekali lagi mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.52 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Perindustrian Sekuriti yang merupakan rangka kerja perundangan yang mengawal industri sekuriti di Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 1973. Akta ini menyediakan keperluan perundangan kepada kerajaan bagi mengatasi masalah spekulasi, urusniaga dalaman dan manipulasi pasaran. Akta ini kemudiannya telah dikaji semula bagi meningkatkan penguatkuasaan dan dikenali sebagai Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dengan menyediakan pengawasan yang lebih berkesan ke atas industri sekuriti, terutamanya dari segi perlindungan kepada pelabur-pelabur.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ini pada amnya adalah merupakan pindaan kepada beberapa takrif yang dipakai dan pengenalan kepada beberapa takrif baru serta menyelaraskannya dengan kuasa pengawalseliaan daripada Pendaftar Syarikat. Di samping itu pindaan ini juga bertujuan memberikan perlindungan perundangan kepada pelabur-pelabur dan pengawalseliaan yang lebih wajar kepada Suruhanjaya Sekuriti serta mengatasi kesulitan pentadbiran yang dialami bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ini pada amnya meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Mengecualikan sekuriti pasaran wang daripada seksyen 41. Seksyen 41 dipinda untuk mengecualikan sekuriti pasaran wang yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia daripada peruntukan seksyen tersebut.

Pada masa ini transaksi 'RepcO' di pasaran wang tersebut adalah tertakluk kepada seksyen 41. Ini bertujuan untuk meletakkan transaksi di pasaran wang sebagai transaksi yang tidak bercanggah dengan seksyen 41. Subseksyen baru 41(e) dimasukkan untuk memberi kuasa kepada menteri mengisytiharkan selanjutnya penjualan syarikat, penjualan sekuriti yang tidak tertakluk kepada seksyen ini.

- (ii) Membenarkan transaksi penstabilan. Seksyen 84(1), 85, 86, 87 dan 87A adalah dipinda untuk membenarkan menteri membuat peraturan di bawah seksyen 87B bagi menetapkan transaksi penstabilan yang dibenarkan. Transaksi penstabilan diperlukan khususnya untuk tawaran sekuriti di pasaran MESDAQ.

Sistem penyenaian sekuriti di pasaran MESDAQ adalah berbeza dengan sistem penyenaian di BSKL kerana penyenaian di pasaran MESDAQ melibatkan

penstabilan harga saham. Berikutan dengan itu seksyen baru 87B dimasukkan.

- (iii) Tuntutan sivil pelanggaran, seksyen 84, 85, 86 dan 87. Seksyen 88A dimasukkan untuk membuat peruntukan bagi membenarkan seseorang yang mengalami kerugian akibat pelanggaran seksyen 84, 85, 86, 87, 87A dan 88 membuat tuntutan sivil ke atas orang yang melakukan pelanggaran ke atas seksyen tersebut. Ini selaras dengan dasar untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada pelabur dan sekali gus meningkatkan kepercayaan terhadap pasaran modal negara.
- (iv) Peruntukan-peruntukan baru berkaitan dengan urusan dalam-dalaman.
 - (a) memperluaskan takrif “peniaga dalam-dalaman” bagi merangkumi sesiapa yang mempunyai “maklumat dalam-dalaman” daripada peniaga sekuriti sehingga maklumat tersebut disembarkan. Seksyen 86, 89 dan 90 yang sedia ada hanya terhad kepada orang-orang yang mempunyai hubungan dengan perbadanan yang berkaitan dengan maklumat dalam-dalaman tersebut.

Pindaan yang dicadangkan adalah untuk meluaskan pemakaian larangan perniagaan, peniaga dalaman kepada orang-orang yang memiliki maklumat dalaman yang mengetahui bahawa maklumat tersebut adalah maklumat dalaman.

Larangan membocorkan maklumat dalaman juga diperluaskan kepada orang-orang yang memiliki maklumat dalaman yang mengetahui bahawa maklumat tersebut adalah maklumat dalaman.

- (b) peruntukan baru tersebut juga membuat peraturan-peraturan yang jelas tentang maklumat dalaman. Pindaan ini mewujudkan asas-asas pembelaan berasaskan undangan-undangan statut untuk memberi kepastian kepada pasaran dengan memberikan pengecualian kepada pasaran beberapa keadaan yang telah dikenalpasti, yang tidak dianggap oleh pasaran sebagai perniagaan dalaman. Sebagai contoh peruntukan dibuat untuk mengecualikan tindakan di bawah peruntukan

dalam undang-undang bertulis yang berkaitan peruntukan skim penyusulan semula dan pengambilan alih yang berkaitan dengan perbadanan.

- (c) pindaan ini membenarkan lebih banyak jenis penalti dikenakan ke atas peniaga dalaman seperti penalti sivil dan membenarkan tuntutan kerugian oleh orang-orang yang mengalami kerugian akibat pelanggaran berkenaan perniagaan dalaman; dan
- (d) memberi kuasa kepada menteri menetapkan keadaan di mana peruntukan ini tidak terpakai bagi mengelakkan transaksi-transaksi yang sah daripada tertakluk kepada peruntukan-peruntukan tersebut.
- (v) lain-lain pindaan utama:
 - (a) selaras dengan pindaan yang telah diluluskan di atas Akta Syarikat 1965 bagi memasukkan seksyen baru 67A bagi membenarkan belian balik saham, Suruhanjaya Sekuriti mencadangkan supaya pindaan juga dibuat bagi memasukkan seksyen baru 99A, 99B, 99C dan 99D. Ini bertujuan bagi

menghalang penyalahgunaan kuasa berkaitan dengan belian balik saham.

- (b) selaras dengan penubuhan Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB), Suruhanjaya Sekuriti mencadangkan supaya dimasukkan seksyen baru 99D mengenai keperluan syarikat menyerahkan maklumat kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi memastikan syarikat awam mematuhi piawaiannya diluluskan oleh MASB; dan
- (c) seksyen baru 126C dimasukkan bagi memastikan pegawai Suruhanjaya Sekuriti dapat mewakili Suruhanjaya Sekuriti dalam mana-mana kes sivil yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan ini adalah sesuai untuk meningkatkan penyelarasan rangka kawal seliaan pasaran sekuriti di Malaysia. Di samping itu cadangan pindaan ini merupakan langkah proaktif untuk menjelaskan peruntukan undang-undang serta dapat mengatasi masalah yang mungkin timbul akibat tafsiran yang berbeza, yang boleh dipertikaikan. Di samping itu cadangan pindaan ini akan meningkatkan tahap perlindungan kepada pelabur-pelabur yang meningkatkan kepercayaan terhadap pasaran sekuriti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

5.05 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Timbalan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana peluang yang diberi untuk saya mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya rasa usaha serta langkah kerajaan yang amat baik ini kena pada tempatnya. Isu terbesar yang kita hadapi dalam

Dr. Yeow Seng Huat: Minta laluan sedikit.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya.

Dr. Yeow Seng Huat: Saya hendak order dalam Dewan yang mulia ini, apabila Timbalan Yang di-Pertua duduk di Kerusi, kita sebut dia ‘Tuan Yang di-Pertua’ bukan ‘Timbalan’.

Dato’ Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membetulkan, sebab saya perhati dalam beberapa hari yang lepas, pembedulan ini tidak dibuat, jadi saya belum belajar lagi bab ini.

Tajuk besar yang saya rasa kita cuba pulih, kita cuba sampaikan message sebenar dari langkah kerajaan yang baik ini ialah mengenai keyakinan dan persepsi masyarakat keseluruhan. Ini yang saya katakan kena pada masa dan tempatnya. Keyakinan dan persepsi masalah yang kita hendak cuba bawa untuk rakyat jelata keseluruhannya juga termasuk di dunia pada amnya. Jadi, langkah-langkah kerajaan amat positif, terutama sekali dari segi melindungi hak-hak oleh pelabur individu dan memberi peluang untuk mereka dapat dipertahankan pelaburan mereka dalam apa-apa jua bidang sekuriti.

Saya ingin tumpukan perbahasan saya ini khususnya dalam soal disclosure yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal disclosure atau banyak mana maklumat yang diberi oleh syarikat-syarikat ini, saya rasa ini amat penting sekali, sebab dalam bidang industri sekuriti ini. Inilah tempatnya yang kadang-kadang orang menganggap sebagai tempat berjudi. Kalau sekiranya masyarakat tidak mendapat maklumat-maklumat yang

mencukupi, syarikat-syarikat yang berkenaan hanya mengikut sedap hati sahaja memberi maklumat yang terpesong, hanya melalui laporan-laporan tahunan yang tertarik dengan gambar-gambar rajah yang berwarna-warni atas kertas yang hebat dan berkualiti. Dalam mesyuarat-mesyuarat agong tahunan pula hanya disediakan di tempat-tempat yang mewah dengan makanan dan hadiah yang baik, kadang-kadang ahli-ahli ataupun pemegang saham biasa tidak sedar tentang apakah sebenarnya yang hendak dimanipulasikan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan. Jadi, rang undang-undang yang membolehkan Securities Commission atau badan sekuriti ini untuk meminta maklumat yang lebih pada masa dan ketika yang tepat adalah amat berpatutan.

Berhubung kait dengan soal banyak mana maklumat yang dikeluarkan ialah mengenai isu maklumat dalaman. Saya rasa soal isu maklumat dalam dan juga perniagaan dalaman ini telah seringkali berlaku nampaknya bermusim-musim. Beberapa tahun dahulu telah heboh dalam akhbar, dalam masyarakat tentang terdapat aktiviti perdagangan dalaman, masa itu heboh kerana kita cuba membuat tekaan dan kenal pasti beberapa syarikat yang terlibat. Pada saya dua perkara yang saya hendak sebut mengenai hal ini:

Pertama, apabila ini berlaku timbul keadaan yang syak wasangka, tuduh-menuduh dan finger pointing, dengan izin kepada syarikat-syarikat yang tertentu. Bila ini berlaku, keadaan yang begini akan merendahkan keyakinan masyarakat terhadap industri sekuriti itu sendiri. Oleh kerana itu, saya rasa

pihak Securities Commission sendiri patut mengadakan satu skim insentif yang jelas dan nyata supaya memberi hadiah dan penghargaan kepada orang-orang atau badan-badan syarikat-syarikat yang tertentu untuk memberi maklumat ini dengan penuh data-data, fakta-fakta, bukti-bukti yang nyata dan hendaklah mereka yang memberi kenyataan serta maklumat ini terlindung daripada undang-undang, sebab kalau dalam usaha kita hendak mengetatkan atau dengan usaha kita hendak mewujudkan rang undang-undang, memang boleh, tetapi bagi syarikat yang sentiasa mencari jalan menggunakan akal fikiran 'creativity'nya, dengan izin, maka mereka juga sedang mencari cara hendak menyelamatkan daripada usaha mereka yang pernah berlaku. Oleh kerana itu, perdagangan dalaman terus berlaku dan pelabur-pelabur kecilan khususnya masih tidak mendapat pembelaan yang semestinya. Jadi, pada saya kalau hendak selaraskan, perseimbangkan usaha semasa kita perketatkan dari segi undang-undang, badan yang sama juga patut menghebahkan dari segi maklumat keadaan sebenar, cara-cara bentuk manipulasi syarikat-syarikat yang tertentu supaya pendedahan ini disebarkan kepada masyarakat. Di samping itu pula ada insentif skim dan dengan itu mereka akan boleh mengambil bahagian dan berani tampil ke hadapan untuk memberi maklumat-maklumat yang tertentu. Kalau ini sudah dapat dibuktikan apabila Securities Commission ini mengambil tindakan, tidak ada lagi kisah terundur-undur, agak-mengagak dan finger pointing, dengan izin. Syarikat yang berkenaan terus diambil tindakan

yang tegas dan sepintas lalu akan meningkatkan keyakinan pelaburan dalam negeri dan juga di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sentuh, yang ada kaitannya dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini ialah tentang penwujudan dengan izin, National Economic Action Council. Saya rasa niatnya baik, penerangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini tentang perlantikan Yang Berhormat Tun Daim bin Haji Zainuddin baik - semuanya baik, cuma kita menunggu maklumat-maklumat yang lebih lanjut.

Saya ingin tekankan di sini ialah usaha pihak kerajaan mewujudkan majlis tindakan ekonomi ini, di peringkat kebangsaan juga hendaklah sama-sama kita memberi penerangan yang maksimum kepada masyarakat. Kalau tidak masyarakat juga tertunggu-tunggu dan terpinga-pinga dengan apa langkah kerajaan yang berikutan. Jadi, di sini pada saya kita balik kepada tanggungjawab Kementerian Penerangan yang mesti mengambil langkah utama untuk mengkoordinasikan segala usaha memberi penerangan.

Kita selalu bercakap bahawa masyarakat umum hendaklah diberi maklumat, kita bercakap tentang pihak swasta mesti diberi maklumat, tetapi kalau hanya kita meminta maklumat dan maklumat itu datang dengan izin, bit and pieces oleh berbagai-bagai orang, masa dan ketikanya, malah kadang-kadang dilaporkan pula tidak semestinya 100% sepertimana yang dihajati oleh

orang yang bercakap. Ini biasa dalam surat khabar dan buktinya banyak. Jadi, masyarakat terkeliru. Oleh kerana itu pada saya, oleh kerana masalah ini adalah masalah besar, biarlah nampak bila keputusan diambil oleh kerajaan untuk mewujudkan NEAC - nah! Kementerian Penerangan mengambil inisiatif menjadi koordinasi terbesar dalam usaha menyebarkan maklumat ini.

Kita boleh mengadakan simposium raksasa atau simposium perdana di PWTC memanggil semua badan-badan yang bertanggungjawab, badan kerajaan, badan bukan kerajaan, swasta, PIBG, NGO dan sebagainya - semuanya kumpulan ini boleh kita beri direct briefing dengan persediaan yang lengkap, dengan multimedia 'presentation'nya, dengan izin, dengan alat-alat serta bahan-bahan yang boleh dibawa balik sebagai rujukan, kerana apabila kita mendengar penerangan daripada yang hak dan berkuasa. Di samping dengan alat-alat pandang dengar yang efektif, maka selaras dengan itu kita juga 'killing many birds with one stone', dengan izin. Ertinya selaras macam saya bercakap dahulu tentang pendekatan bersepadu dalam usaha kita hendak menangani masalah ini, ertinya IT application, dengan izin, masalah ekonomi, masalah pertanian yang saya akan bercakap khususnya pun boleh disekalikan. Jadi, nampak satu program raksasa di peringkat kebangsaan dan dengan usaha ini kita dedahkan, bahawa kita hendak rakan-rakan atau badan-badan yang berkenaan menganjurkan program-program masing-masing.

Kita boleh cadangkan umpamanya Ahli-ahli Dewan Negara sendiri boleh mengambil bahagian sebagai orang-orang yang boleh disenaraikan sebagai mengambil bahagian untuk memberi maklumat yang berlanjutan, jika diperlukan. Saya rasa usaha ini selaras dengan apa yang telah kita selalu bercakap iaitu tentang kaedah dan cara untuk memperlihatkan kepada masyarakat peranan positif yang dimainkan Ahli-ahli Dewan Negara sendiri. Dengan itu, kewujudan Dewan Negara sendiri tidak akan dapat dipertikaikan oleh sesiapa sahaja, lebih-lebih lagi oleh pihak pembangkang. Insyallah saya akan bercakap tentang usul khusus ini, saya tidak hendak sebut tentang usul bab pembangkang iaitu Tuan Lim Kit Siang bercakap mengenai Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi mengenai pertanian. Saya rasa dalam usaha yang sama, yang ada keyakinan ini, relevannya ialah untuk menunjukkan keyakinan dalam kegawatan ekonomi yang kita hadapi, kalau dalam IT kita ada national IT agenda. Pada saya sekarang Kementerian Pertanian pula patut mengambil inisiatif dan pengurusan sebagai National Green Revolution, dengan izin. Kita boleh refer sebagai Buku Hijau. Projek 'Buku Hijau' kita rasa lama, persepsinya ialah barang ini adalah barang lama, buku buruk, kita bawa balik ke khutub khanah dia kata 'is not up-to-date', sedangkan dalam bidang penerbitan, walaupun buku itu di'published', diterbitkan dalam tahun 1970, tetapi edisinya, edisi terbaru, boleh jadi dibuat

perubahan dan tambahan di sana-sini. Kulit bukannya pun berwarna dan lain yang lebih menarik. Oleh kerana itu kalau kita mengkehendakkan masyarakat mengambil bahagian dengan secara efektif dan berkesan, pada saya nama National Green Revolution patut dijadikan usaha dan terus disepadukan, dikoordinasikan oleh Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begini kerana banyak saya bercakap di luar dalam usaha kita menyampaikan maklumat dari segi ini dalam badan-badan politik dan PIBG umpamanya, mereka rata-rata mengatakan 'tell us the way' - beritahu kita. Kita hendak mengambil inisiatif sendiri tidak boleh, tidak tahu macam mana hendak mula, lebih-lebih lagi dalam bidang pertanian yang mereka tidak tahu. Jadi, pada saya kalau kita betul-betul jadikan ini sebagai program raksasa di peringkat kerajaan dan masyarakat melihat ini sebagai satu tindakan yang dikordinasikan di peringkat kementerian sendiri, maka pada saya keyakinan akan lebih meningkat. Jadi, rang undang-undang baru dari segi usaha untuk kita memperbaiki kedudukan industri sekuriti ini pun akan lebih jelas, kerana apabila masyarakat mula mempercayai keyakinan dalam bidang-bidang yang tertentu, yang lain dengan secara automatik, tindakan-tindakan positif lain yang diambil oleh kerajaan akan dapat dipercayainya dan keyakinan akan meningkat sepertimana yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai

perlindungan kepada pelabur melalui MESDAQ. Saya rasa perkara ini amat baik sekali. MESDAQ diwujudkan kerana mengambil kira dan mengakui tentang modal intelek (intellectual capital), dengan izin yang ada kepada ahli-ahli yang menjalankan syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi.

Pada saya masanya sudah kena, cuma mengikut bacaan saya dalam akhbar mengatakan bahawa pengwujudan MESDAQ ini pun terpaksa ditangguhkan, tidak sepertimana yang dirancangkan.

Kita menyedari tentang perkara ini, tetapi biarlah kalau hendak tangguh pun jangan terlalu lewat dan biarlah ada juga syarikat-syarikat tertentu yang mula diusahakan sebagai permulaan (starting point), tidak sehebat, tidak semuanya lima, sepuluh sekali, tetapi kalau lima, sepuluh, sekali pun kena buat juga. Ini selaras dengan apa yang diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umpamanya mengenai Koridor Raya Multimedia. Rata-rata menyebut bahawa Koridor Raya Multimedia tidak akan ditangguhkan, akan berjalan pesat seperti biasa. Oleh kerana itu adalah konsisten dengan keputusan kerajaan. Kalau sekiranya MESDAQ ini yang ditujukan khas kepada industri berteknologi tinggi, supaya ini diadakan, dengan cara ini, keyakinan masyarakat dalam negara dan juga di luar negara akan meningkat dari masa ke semasa.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

5.27 ptg.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli kerana mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendedahan penuh. Sebenarnya pindaan kepada Rang Undang-undang ini khasnya adalah untuk MESDAQ, kerana MESDAQ mengamalkan rejim pendedahan dalam penawaran sekuriti kepada orang ramai di mana mekanisme penstabilan harga menjadi perlu dan ini juga amat penting sekali, kerana ini membolehkan pelabur-pelabur untuk membuat keputusan termaklum. Maka ini adalah satu keadaan di mana kita harap boleh membantu semua pelabur-pelabur semasa membuat keputusan termaklum dan memahami juga tentang risiko-risiko yang akan dihadapi masing-masing. Pendedahan penuh seperti ini adalah lebih hebat daripada apa yang diamalkan kerana dan pandangan Yang Berhormat tadi itu adalah amat baik sekali dan akan diambilkira.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Mengenai Securities Commission hendaklah mewujudkan skim insentif untuk membeli maklumat supaya ia dapat maklumat penuh dan lengkap untuk menangani perniagaan dalaman. Dari segi syarikat tersenarai, Securities Commission sedang berusaha dengan pihak berkuasa lain untuk memperbaiki pengurusan syarikat ataupun dengan izin, corporate governance supaya selari dengan cara-cara yang diperakui di peringkat antarabangsa.

Securities Commission sedang mengkaji cara-cara memberi insentif kepada syarikat tersenarai untuk memperbaiki pengurusan syarikat. Dari aspek insentif untuk memberi maklumat, ianya adalah polisi yang telah dibincangkan dengan Jabatan Peguam Negara supaya pemberi maklumat tidak dipengaruhi oleh insentif kewangan dalam memberi maklumat. Ini juga adalah supaya maklumat diberi secara suci hati dan sistem pengumpulan maklumat tidak disalahgunakan seperti maklumat palsu dan berniat jahat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perdagangan dalaman, iaitu pada asalnya peruntukan mengenai perdagangan dalaman adalah dihadkan kepada tugas-tugas fiduciary sahaja dan pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai sesuatu syarikat. Dalam erti kata yang lain, larangan perdagangan dalaman adalah dihadkan kepada sekuriti sesuatu syarikat yang dikendalikan oleh pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai syarikat berkenaan yang mempunyai tanggungjawab fiduciary terhadap syarikatnya. Ini adalah polisi di sebalik larangan perdagangan dalaman Akta Syarikat. Akan tetapi pengambilan dan

pengamalan polisi ini dalam bidang undang-undang sekuriti pula adalah tidak berkesan dan serba kekurangan dalam menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini. Jadi, undang-undang dagangan dalaman pada masa ini sewajarnya mencerminkan objektif-objektif polisi seperti perlindungan keutuhan dan integriti pasaran. Galakan perlakuan yang betul dan penumpasan perlakuan dan perbuatan yang salah di sisi undang-undang. Mengekalkan keyakinan pelabur-pelabur di pasaran saham dan peningkatan perlindungan terhadap mereka, iaitu pelabur-pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai NEAC ini, saya mengucapkan terima kasih terhadap pandangan ini dan tentang Green Revolution, saya percaya kementerian yang ada kaitan akan mengambil point yang seperti ini dan saya mengucapkan terima kasih juga atas pandangan terhadap perlindungan yang diberikan kepada MESDAQ dan cadangan untuk menangguhkan pelaksanaan MESDAQ ini. Semua ini akan diambilkira sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian mohon mencadangkan dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diptuuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 44 -

Puan Kamilia binti Ibrahim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Puan Kamilia binti Ibrahim hendak bercakap?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Hendak penerangan Fasal 89E.

Tuan Pengerusi: Fasal 89.....

Puan Kamilia binti Ibrahim: E.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tentang masalah dalam menentukan fiduciary duty, dengan izin, dan dalam menentukan maklumat dalaman or inside information. Jadi, saya faham bahawa ini memang satu perkara yang sangat rumit dalam undang-undang syarikat. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai seksyen 89E, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ianya adalah untuk memberi perlindungan kepada pelabur dan juga untuk mengukuhkan syarikat pasaran saham dan juga untuk memudahkan Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) untuk menjalankan tugasnya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Pengerusi, secara keseluruhannya ialah tindakan sivil dibenarkan dalam hal ini, oleh kerana biasanya sebelum pindaan ini, tindakan yang boleh diambil oleh pihak Securities Commission ialah tindakan penjenayah, dan penjenayah ini hendaklah dibuktikan beyond reasonable doubt dan biasanya untuk mendapatkan semua bukti untuk membuktikan hal-hal yang demikian amat sukar sekali. Dari segi itu, dicadangkan supaya civil action, civil proceeding dapat juga

diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya pembuktian untuk kesalahan itu dapat dimudahkan untuk tindakan seperti ini, iaitu bukti-bukti yang ditumpukan tidaklah sebegitu susah. Ini adalah secara keseluruhan dan difirkan juga dengan adanya tindakan sivil dan tindakan penjenayah kedua-dua sekali dengan denda-denda yang diperkenal itu dapatlah menjadikan sebagai satu denda yang lebih efektif untuk menghalang penjenayah ataupun perniagaan dalaman itu dapat dikurangkan.

Fasal 1 hingga 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 17(2)

Penghinaan Ketua Pembangkang Terhadap Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa telah pun pukul 5.30 petang, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 17 saya menempohkan perbahasan ke atas rang undang-undang yang dibahaskan sekarang bagi membolehkan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain dibahaskan seperti yang dinyatakan awal tadi pihak pencadang dan penyokongnya diberi masa selama 30 minit dan bagi pihak kerajaan selama 30 minit. Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain.

5.36 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan penghargaan rasa terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi mengizinkan saya untuk membawa usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 17(2). Saya juga ingin menyatakan bahawa saya tidak akan menggunakan masa sepenuhnya setengah jam yang diperuntukkan kepada saya. Saya akan cuba bercakap seberapa ringkas yang boleh untuk memberi kesempatan kepada sahabat-sahabat saya yang lain yang sudah bersedia untuk berucap untuk mengemukakan pandangan-pandangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya memikirkan untuk membawa usul ini, terasa amat berat di hati saya, kerana usul ini memerlukan saya mengangkat keceluparan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat, keceluparan yang disengajakan untuk menghina dan menghakis kemuliaan Dewan ini dan kewibawaan ahli-ahlinya. Apabila saya membawa usul ini, saya telah mengangkat keceluparan Ketua Pembangkang itu kepada satu tahap yang tinggi untuk diperbahaskan di dalam Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya rasa perlu dibawa usul ini oleh kerana meminjam hujah yang selalu dikatakan dan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu sesuatu kepalsuan sekiranya dihentak bertalu-talu, bertubi-tubi, akhirnya ia akan diterima ramai sebagai kebenaran. Ketua Pembangkang, Tuan Lim Kit Siang tidak henti-henti selama ini cuba menghina dan menghakis keyakinan orang ramai dan rakyat negara ini ke atas institusi-institusi penting negara. Pendapat ini juga telah disebut oleh Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi, walaupun berselindung di sebalik sikap yang dikatakan sebagai patriotisme, tetapi Tuan Lim Kit Siang selalunya menggunakan kesempatan apa sahaja untuk mempolitikkan keadaan bagi membolehkan ianya diterima sebagai seorang yang membawa kepentingan masyarakat sebenarnya. Tuan Lim Kit Siang adalah sebagai ayam yang berkokok berdegar-degar, tetapi buntutnya dipenuhi tahi. Ini Tuan Lim Kit Siang yang sebenarnya.

Kalau kita lihat DAP itu sendiri yang mengaku sebagai sebuah parti yang memperjuangkan demokrasi, tetapi Tuan Lim Kit Siang telah mengendalikan parti itu sebagai sebuah parti haknya sendiri, sebagai seorang diktator yang mengetuai satu organisasi yang dipenuhi oleh, dengan izin, 'cronies'nya. Pada satu ketika dahulu Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada DAP dipenuhi oleh gerombolan sahabat anaknya, Tuan Lim Guan Eng, sahabat sewaktu bersekolah, sewaktu di universiti dan mereka ini memenuhi bahagian pembangkang DAP di Dewan Rakyat. Mereka ini ditebarkan di seluruh negara, di Pulau Pinang, di Perak, di Selangor, di Melaka dan akhirnya berjaya mendapat sedikit keyakinan rakyat dan telah dipilih di dalam pilihan raya tahun 1990.

Tetapi akhirnya rakyat telah sedar bahawa ini adalah sandiwara politik Tuan Lim Kit Siang di dalam mengekalkan kedudukannya sebagai Ketua Pembangkang, dan pada pilihan raya tahun 1995 gerombolan sahabat anak-anaknya telah ditumpaskan satu demi satu di tempat-tempat yang mereka

bertanding. Hari ini di Dewan Rakyat cuma sebahagian kecil sahaja ahli DAP yang kekal untuk mewakili pandangan yang dikemukakan oleh Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kata-kata yang diucapkan oleh Ketua Pembangkang itu sebenarnya adalah pandangan sempitnya sendiri, pandangan yang tidak mendapat sokongan dan dukungan rakyat jelata. Sekiranya Tuan Lim Kit Siang berhujah tentang kedudukan Dewan Rakyat, ini adalah impiannya sendiri yang tidak diterima di dalam sistem demokrasi yang kita anuti pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bagaimana dari masa ke semasa Tuan Lim Kit Siang telah menghina institusi-institusi penting negara, daripada institusi kehakiman kepada institusi pentadbiran, sehinggalah akhirnya kepada institusi-institusi perundangan negara ini. Dalam hujahnya untuk menarik perhatian rakyat supaya keyakinan mereka kepada Kabinet dihakiskan, beliau sendiri telah mencadangkan supaya Perdana Menteri merombak Kabinet. Dalam keghairahannya inilah di dalam ucapannya di Dewan Rakyat tempoh hari beliau telah dengan sengaja menyebut tidak kewibawaan Senate ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya tersebut beliau telah mengatakan bahawa Senate ini adalah tempat ataupun telah menjadi tempat kepada 'political dead wood'. 'Political dead wood' inilah yang telah menyentuh perasaan Ahli-ahli Dewan Negara. Sebenarnya kalau kita melihat sendiri Dewan ini dipenuhi oleh mereka yang berwibawa, yang dipilih oleh Dewan-dewan Undangan Negeri dan dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri. Adakah Tuan Lim Kit Siang hendak menidakkan kewibawaan Dewan Undangan Negeri yang telah memilih 26 ahli-ahli kita termasuk Dewan Undangan Negeri Kelantan, sendiri memilih Ketua Wanita PAS, walaupun bukan rakyat Kelantan, tetapi untuk mewakili negeri Kelantan adakah Tuan Lim Kit Siang sendiri hendak mengatakan bahawa wakil dari Kelantan ini 'political dead wood'? Dewan-dewan Undangan Negeri yang lain semuanya melantik ahli-ahli yang berwibawa. Kita melihat bagaimana mereka telah memberi pandangan yang bernas, memberi kritikan yang membina di dalam membahaskan berbagai-bagai usul dan juga akta ataupun rang undang-undang yang telah dibahaskan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah lihat ramai ahli Dewan Negara yang dilantik dan dipilih melalui Dewan ini termasuklah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri. Pada tahun 1969 Dato' Seri Dr. Mahathir kalah pilihan raya. Selepas itu dalam kemelut politik tanah air Dato' Seri Dr. Mahathir telah dipecat daripada UMNO. Tetapi selepas itu Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri telah dilantik pada tahun 1972 sebagai Ahli Dewan Negara. Pada ketika itu mungkin ada orang yang berkata bahawa Dato' Seri Dr. Mahathir adalah 'political dead wood' kerana kalah pilihan raya, tidak berwibawa dan dipecat daripada parti. Saya masih ingat pada waktu itu saya masih belajar di Australia. Kami menjemput beliau ke sana untuk membentangkan satu kertas kerja 'Malaysia in Perspective'.

Mungkin ramai yang mengatakan Dato' Seri Dr. Mahathir seperti yang dikatakan oleh Tuan Lim Kit Siang daripada pihak pembangkang sebagai dead wood. Tetapi akhirnya Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri yang melalui Dewan Negara ini, pada hari ini menjadi pemimpin yang sungguh berwibawa, dihormati ramai dan berjaya memimpin negara ini ke arah kemajuan yang tidak tercapai oleh negara-negara lain yang setara dengan kita. Dalam hujah ini juga mungkin Datuk Haji Ibrahim bin Ali yang kalah dalam pilihan raya, keluar daripada parti, sekarang duduk dalam Dewan Negara, mungkin satu hari jadi Perdana Menteri - mana Datuk Ibrahim, ada di luar.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sebagaimana disebut adalah sebahagian daripada institusi perundangan negara. Dalam kegawatan ekonomi pada hari ini, dalam kita menghadapi masalah mata wang, masalah kewangan dan masalah ekonomi, kita semua menyeru supaya semua pihak memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada institusi-institusi penting negara. Tuan Lim Kit Siang sendiri di Dewan Rakyat telah berucap berlegar-legar sampai tiga jam hari itu, berucap untuk menyokong supaya dipulihkan ekonomi negara kita. Tetapi di sebaliknya dalam usahanya untuk mempolitikkan keadaan, beliau cuba menghakis keyakinan orang ramai terhadap institusi-institusi ini. Ini adalah satu sikap cakap tidak serupa bikin yang telah harus diterima oleh rakyat Malaysia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan hujah-hujah saya sewaktu memohon izin usul dibahaskan dan sekarang saya kemukakan untuk memberi kesempatan supaya sahabat-sahabat saya yang lain dapat memberi pandangan mereka. Sekian, terima kasih.

5.49 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain berkenaan dengan satu ucapan yang menyentuh perasaan dan juga bukan sahaja menyentuh perasaan tetapi mempunyai niat yang amat negatif dan buruk terutama sekali pada satu kenyataan dalam ucapan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada 17 Disember yang lalu di Dewan Rakyat yang mana salinan *Hansardnya* ada pada saya, yang mana pada keseluruhannya usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain, dengan ini saya menyokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Tuan Lim Kit Siang sebagaimana *Hansard* yang ada pada saya menyatakan mutu Senate sekarang 'rubbish bin for those that had been political dead wood' yang mana pada pandangan kita sebagaimana saranan sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain tadi ianya bertentangan dengan semangat dan juga institusi perundangan negara. Sebagaimana juga kita tahu bahawa komponen dalam Parlimen kita mempunyai tiga komponen, iaitu yang tertinggi sekali ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, keduanya Dewan Negara dan ketiganya Dewan Rakyat. Institusi perundangan ini telah diterima semenjak kita merdeka, dan institusi perundangan ini telah membantu untuk membangunkan negara melalui sistem demokrasi berperlembagaan yang kita amalkan sebelum ini yang mana daripada 192 Dewan Rakyat melalui kawasan masing-masing dipilih oleh rakyat secara demokrasi.

Di sinilah tempat kita memberi pandangan, menyokong dan juga memberi kritikan bagi sama-sama kita membangunkan negara kita. Dewan Negara sebagaimana termaktub di dalam semangat kewujudan Dewan Negara ialah untuk mengadakan satu bentuk ahli-ahli yang representative dalam semua lapisan masyarakat terutama sekali kepada mewakili parti-parti kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat yang telah mempunyai peluang secara individu dan mempunyai wibawa dilantik menjadi ahli Dewan Negara. Dalam sektor perdagangan, perindustrian dan perniagaan melalui NGOs, dengan izin, dalam pelbagai sektor organisasi yang diiktiraf oleh kerajaan, seperti Dewan Perniagaan Malaysia, Persatuan Kontrak Bumiputera dan lain-lain sentiasa diberi peluang oleh kerajaan dan Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjadi ahli Dewan Negara bagi sama-sama kita secara representativenya supaya kita dapat memberi pandangan untuk membangunkan negara.

Bukan itu sahaja, malah mengikut kelompok masyarakat kecil-kecilan, masyarakat yang secara minority, dengan izin, kebetulan sahabat saya Yang Berhormat Tuan Long Jidin mewakili Orang Asli. Saya tidak tahulah Orang Asli yang ke berapa.

Tuan Long bin Jidin: Yang keempat.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Yang keempat katanya, dia bisik. Jadi, Orang Asli yang merupakan masyarakat peribumi mempunyai representativenya di Dewan Negara. Berkemungkinan di Dewan Rakyat kita bertanding dalam aspek kepartian, parti Barisan Nasional, parti pembangkang. Kalau di Kelantan kita hebat dengan Barisan Nasional dan PAS. Tetapi mungkin di sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia kita hebat dengan parti Barisan Nasional dengan parti DAP. Itu suasana yang telah berlaku sekian lama. Jadi, oleh kerana representative dalam unsur-unsur keadilan dalam negara kita melalui institusi perundangan negara, maka kerajaan ataupun perlembagaan kita memperuntukkan dengan kuasa-kuasa tertentu supaya kita dapat melantikan beberapa wakil bagi mewakili kelompok masyarakat masing-masing. Serupalah dengan sahabat saya Yang Berhormat Tuan Charern, saya tidak tahulah orang Siam yang pertama. Saya harap selepas Yang Berhormat ini ada lagi, sekurang-kurangnya masyarakat Siam di Kedah, masyarakat di Kelantan mempunyai wakilnya yang secara langsung akan memberi keadilan ataupun menjadi orang tengah ataupun menjadi penghubung kepada masyarakat orang Siam di Malaysia. Jadi, saya rasa itulah sebahagian daripada kelompok masyarakat.

Kemudian NGO yang saya sebutkan tadi, tidak mungkin Dewan Perniagaan Melayu ataupun Dewan Perniagaan Malaysia yang secara kebetulan saya merupakan Senator yang ketiga mewakili Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia. Yang pertamanya ialah Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Lajim. Yang keduanya, Yang Berhormat Allahyarham Senator Salam, dan yang ketiganya saya. Tidak mungkin saya boleh mewakili hampir 17,000 usahawan dan juga kontraktor bumiputera seluruh negara sekiranya perkataan 'dead wood' yang diperkatakan oleh Tuan Lim Kit Siang ini adalah merupakan

satu perkataan yang nakal, dan kalau tidak keterlaluan bolehlah saya menyimpulkan sebagai satu kata-kata yang politicking ataupun satu perkataan yang berbau agak jahat.

Jadi, sebagai seorang pemimpin politik khususnya Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat selepas kita mendapat satu penyata yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang iaitu Senator sebagai rubbish bin, maka saya kebetulan berada di legar luar yang dengar perkara ini berbincang bersama-sama kawan-kawan, nampaknya kita bersama-sama menukar arus untuk menyatakan pendirian kita yang hak dan sebenarnya. Jadi, kita tekan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain tadi harus dilihat secara positif dan kita mahu Tuan Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat dan juga merupakan pemimpin kepada masyarakat harus lebih bertanggungjawab, lebih melihat dengan menjaga institusi perundangan negara melebihi daripada kepentingan lain-lain. Jadi, kalau perkara ini tidak ditarik balik, sudah pasti kita beranggapan bahawa pandangan Tuan Lim Kit Siang ini adalah satu pandangan politik peribadi dan satu pandangan yang sebenarnya menentang kewibawaan institusi perundangan negara.

Saya rasa bukan sahaja pandangan ini menentang kewibawaan institusi perundangan negara, malah dia menidakkan sebagaimana Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain menyatakan tadi, menidakkah sistem demokrasi yang sedang berlaku, yang amat adil berlaku dalam negara kita, khususnya sebagaimana untuk ditambah, kalaulah kebetulan DAP memerintah Pulau Pinang umpamanya, kalau Terengganu rasa payahlah, dia terror ataupun hero di tempatnya sahaja. Sebenarnya apabila selepas kita berada di Dewan Negara ini kita dapati pemimpin-pemimpin yang kita pilih sungguh berwibawa dan telah mewakili bukan sahaja dalam sektor mewakili kaum yang kecil dan minoriti, bukan sahaja mewakili NGO, tetapi juga mewakili parti politik yang tidak mendapat peluang dalam satu-satu kawasan pertandingan pilihan raya. Ada beberapa Ahli Dewan Negara kita meminta dirinya....

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju pandangan sahabat saya. Saya salah seorang mewakili masyarakat keturunan India di negara ini. Saya telah berkhidmat selama 35 tahun kepada masyarakat dan negara. Sebagai mengiktiraf perkhidmatan saya ini, saya telah

dipilih sebagai Ahli Dewan Negara ini, juga merupakan pengiktirafan mewakili kaum masing-masing. Adakah pandangan saya Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Yang Berhormat bukan sahaja lebih baik daripada Tuan Lim Kit Siang, apabila berjuang untuk kepentingan warga India, untuk mengubah jam daripada 5.30 dalam siaran Warta Berita minggu lepas kepada pukul 6.00. Sekarang saya akur, ini perjuangan Yang Berhormat daripada pemimpin kaum India. Malah kita bukan daripada bumiputera menghormati apa jua pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari semua keturunan untuk kepentingan semua bangsa dalam negara kita. Kerana akhirnya negara kita harus mewujudkan satu integrasi nasional dan perpaduan kaum yang mantap untuk membawa ke mercu kejayaan seperti hari ini. Ini semua adalah kebijaksanaan kepimpinan negara yang harus kita beri pujian dari masa ke semasa.

Tetapi dalam usul ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara mempunyai pelbagai profesion lagi, ada peguam, ada doktor, ada pakar akauntan dan sebagainya. Apabila kita dengar ucapan Tuan Lim Kit Siang, saya sudah kaji banyak *Hansard* ucapan Tuan Lim Kit Siang, sebenarnya dia 'beat around the bush', berpusing-pusing....

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga minta Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini akur bahawa saya juga mewakili satu gerakan yang agak besar yang dianggotai oleh 4.2 juta rakyat Malaysia, iaitu Gerakan Koperasi Negara.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, malah saya sudah ada Yang Berhormat sebagai mewakili ANGKASA. Boleh jadi Yang Berhormat tidak sabar kerana marah sangat kepada Tuan Lim Kit Siang barangkali. Saya sudah ada sedikit-sedikit, saya tidak tinggal kakak saya. Malah kita mewakili pelbagai sektor, organisasi sama ada sektor Non-Government Organization, dengan izin, dan juga organisasi-organisasi lain selain daripada kita begitu representative sebagaimana dikehendaki ataupun semangat yang ada dalam perlembagaan kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul yang telah dibawa oleh rakan saya, Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain. Saya memohon supaya cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah dapat sokongan padu daripada seluruh Ahli Dewan Negara, dan insya-Allah, sebagai Ahli-ahli Dewan Negara yang bertanggungjawab melalui contohnya melalui Kelab

Senator sebagai sebuah NGO di belakang kepada Dewan, kita akan menjalankan usaha-usaha murni bagi mengangkat kedudukan sesuai dengan martabat yang sedia ada bagi sebuah institusi Dewan Negara, dan sokongan berterusan kepada usaha-usaha Ahli-ahli Dewan Negara di luar Dewan ini amat kita sanjungi dan setakat ini seluruh Ahli Dewan Negara merakamkan terima kasih di atas sokongan padu kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang sentiasa membantu usaha-usaha kita di luar demi untuk kepentingan bangsa, agama dan negara. Dengan itu, saya turut menyokong.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain hendak bertanya apa lagi?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya hendak mencelah sedikit berkenaan tadi, iaitu saya hendak tanya sama ada sahabat saya bersetuju kita mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat kita di dalam Dewan Rakyat, sewaktu Tuan Lim Kit Siang mengucapkan kata-kata tempoh hari, seperti Dato' Badaruddin dan rakan-rakannya, malah Timbalan Speaker yang mempengerusikan mesyuarat tempoh hari juga telah menyatakan tidak bersetuju dengan kata-kata yang telah diucapkan oleh Tuan Lim Kit Siang itu. Adakah sahabat saya bersama-sama ingin menyatakan terima kasih kepada mereka?

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Saya minta maaf, saya terlupa tadi. Saya berterima kasih khususnya kepada dua orang. Yang pertama ialah Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat sendiri yang telah memutuskan selepas beberapa ucapan Tuan Lim Kit Siang mengatakan 'rubbish bin' yang mana dalam *Hansard* pada muka surat 49 yang bertarikh 17 Disember telah membuat keputusan melalui Peraturan Mesyuarat 36(6), iaitu mengatakan bahawa perkataan 'Senator sebagai rubbish bin adalah sangat jahat.' Biasanya boleh diterima kalau ianya diputuskan ataupun ditujukan kepada mana-mana seorang ahli. Tetapi ingin juga saya mengatakan, maknanya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengatakan, "Saya hendak menasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya rasa tidak senonoh kalau Ahli Yang Berhormat membuat ulasan sedemikian terhadap seluruh Dewan Negara."

Kedua pula di atas bangkangan dan pandangan yang menghormati institusi Dewan Negara oleh Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Yan. Sekian, saya turut menyokong.

6.05 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kdsaya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain yang amat unik ini. Masyarakat umum mengenal George Soros sebagai penyanyak politik. Kita sedang didedahkan dengan seorang penyanyak lain pula dalam Malaysia. Saya rasa berpatutan kalau kita bersetuju memberi label beliau ialah 'penyanyak politik Malaysia yang sudah bankrup dengan idea dan sudah tidak konsisten lagi dengan apa-apa sahaja yang dia berucap.' Kita tidak payah dengar lagi ucapannya, Tuan Lim Kit Siang sudah jadi 'Lim Kit Malam'. Bila 'Lim Kit Malam' samalah dengan Soros, bolehlah panggil 'Lim Kit Soros' juga, sebab dia sudah dua beradik. Kalau Soros mencabuli kita, menikam kita dari belakang dari segi ekonomi, saya rasa Tuan Lim Kit Siang sama tarafnya dengan George Soros dari segi merendahkan darjah dan martabat Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang ini sebenarnya sebagai tong sampah yang sudah bankrup dengan idea. Kalau Tuan Lim Kit Siang bankrup dengan idea, mari kita berdepan dengan rakan-rakan di dalam Dewan Negara ini, mari kita tunjukkan kepada Tuan Lim Kit Siang bahawa kita ada banyak idea. Kalau Tuan Lim Kit Siang sudah bankrup idea, kita hendak rujuk dia kepada buku-buku tertentu mendapat idea. Saya terkejut hari ini dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah yang membentang usul ini. Kalau tidak kita boleh bawa buku-buku yang berkenaan supaya Tuan Lim Kit Siang dapat idea sedikit, tidak bankrup idea untuk bercakap dalam Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang inconsistent, dengan izin, dan agak contradictory, bercanggahan dalam perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Lim Kit Siang ialah dalam masa dia hendak memuji dan melihat kepimpinan Perdana Menteri kita dalam mengusulkan Koridor Raya Multimedia, dia melihatnya secara positif. Bab ini telah pun dibincang dengan baik dalam Dewan Rakyat dan

dalam Dewan Negara. Masyarakat menerima hakikat ini, dan beliau pun tidak ada pilihan lagi, terpaksa kena menerima. Tetapi bila datang untuk merendahkan orang lain, dia mengambil peluang ini. Oleh kerana itu, saya rasa saya amat bersimpati dengan Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah dan rakan-rakan lain yang mula bercakap, kalau hendak rasa panas memang panas, tetapi kita masih dengan sifat-sifat keislaman kita [*sambil membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud; “Sesungguhnya Tuhan berserta dengan orang yang sabar”. Kalau tidak sabar, jaga Tuan Lim Kit Siang, kerana kita juga tahu macam mana hendak marah.

Mesej ini mesti sampai kepada Tuan Lim Kit Siang menerusi apa sahaja. Kita ingin berhadapan menunjukkan confident kita berhadapan dengan manusia yang bernama Tuan Lim Kit Siang. Bahkan saya telah pun challenge dia. Ini kita ada tokoh yang berani challenge dia, mengapa kita tidak challenge lagi. Pada saya kalau kita berani bercakap dengan 34 ahli Congressman untuk menjemput mereka datang ke sini, kita juga hendak mengatakan kepada Tuan Lim Kit Siang kumpul 12, 15 orang DAP dalam Dewan Rakyat itu mari kita pergi pada satu pentas tertutup bersama-sama dengan wakil Dewan Negara, mari kita bertukar pendapat, mari kita berhujah dan check sama ada kita ‘dead wood’ atau tidak. Cih! biadap Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan ‘cih’ bukan perkataan Parlimen.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, perkataan ‘cih’ terkeluar bila rasa marah sedikit tadi. [*Ketawa*] Ini menandakan kita menghargai pejuang Melayu asal dari negeri Melaka. Oleh kerana Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang itu juga datang dari Melaka, saya harap dia faham dan dia kenal siapa Hang Jebat. Kalau tidak kenal juga sila datang berunding dengan Kelab Senator Malaysia untuk kita mendakwahkan kepada dia sejarah Melayu zaman gemilang Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan bahawa sikap Tuan Lim Kit Siang dalam menyatakan cara, style yang dibuat adalah sikap bongkak dan sombong. Sikap bongkak dan sombong ini datang daripada seorang ahli yang dikenali sebagai seorang peguam. Ini pada saya agak menyedihkan. Sebab kalau orang itu berilmu, orang itu mesti juga ada sifat, dengan izin, humility, merendah diri.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Ghazi apakah Yang Berhormat ingin menyatakan di Dewan ini apa yang telah diperkatakan oleh Tuan Lim Kit Siang sedikit-sebanyak boleh menjejaskan institusi guaman itu sendiri dengan ucapan yang disebut oleh Tuan Lim Kit Siang itu. Dengan ini, pihak ahli-ahli peguam di seluruh negara juga akan merasai bahawa ucapan Tuan Lim Kit Siang ini terjejas ataupun menjatuhkan institusi guaman itu sendiri.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Hajah Zaleha dan saya ucap setinggi tahniah kerana Yang Berhormat Hajah Zaleha merupakan seorang Ahli Dewan Negara yang telah membuktikan sekali lagi bahawa kita bukan 'dead wood'. Saya harap Tuan Lim Kit Siang baca *Hansard*. Kerana Yang Berhormat Hajah Zaleha boleh membaca fikiran saya sebelum saya sebut. Saya hendak ke situlah. Kalau dia orang berilmu dapat ijazah jadi practising lawyer, dengan izin, kalau begitulah tahap rendahnya darjat dan pemikirannya, dia bukan orang berilmu. Orang berilmu mengikut resmi padi, lagi berisi lagi lebih lebih tua, lagi lebih tunduk. Saya mewakili Selangor asal usul dari Kedah, pendatang halal ke negeri Selangor. Jadi, saya tahu apa maknanya resmi padi. Jadi, kalau Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang penyanyak politik, tidak faham resmi padi, saya jemput Tuan Lim Kit Siang mari kita balik ke Kedah kita tunjuk. Kita pergi ke Alor Setar melihat pula Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan sejarahnya, saya sendiri boleh beri briefing kepada beliau kalau dia tidak faham sangat tentang adab budi bahasa.

Saya ingin mengambil peluang ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita menyeru Majlis Guaman Malaysia melihat ini sebagai satu benda yang besar, mereka faham bab Perlembagaan negara semua sudah dianalisa, dikaji dan diterang dengan jelas. Saya tidak mahu ulang lagi, tetapi kita beri mesej kepada Majlis Peguam, lihat ini sebagai satu masalah yang amat sensitif, yang berniat jahat dan berunsur jahanamkan negara. Semasa keseluruhan kerajaan melihat untuk menaikkan keyakinan rakyat, keseluruhan Ahli Dewan Negara mengambil bahagian dengan begitu lantang, dan saya sendiri juga bercakap tentang meningkatkan tahap keyakinan rakyat supaya persepsinya baik, supaya sentimen seluruh negara, seluruh dunia baik kepada kita. Tetapi penyanyak politik Tuan Lim Kit Siang

meruntuhkan. Jadi, kalau hendak jaga air muka ahli-ahli peguam sekalian sila, buat satu tindakan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin simpulkan perdebatan saya ini dengan serangkap pantun yang saya baru karang dalam beberapa minit.

Tuan Yim Chee Chong: Wah, bagus.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Pantunya berbunyi begini, dengan sukacitanya, dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya ingin menyampaikan pantun kepada penyanyak politik Tuan Lim Kit Siang-Soros ini, berbunyi begini:

Wahai Tuan Lim Kit Siang,
 Jangan cuba hendak temberang;
 Lebih baik minta maaf sekarang,
 Sebelum kami lebih naik berang.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Charern Intachat.

5.15 ptg.

Tuan Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas kebenaran saya berucap untuk menyokong usul ini. Saya rasa tidak senang hati kalau tidak dapat bangun menyatakan perasaan saya terhadap Ahli Dewan Rakyat yang mengeluarkan kata-kata yang menghinakan Dewan yang mulia ini dan ahli-ahlinya. Kita tidak boleh membiarkan Ahli Yang Berhormat ini mengata kita sesuka hati sahaja. Saya rasa Ahli Dewan Rakyat ini telah lama sangat di dalam politik dan berasa keciwa kerana melihat sokongan terhadapnya kian merosot. Dia sedar dia tidak berguna lagi seperti 'dead wood', dengan izin, maka mulalah ia mengata orang lain, kerana perasaan frustration, dengan izin, atau kekeciwaannya.

Saya rasa rakyat negara ini tidak akan memberi sokongan dan memilih wakil yang tidak tahu hormat-menghormati seperti Ahli Dewan Rakyat ini. Kalau ada pun sokongan mungkin orang bersikap dan berbahasa seperti dia sahaja yang boleh menyokongnya. Saya amat kesal dengan kata-kata yang telah diucapkan oleh Ahli Dewan Rakyat, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang di dalam Dewan Rakyat

pada 17.12.97. Saya anggap Ahli Yang Berhormat tersebut tidak beretika kerana tidak menghormati Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dengan menjatuhkan martabat ahli-ahli lain. Saya kira kesemua Ahli-ahli Parlimen hadir untuk mengetengahkan agenda-agenda tertentu sesuai dengan golongan rakyat yang kita wakili. Agenda kita mungkin berbeza-beza tetapi matlamatnya sama, iaitu memperbaiki hidup rakyat.

Oleh itu, izinkan saya sarankan kepada Ahli Dewan Rakyat tersebut supaya jangan terlalu emosional dan hilang pertimbangan sehingga menjejaskan nama baik Ahli Parlimen. Jangan cuba menimbulkan keraguan, kesangsian dan kerisauan di kalangan rakyat tentang kewibawaan wakil-wakil yang dipilih serta wakil-wakil yang diberi kepercayaan oleh kerajaan. Prinsip yang kita pegang mungkin berbeza-beza, tetapi kita harus menghormati persamaan dan juga kelainan negara kita. Kikiskan buruk sangka terhadap orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kaum Siam seperti kaum-kaum lain di negara ini kami benci orang yang bersikap sombong, yang tidak berbudi bahasa dan bersopan-santun dan tidak tahu hormat-menghormati. Orang seperti ini tidak sekali-kali boleh dibiarkan menjadi pemimpin mana-mana golongan di negara yang berbilang bangsa seperti negara kita ini.

Akhirnya, saya ingin memberi amaran kepada Ahli Yang Berhormat tersebut supaya jangan lagi menyentuh nama baik Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Sarasa.

5.18 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk merakamkan rasa kesal ke atas tuduhan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang di Dewan Rakyat pada minggu lalu. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak bersopan dan tidak bertanggungjawab tentang status Dewan yang mulia ini mengikut tradisi beliau. Saya rasa beliau berpengetahuan tentang cara-cara perlantikan Ahli-ahli Dewan Negara, pemilihan calon dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri dan parti-parti politik dengan pengesahan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Perdana Menteri kita mengikut undang-undang. Latar belakang dan sumbangan setiap bakal Ahli-ahli Dewan

Negara diambil kira. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, Ahli-ahli Dewan Negara ini mewakili golongan atau pertubuhan yang khas. Mereka juga mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang tertentu. Setiap Ahli Dewan Negara di sini masih menyumbangkan masa dan tenaga untuk pembangunan negara dan pembangunan masyarakat.

Tetapi adakah tuduhan Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu membina atau membawa faedah. Saya rasa ini adalah perbuatan yang sia-sia sahaja, 'masa itu adalah emas'. Kami ada banyak urusan yang perlu diutamakan memandangkan krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa ini. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, saya susah juga hendak sebut 'Yang Berhormat', adakah dia 'berhormat'. Yang Berhormat ini boleh 'talk and walk away', dengan izin. Tetapi kita tidak boleh buat begitu. Tenaga dan semangat kita perlu ditumpukan untuk mengatasi masalah rakyat dan masalah negara. Dengan itu, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara dari parti MIC menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

5.20 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bercakap panjang lebar kerana masa sangat suntuk. Saya berasa kagum dan syabas kepada rakan-rakan kita tadi Ahli-ahli Yang Berhormat mengeluarkan hujah-hujah yang bernas. Apa yang saya rasa terfikir, betul kata Yang Berhormat Puan Sri Sarasa tadi hendak panggil 'Yang Berhormat' tidak payah. Bukan taraf 'Yang Berhormat' serupa itu. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Lim Kit Siang berkawan dengan orang-orang tong sampah. Kalau dia tidak berkawan dengan orang berperangai tong sampah bagaimana dia hendak tahu ini tong sampah. Jadi, dia sudah biasa bergelumang. Barangkali saya rasa jika tidak semudah itu, bukan calang-calang dia hendak menuduh Dewan ini tidak ada perangai yang baik, betapa susah ibu bapa kita membesarkan kita, menyekolahkan kita, berusaha beriya-iyanya benar, tiba masa dia kata kita berperangai tong sampah. Mungkin benar-benar dia sendiri yang atur tong sampah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim Chee Chong.

5.21 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya hari ini adalah pendek sekali. Saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain. Saya ingin mengambil kesempatan ini mencabar kepada Yang Berhormat - ini bukan 'Yang Berhormat' tetapi 'Yang Bodoh' - Tuan Lim Kit Siang ulangi ucapannya di Dewan Rakyat di luar Dewan Rakyat, kita akan bawa dia ke mahkamah, saya challenge. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

5.22 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi bangun untuk menyatakan hasrat saya, walaupun selama ini Tuan Lim Kit Siang memahami suaranya boleh diutarakan untuk memberi pandangan bagi mengkritik serta membina bagi memajukan negara, tetapi seharusnya kita ingat bahawa setiap rakyat bertanggungjawab bagi meletakkan negara kita mempunyai satu identiti yang tersendiri. Bahkan di dalam Islam telah mengajar umatnya supaya cintakan tanah air [*sambil membaca dalam bahasa Arab*], dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana negara kita masih mengamalkan demokrasi, masih subur demokrasi, sekali-sekala kita harus bertikam lidah demi untuk kebaikan negara. Oleh kerana kita menghormati demokrasi, maka saya sekali lagi bangun daripada Parti Islam SeMalaysia, kerana kami juga daripada kalangan anggota parti Islam cintakan tanah air, yang berusaha bagi membangunkan tanah air demi keadilan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat. Oleh kerana saya merasakan ungkapan ataupun kata-kata yang telah dikeluarkan oleh Tuan Lim Kit Siang agak keterlaluan, yang tidak rasional dalam suasana hari ini, maka saya turut menyokong usul yang telah dikemukakan oleh sahabat saya. [*Tepuk*]
Saya ingin menyatakan di sini bahawa PAS adalah PAS dan kami tidak sekongkol dengan DAP. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Zaleha binti Hussin.

5.24 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul yang telah dibawa oleh rakan kita, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain yang mana saya mengambil

kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada beliau yang telah pun membawa usul ini di Dewan yang mulia ini.

Bagi saya, sebagai seorang Senator yang telah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga rakan-rakan yang lain, kata-kata yang telah diluahkan oleh Tuan Lim Kit Siang dalam Parlimen baru-baru ini memanglah suatu perkataan yang amat mengguris perasaan setiap Ahli Senator yang ada di Dewan yang mulia ini. Apa yang telah disebut oleh Ketua Pembangkang, DAP ini, ia merupakan suatu perkataan yang tidak dapat diterima oleh kita dan tidak menghormati hak-hak sistem demokrasi yang ada di dalam negara ini. Saya ingin menyatakan juga bahawa apa yang telah disebutkan oleh Tuan Lim Kit Siang ini, saya tidak hendak sebut 'Yang Berhormat' ia sedikit-sebanyak bukan sahaja menjejaskan perasaan kita di kalangan Ahli Senator, tetapi ia juga boleh menjejaskan juga sistem ataupun penghormatan yang tertinggi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun melantik Ahli-ahli Senator yang daripada Persekutuan.

Dengan ini, saya ingin menyatakan kepada Tuan Lim Kit Siang bahawa dengan adanya dua sistem sama ada Parlimen atau Dewan Negara dan khususnya Dewan Negara, kita dapat membentuk kestabilan politik di negara ini. Kestabilan politik di negara ini juga dapat dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah di dalam negara kita Malaysia ini dan sepatutnya di dalam keadaan kegawatan ekonomi negara yang sedang dihadapi oleh kita rakyat Malaysia ini, Tuan Lim Kit Siang sepatutnya tidak mencetuskan sesuatu perkataan ataupun perkara yang boleh menimbulkan keadaan kekeruhan suasana di negara ini. Peraturan walaupun ia seorang dari parti pembangkang ia tidak menjadikan keadaan yang lebih gawat daripada apa yang telah kita hadapi dalam suasana keadaan ekonomi di negara kita ini.

Yang kedua, Tuan Lim Kit Siang harus tahu dan dia memang pun tahu bahawa dengan adanya sistem seperti di Dewan Negara ini kita memang dapat mengintegrasikan keharmonian antara kaum dalam negara ini. Bukan itu sahaja, kita dapat menyatupadukan berbagai-bagai lapisan masyarakat yang ada. Di samping itu juga, dengan adanya Dewan Negara ini, Tuan Lim Kit Siang harus ingat bahawa kedaulatan undang-undang dilaksanakan di negara kita ini adalah berpunca dan berasas kepada

Dewan Negara yang mulia ini. Dan penghinaan terhadap Ahli-ahli Senator yang kononnya disebut sebagai tong sampah adalah satu perkataan yang tidak dapat dimaafkan oleh setiap Ahli Senate yang ada sekarang ataupun yang sudah bersara di seluruh negara.

Saya ingin menyatakan bahawa kalau tadi pihak parti PAS, pembangkang kita sendiri mengutuk terhadap perbuatan DAP ini, saya amat merasa berbesar hati dan lapang dada kerana walaupun PAS adalah merupakan parti pembangkang tetapi beliau dapat menerima hakikat bahawa Tuan Lim Kit Siang adalah merupakan seorang yang celupar dan jahat mulutnya di dalam menyampaikan sesuatu perkara yang tidak disukai dan juga mengeruhkan suasana. Saya juga rasa berbangga kerana pihak PAS pada hari ini dapat menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa PAS tidak bersekongkol dengan DAP. Ini bermakna kita mengharapkan kalau apa yang diputuskan oleh Dewan, sama ada di Dewan Negara ataupun di Dewan Rakyat nanti, pihak PAS tidak akan bersama-sama dengan DAP dalam menentang ataupun dalam membangkang ataupun mengkritik kerajaan secara membuta tuli.

Kita harus ingat bahawa dengan apa yang telah pun disebutkan oleh Tuan Lim Kit Siang ini, pepatah Melayu ada mengatakan bahawa “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya”. Di dalam Al-Quran sendiri menyatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, [*membaca ayat Al-Quran*] yang bererti: “Jangan benci dan kutuk orang melampau-lampau, mana tahu satu masa kita memerlukannya”. Kalau Tuan Lim Kit Siang mengutuk Dewan Negara begitu sekali, tetapi dia harus ingat mana tahu di satu masa Tuan Lim Kit Siang memerlukan tenaga daripada kita di Dewan Negara dalam menentukan pandangan dan pemikiran yang boleh membawa negara ini ke suatu era dan keadaan yang lebih baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi dua perkara sebagai menegaskan terhadap bantahan dari saya sendiri dan rakan-rakan di Dewan yang mulia ini atas ucapan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Pertama, ialah mengutuk atas apa yang telah diucapkan. Yang kedua, menegaskan di sini bahawa ia perlu memohon maaf dengan segera kepada Dewan Negara yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, sudah pukul 6.30 petang. Saya juga tahu ramai lagi yang hendak bercakap, kerana masa tidak mengizinkan ya. Barangkali kalau ada peluang lain melalui Kelab Senator barangkali ya, boleh bercakaplah ya.

Beberapa Ahli: Bangun sebagai bantahan!

Tuan Yang di-Pertua: Sila bangun kalau yang bersetuju menyokong penuh.

[Semua Ahli Yang Berhormat berdiri sebagai tanda sokongan sebulat suara]

Tuan Yang di-Pertua: Semua menyokong. Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG KAUNSELOR
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan bertujuan mengawalselia dan memantau profesion kaunselor dalam menjalankan amalan kaunseling bagi memastikan khidmat yang diberikan para kaunselor terjamin dari segi kualiti dan keberkesannya. Ini bermakna mereka yang menggelarkan diri mereka sebagai kaunselor perlu memiliki kelayakan yang diiktirafkan bagi menjalankan tugas sebagai kaunselor dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor yang juga diperuntukkan penubuhannya di bawah rang undang-undang ini.

Kegawatan isu-isu sosial masa kini yang melibatkan pelbagai golongan masyarakat sama ada kanak-kanak, ramaja, ibu bapa, keluarga ternyata boleh menjejaskan hasrat kerajaan ke arah pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika. Dalam usaha pengawalan dan membanteras gejala-gejala ini ternyata bahawa tindakan punitive semata melalui tindakan perundangan tidak

memadai. Jelas bahawa pendekatan yang lebih berkesan amat diperlukan bagi mengawal permasalahan ini dari terus merebak.

Kaunseling telah pun dikenalpasti sebagai satu pendekatan yang berkesan dan dapat membanteras gejala-gejala ini. Amalan kaunseling sebagai salah satu alternatif dan pendekatan penting dalam membantu manusia dan ahli masyarakat telah merebak dengan meluas dalam masyarakat Malaysia hari ini. Setiap hari ahli-ahli masyarakat negara ini semakin memerlukan bantuan psikologikal seperti kaunseling apabila mereka menghadapi pelbagai masalah psikologikal dan kesihatan mental sepertimana juga mereka yang memerlukan bantuan kesihatan dan perubatan apabila menghadapi pelbagai masalah dan kerumitan kesihatan, fizikal dan biologikal.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa amalan kaunseling telah menular dengan meluas dalam sistem masyarakat Malaysia sebagai satu usaha murni untuk membantu, membangun, mencegah dan memulihkan potensi manusia itu ke arah yang lebih baik dan diharapkan oleh agama, bangsa dan negara.

Namun dalam keghairahan dan kesibukan golongan kaunselor memberi bantuan melalui aktiviti kaunseling sama ada kaunselor yang terlatih atau sebaliknya di mana-mana agensi atau organisasi yang terlibat banyak implikasi yang telah, sedang dan akan timbul akibat daripada aktiviti tersebut.

Isu salah laku professional Counsellor. Isu ini termasuk pelanggaran pada, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, counsellor's duty or professional negligence dan confidentiality termasuk privilege and confidentiality and confidentiality of public interest.

Isu kesan dan akibat kepada klien. Proses memberi pertolongan yang tidak profesional dan dilakukan oleh orang yang tidak profesional dalam amalan kaunseling akan memberikan impak yang negatif kepada si penerima pertolongan iaitu klien sendiri. Ini secara terus memberikan kerugian kepada pelbagai aspek seperti wang ringgit, masa, tenaga, emosi dan maruah klien. Setakat ini salah laku kaunselor tidak memperuntukkan sebarang perlindungan untuk klien yang teraniaya oleh mereka, yang menipu atau bertujuan mengaut keuntungan daripada amalan kaunseling yang tidak profesional atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang penting, penyediaan rang undang-undang ini adalah usahasama kementerian ini, jabatan, agensi kerajaan lain dan termasuk wakil badan-badan bukan kerajaan. Menyedari bahawa NGO berperanan besar dalam perkhidmatan kaunseling, kementerian telah mengadakan perbincangan dengan beberapa NGO untuk membincang mengenai draf rang undang-undang ini untuk mengambil kira pandangan dari badan-badan bukan kerajaan.

Dalam Bahagian II dan III rang undang-undang ini ianya mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan:

- (i) Majlis Penasihat Kaunselor Malaysia;
- (ii) Lembaga Kaunselor Malaysia.

Fungsi Majlis Penasihat adalah untuk menasihati Menteri mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan akta dan juga perkara-perkara yang dirujuk oleh Lembaga. Fungsi Lembaga Kaunselor adalah menyelia, mengawalselia, menentukan kelayakan, mendaftarkan kaunselor dan menentukan keperluan bagi perkhidmatan kaunseling di negara ini.

Bahagian VI, mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pendaftaran kaunselor, pengawalseliaan dan penyelenggaraan daftar kaunselor.

Peruntukan-peruntukan penting dalam Bahagian ini adalah Fasal 22 dan 23 bertujuan melarang mana-mana orang daripada menjalankan amalan sebagai kaunselor, melainkan jika ia didaftarkan di bawah akta ini dan memegang suatu perakuan amalan yang sah.

Fasal 24 menyatakan kelayakan yang mesti dimiliki oleh seseorang sebelum ia boleh didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan.

Senarai Kelayakan di Jadual Kedua subseksyen 24(1) adalah hasil perbincangan Jawatankuasa Kurikulum di mana ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil setiap institusi pengajian tinggi serta Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam subseksyen 24(2) dan (3) peruntukan dan kuasa diberi kepada Yang Berhormat Menteri selepas berunding dengan Lembaga bagi meminda Jadual Kedua.

Pada masa kini walaupun kelayakan-kelayakan yang disenaraikan adalah dari universiti-universiti tempatan sahaja, kaunselor dari universiti-universiti luar negeri dapat dipertimbangkan setelah kelayakan mereka diakui dan disahkan oleh Lembaga Kaunselor. Perkara ini adalah dalam bidang tugas Lembaga Kaunselor.

Pihak kementerian juga akan mengaturkan di mana social helpers dapat meningkatkan diri bagi menjalankan amalan kaunseling dan seterusnya dapat diiktiraf sebagai kaunselor. Pengalaman dan latar belakang kaunselor juga diambil kira sebelum seseorang itu didaftarkan sebagai kaunselor. Perkara ini ada berkaitan dengan kod etika kaunseling yang akan disediakan oleh Lembaga Kaunselor.

Bahagian V mengandungi peruntukan berkenaan dengan pertubuhan perbadanan kaunselor iaitu Fasal 33(1). Peruntukan ini adalah penting untuk mengawalselia dalam bentuk perundangan supaya pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai kaunselor melaksanakan perkhidmatannya dengan penuh bertanggungjawab dan kepentingan klien dilindungi.

Pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan bertujuan untuk pekerjaan amal, khidmat kaunseling, nasihat atau kerja-kerja kebajikan oleh NGO tidak

perlu didaftarkan sebagai pertubuhan perbadanan kaunselor, ia boleh didaftarkan sebagai badan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin menekankan sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang yang dicadangkan ini bukan bertujuan menyekat atau menghalang mana-mana pihak untuk memberi khidmat pertolongan melalui khidmat nasihat dan kaunseling. Tujuan sebenar secara prinsip undang-undang ini adalah menghalang atau, dengan izin, deterring ahli-ahli profesional kaunselor yang terlibat dengannya daripada bersikap sumbang atau dengan izin, acting negligently.

Kedua, melindungi dan menyediakan sistem pampasan kepada individu atau ahli masyarakat yang teraniaya iaitu isu salah laku professional counsellor dan isu kesan dan akibat kepada klien.

Rang undang-undang dicadangkan dengan harapan supaya dapat mengiktiraf dan mempertingkatkan bidang dan profesion kaunselor di samping memberi jaminan kepada masyarakat untuk menggunakan khidmat kaunseling dengan penuh keyakinan. Semoga segala usaha kita ke arah membangunkan masyarakat dengan tahap kesihatan mental, psikologikal dan tingkah laku yang tinggi dapat menyumbang kepada usaha kerajaan mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

6.40 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang telah diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kaunselor 1997 yang telah dibentangkan sekejap tadi dan dalam masa yang terhad ini saya ingin mengambil kesempatan untuk memperkatakan, pertamanya, bahawa memang kena pada masa dan ketikanya rang undang-undang ini ditimbang dan diluluskan memandangkan keadaan masyarakat kita yang semakin bermasalah. Bila masyarakat semakin maju, semakin canggih, maka masalah pun semakin canggih dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, memang bukan kesemua masalah dapat kita selesaikan melalui undang-undang ataupun penguatkuasaan kerana bila masyarakat itu semakin besar, semakin maju, barangkali faktor psikologikal memainkan peranan yang penting.

Perkara ini saya selaku salah seorang pemimpin masyarakat merasai betapa pentingnya peranan psikologikal kepada masyarakat kita yang sedang menuju masyarakat maju, menuju Wawasan 2020 di mana di kampung-kampung juga tidak terkecuali daripada masalah golongan remaja bahkan golongan yang dewasa juga sama ada isteri-isteri dan sebagainya yang memerlukan perhatian dari segi psikologikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik kepada apa yang telah ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri tentang peranan NGOs ataupun badan-badan sukarela yang boleh memainkan peranan penting di dalam soal kaunseling ini. Memang kita dapati di kawasan-kawasan atau di luar-luar bandar banyak persatuan yang boleh berperanan ataupun harus memainkan peranan untuk mengatasi masalah gejala sosial dan sebagainya melalui cara pendekatan psikologikal.

Dalam hal ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengatakan ataupun memberitahu atau mendapat pandangan dari Yang Berhormat Menteri, apakah cadangan kepada badan-badan sukarela ini untuk memainkan peranan yang lebih berkesan melalui barangkali peruntukan yang lebih walaupun badan ini boleh membentuk badan kaunseling secara sukarela, namun berdasarkan pengalaman yang kita hadapi akhir-akhir ini, sukarela memang ada tetapi kalau perntukan tidak mencukupi di zaman moden ini keperluan kewangan tidak

diperlu untuk memberi keberkesanan kepada sebarang perancangan yang hendak dibuat.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian, selaraskan dengan kementerian ataupun badan-badan bukan kerajaan, badan-badan sukarela ini supaya peruntukan yang berpatutan sewajarnya diberi untuk memastikan jawatankuasa ataupun badan yang boleh memberi khidmat kaunseling kepada masyarakat yang memerlukan kaunseling ini mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan yang agak terhad ini untuk menyentuh dan menyatakan kesal memang ada badan-badan atau mereka yang bersikap sebagai perunding ataupun kaunselor tetapi mengambil kesempatan di atas keadaan tertentu di kalangan gadis dengan berselindungi di sebalik penasihat dan mengambil kesempatan dari segi seksual dan sebagainya dan perkara ini perlu diteliti untuk memastikan ianya tidak berlaku lagi. Walaupun telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentang sikap sumbang dan sebagainya yang boleh dicegah tetapi perkara ini perlu diawasi dengan bersungguh-sungguh supaya ianya tidak menjadi pihak yang berkenaan mengambil kesempatan ke atas mereka yang kadang-kadang terdesak untuk mengadu hal tentang masalah peribadi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan pergi lebih dari itu kerana barangkali beberapa orang kawan lagi mahu bercakap di atas kesempatan,

sekadar turut memberi sumbangan mengatakan tahniah kepada pihak kementerian dan kerajaan yang semakin prihatin kepada masyarakat dan soal Rang Undang-undang Kaunselor ini dapat dimanfaatkan demi faedah masyarakat kita yang sedang berkembang maju ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

6.46 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Kaunselor 1997 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi,.

Sebenarnya cerita ini adalah cerita kemajuan negara kita. Sekarang ini kita lihat bahawa bukan sahaja di pusat-pusat pengajian tinggi, bahkan di sekolah rendah sudah ada guru kaunseling dan baru-baru ini saya terdengar bahawa imam-imam pun di negeri Johor telah diberi peranan sebagai kaunselor dan sudah sampai masanya kita kira kita mempunyai rang undang-undang untuk mengawal kaunselor ini.

Sebenarnya pada masa dahulu, institusi keluarga kita agak kecil, sesuatu yang berlaku dalam keluarga kita selalunya kita merujuk kepada datuk, nenek, mak long, pak ngah tetapi oleh kerana sistem keluarga kita telah berubah, ramai anak-anak kita sudah merantau jauh meninggalkan kita dan begitu juga dengan masyarakat kita sudah pun menjadi masyarakat majmuk, bandar-bandar sudah

berkembang, oleh itu banyak masalah perlu mendapatkan perhatian dari sudut yang lebih profesional lagi.

Dengan adanya akta atau Rang Undang-undang Kaunselor ini, satu perkara yang perlu juga kita dengar tadi selain daripada orang yang meminta kaunseling dijadikan mangsa, harus juga kita ambil perhatian, kadang-kadang yang memberi kaunseling juga menjadi mangsa kerana pernah kita terlibat misalnya di sekolah-sekolah menengah, guru yang memberi kaunseling itu adalah guru yang muda, sedangkan yang diberi kaunseling murid-murid lelaki yang agak remaja.

Jadi, keadaan ini harus juga kita ambil perhatian dan kita berharap juga bahawa bidang kaunseling ini akan diperluaskan moga ianya dapat dimanfaatkan oleh setiap masyarakat kita hatta di kampung-kampung dan di desa-desa kerana bantuan psikologi ini sekarang ini sangat-sangat kita harapkan kerana selain dari itu kita sudah pun mengambil langkah-langkah hukuman yang berbentuk punitive ini kita sudah mula kurang sebab masyarakat kita sudah lebih berpelajaran dan oleh itu saya rasa undang-undang ini kena pada waktunya diperkenalkan.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Kaunselor 1997 yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

6.50 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berbahas atas Rang Undang-undang Kaunselor 1997.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah membentangkan rang undang-undang ini. Berdasarkan perkembangan negara kita di mana proses industrialisasi, urbanisasi dan modenisasi diberi keutamaan, majoriti rakyat kita mengambil bahagian dalam sektor moden dari sektor tradisional. Pergerakan ini daripada sektor tradisional kepada sektor moden memerlukan perubahan dalam orientasi nilai, sikap dan ekspektasi rakyat. Oleh kerana masyarakat kita sudah moden dan kompleks, kadang-kadang seseorang individu tidak boleh mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka dalam kehidupan seharian di bandar-bandar. Sebahagian golongan mengalami conflict dalam orientasi nilai yang mempengaruhi kelakuan mereka khususnya di kalangan remaja. Beberapa penyelidikan telah menunjukkan bahawa beberapa masalah sosial seperti lepak dan penyalahgunaan dadah adalah akibat daripada apa yang kita katakan stresses dan strain of urban living, dengan izin. Ada juga beberapa teori mengenai masalah sosial yang dihadapi oleh negara kita.

Rang undang-undang ini adalah wajar pada masa kini oleh kerana kaunselor-kaunselor boleh memainkan peranan yang penting untuk mengurangkan masalah sosial khususnya di kalangan belia. Rang undang-undang ini juga akan mempertingkatkan profesionalisme golongan kaunselor.

Fasal 11 merujuk kepada penubuhan Lembaga Kaunselor dan ini akan memberi peluang kepada sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan dan juga institusi-institusi di sektor swasta seperti kilang-kilang yang boleh menggunakan perkhidmatan kaunselor-kaunselor ini yang telah diiktirafkan oleh Lembaga.

Perkhidmatan kaunselor ini saya harap akan meninggikan produktiviti dan mengurangkan gejala-gejala sosial seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan akan mengurangkan keciciran di sekolah-sekolah dan ketidakhadiran ataupun absentism di kilang-kilang. Kaunseling adalah satu bidang pengkhususan, oleh kerana itu kaunselor-kaunselor harus mendapat latihan yang khusus dan profesional. Oleh sebab itu, saya berasa keliru sedikit mengenai kelayakan yang boleh didaftarkan daripada institusi-institusi seperti berikut dalam Jadual Kedua iaitu pada muka surat 33 dan 34. Mengikut senarai itu hanya kelayakan ijazah dan pengkhususan dalam bidang bimbingan dan kaunseling boleh diterima, tetapi ada beberapa ijazah yang diiktiraf daripada Universiti Putra Malaysia, Master of Science dan di Universiti Sains Malaysia, Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian, Sarjana Pendidikan dan Doktor Falsafah.

Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, adakah ijazah-ijazah ini merangkumi komponen bimbingan dan kaunseling dan juga psikologi, oleh kerana jika mereka tidak dapat pengkhususan dalam mata pelajaran yang penting ini, mereka tidak boleh menjalankan tugas-tugas mereka dengan efisien.

Dengan itu, saya sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian dan saya ingin menyokong Rang Undang-undang Kaunselor 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jiuin.

6.55 ptg.

Tuan Jiuin bin Jimin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin turut membahas dengan pendek sahaja rang undang-undang ini. Juga saya ingin mengucapkan tahnih kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana sudah tepat pada masanya rang undang-undang yang sedemikian dibentang dan diluluskan di Dewan ini.

Namun demikian, saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu mengikut kelulusan ataupun qualification, dengan izin, yang telah disenaraikan di sini, nampaknya dengan kelulusan yang begini dan dengan perkembangan yang ada sekarang ini di mana permasalahan banyak di seluruh negara dan banyak juga yang berpengalaman untuk mengendalikan kaunseling pada ketika ini tetapi apabila melihat dengan kelulusan ataupun List of Registrable Qualifications ini, nampaknya terlalu restrictive. Adakah dengan adanya rang undang-undang ini kegiatan kaunselor yang tidak ada qualification tetapi berpengalaman berpuluh-puluh tahun dalam mengendalikan tugas-tugas kaunseling akan terus diberhentikan ataupun tidak diiktiraf lagi sumbangan mereka.

Contohnya, dalam keadaan masyarakat kita ataupun penduduk kita yang makin lama makin bertambah dan sudah tentu masalah pun makin lama makin

bertambah, tidakkah kita memikir di mana kita memerlukan kaunselor-kaunselor yang bukan sahaja berkelulusan tetapi juga yang berpengalaman dari segi bidang ini dan juga di pihak kumpulan yang tertentu.

Saya menyatakan ini daripada pengalaman kerana saya juga waktu bekerja dalam syarikat sebagai Pengurus Sumber Manusia telah berkecimpung dengan aktiviti kaunseling ini selama beberapa tahun, tidak kurang daripada lima tahun dan mempunyai pengalaman yang saya rasa luas dan sesuai untuk diguna dalam kaunseling, tetapi dengan kelulusan ataupun qualification yang telah disenaraikan, maka saya rasa terus tidak mampu ataupun tidak boleh berkecimpung dalam kegiatan ini lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengambil perhatian tentang perkara ini, mungkin kalau pun pemerhati kaunselor yang tidak bertauliah ini oleh kerana dengan pengalaman mereka yang bertahun-tahun itu mungkin mereka juga diiktiraf tetapi memberikan kelas-kelas misalnya seperti referee pemain bola, ada kelas satu, kelas dua, kelas tiga. Jadi, orang yang berpengalaman juga dapat turut membantu kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan di negara ini.

Jadi, itulah sahaja yang ingin saya sentuhkan mengenai perkara ini agar dengan penerangan itu dan juga yang akan dapat diambil perhatian oleh kementerian yang berkenaan agar mereka yang berpengalaman dan ingin berkecimpung dalam perkara ini dapat juga turut sama menyumbang

keberkesanan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid.

7.00 mlm.

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Kaunselor 1997 ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang dapat merangka dan menggubal undang-undang ini dari masa ke semasa bagi memantapkan lagi undang-undang tersebut sesuai dengan keadaan kegawatan belia-belia dan remaja-remaja kita yang makin sehari makin ramai dan mengatasi masalah-masalah gejala sosial di negara kita yang begitu serius sekalipun banyak kementerian membantu badan-badan sukarela tetapi keadaannya belum begitu reda yang mana kita ketahui berhubung dengan gejala-gejala sosial yang berlaku di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin mengemukakan pandangan mengenai perlantikan untuk menjadi kaunselor ini supaya pemimpin-pemimpin keagamaan, orang yang mempunyai kefahaman agama juga diambil kira, tidak sahaja bergantung kepada kebijaksanaan orang yang berkelulusan tinggi sahaja. Maksud saya, bukan sahaja untuk orang yang beragama Islam tetapi kesemua agama, sama ada Buddhist ataupun Kristian kerana orang yang berpengalaman menjadi pegangan ketua agama itu biasanya mereka itu mempunyai kefahaman yang baik, kefahaman dari dalaman yang boleh mengatasi masalah, bukan sahaja keduniaan tetapi akhiratnya.

Lagi satu dalam pemilihan ini, saya juga suka menegaskan, saya selalu sebutkan di sini bahawa bukan sahaja memilih pada orang yang pandai tetapi kita hendaklah juga memilih kepada orang yang elok keadaannya, yang mempunyai diplomasi yang boleh menyampaikan sesuatu bila mana dia memberikan kaunseling itu kepada mereka. Pantunnya saya sudah sebut dahulu:

Pilih-pilih tempat bermandi,

Pertama teluk kedua pantai;

Pilih-pilih tempat menjadi,

Pertama elok kedua pandai.

Jadi, yang elok pilih dahulu, yang pandai itu pilihan kedua. Kalau boleh, kedua-duanya kita mahu sebab dia kata, 'pilih-pilih tempat bermandi, pertama teluk....' - teluk itu tempatnya tenang, angin pun tidak begitu keadaannya. Pilihan kedua baru pantai dan dia kata, 'pilih-pilih tempat menjadi, pertama elok.....' - elok keadaannya, perangnya, tingkah lakunya, diplomasinya. Kalau kita pilih yang pandai sahaja, belum tentu lagi boleh mengatasi. Orang kampung kata pandai itu boleh pergi 'pandir' [Ketawa] ataupun dia boleh menipu dengan keadaannya, berbagai-bagai boleh berlaku. Jadi, kedua-dua itu yang mesti diambil kira.

Jadi saya mengharapkan supaya pemilihan ini sebagaimana rakan-rakan saya kata tadi tidak sahaja kita memilih orang yang mempunyai ijazah sahaja tetapi yang mempunyai pengalaman, idea-idea yang boleh membawa keadaan semasa, boleh mencontohi keadaan, boleh menarik kepada mereka, boleh mengubah sikap mereka. Ini penting. Macam kita berjual beli, bukan sahaja kerana barang banyak, ada modal boleh berniaga, tidak boleh juga, tetapi cara penyampaian yang menarik sesuatu itu supaya orang mudah menerima keadaan, tidak menjadi kebosanan kepada mereka. Bukan tidak boleh, semua perkara dalam dunia ini boleh diatasi, apa pun masalah kalau kita bijak melaksana, kata orang, insya-Allah, benda itu boleh dilaksanakan.

Jadi sesuai dengan keadaan perubahan dan menggubal serta merangka undang-undang berhubung dengan kaunselor ini, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian tersebut.

Oleh kerana masa saya pun tidak bermaksud hendak bercakap banyak supaya dapat sedikit kawan-kawan lain boleh mengambil bahagian. Saya juga mengingatkan bahawa kita ini tidak ramai, undang-undang ada lagi, tadi kita 'bantai' kepada DAP tetapi kita kena ingat, kita kena tunggu sampai habis pada malam ini, saya minta begitulah. Kalau kita kata orang salah, kita kata orang tidak betul, diri kita mesti kena betul. Minta maaf, mungkin yang ada hal hendak balik, tak tahulah saya. [Ketawa] Saya harap kita bersama-sama dengan kawan-kawan kita yang tidak berapa orang lagi. Jangan besok ada orang kata, kita pandai cakap tetapi kita lain cakap lain dibuat, cakap tak serupa bikin.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

7.03 mlm.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang bertujuan mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan perkara-perkara lain.

Saya bersyukur kerana rang undang-undang ini dibawa dan diluluskan di Dewan yang mulia ini semasa saya berada di sini kerana saya berkata demikian, 10 tahun yang lalu pengalaman dan penglihatan saya pada masa itu kes-kes yang memerlukan kaunseling tidak dapat dibuat kerana tidak ada pengiktirafan yang sewajarnya kepada profesion ini. Pada masa itu alternatif kalau ada kes-kes ini mereka pergi ke bomoh ataupun kepada perubatan secara tradisional. Jadi dengan adanya perkara ini dibawa di sini oleh Yang Berhormat Menteri untuk diluluskan akta ini, saya rasa kita telah mencapai satu tahap yang begitu baik di negara kita.

Dengan itu, saya menyokong. Cuma saya hendak tambahkan sedikit di sini bahawa saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat mengambil kira untuk Lembaga ini mengawal selia aktiviti-aktiviti bomoh-bomoh dan cara kaunseling secara tradisional supaya mereka dapat memberi khidmat yang berguna kepada klien yang memerlukannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

7.05 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sedikit pandangan saya mengenai rang undang-undang ini.

Saya bangun untuk menyokong rang undang-undang ini dan mengalu-alukan rang undang-undang yang memanglah bersesuaian dengan kehendak semasa walaupun Ibnu Khaldun dalam mukadimah juga telah menyarankan perkara yang sama mengenai nasihat-menasihati dalam menyelesaikan masalah.

Saya ingin mengemukakan beberapa pandangan. Pertamanya, ialah mengenai takrif 'kaunselor' itu dan seterusnya ianya mempunyai kaitan kepada kelayakan kaunselor. Saya bersetuju

dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya tadi, Yang Berhormat Tuan Jinuin Jimin, juga Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba bahawa perlulah mempunyai satu takrif yang lebih luas.

Saya perhatikan juga di bawah Fasal 24 ini selain daripada umur, seorang pemastautin tetap, ia juga adalah perlu orang yang layak dan sesuai didaftarkan sebagai kaunselor yang mungkin boleh digunakan oleh pihak kementerian dalam mentafsirkan Fasal 24 itu untuk memperluaskan lagi makna kaunselor selain daripada kelayakan yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua, sebab seperti kita sedia faham kaunseling ini adalah satu bidang yang kompleks dan ianya juga akan meliputi pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza-beza latar belakang environment dan jenis-jenis kaunselornya juga akan berbeza.

Saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang peer group counseling, dengan izin, bagaimanakah kita perlu memberi pengiktirafan kerana kita tahu bahawa remaja-remaja adalah merupakan peratusan yang begitu tinggi dalam masalah sosial. Dan mereka juga walaupun tidak mempunyai masalah, merupakan peratusan yang paling tinggi yang memerlukan kaunseling dan peer group counseling, dengan izin, pada hemat saya akan menjadi satu kumpulan yang akan menjadi amat berkesan dan akan amat diperlukan.

Yang keduanya, ialah tentang pembatalan seseorang yang telah diberi takrif sebagai kaunselor. Saya dapati bahawa ianya perlulah - mungkin dia ada kematian dan sebagainya tetapi kita tidak dapat lihat bahawa ia telah melakukan kesalahan ataupun perkara-perkara lain daripada apa yang disebut di bawah Fasal 20(a), (b) dan (c). Mungkin di sini perlu juga kita lihat, mungkin saya tidak dapat mengamatinya dengan lebih teliti tetapi daripada apa yang saya lihat pada masa membaca bil ini ianya tidak memberi peruntukan ianya seorang pendaftar yang boleh dibatalkan kerana salah laku dan sebagainya, mungkin ianya terletak di bawah tata tertib.

Saya juga ingin menarik pihak kementerian tentang kawal selia kepada kaunselor-kaunselor ini, mungkin dari segi tata tertib, bagaimanakah mekanisme yang akan digunakan kerana ianya begitu luas.

Satu persoalan besar yang ingin saya timbulkan ialah kaunselor ini kalau dilihat daripada takrif yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini ialah mereka yang hanya berdaftar dan diberi pengiktirafan mengikut rang undang-undang ini. Jika seorang itu juga memberi kaunseling, contohnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah tadi, kalau ianya seorang kaunselor tradisional, mungkin bomoh, apakah kalau dia melakukan kesalahan dalam kaunselingnya ia akan lepas atau tidak akan dikenakan sebarang hukuman? Dari segi etikanya juga mungkin dikatakan di sini oleh Yang Berhormat Menteri akan digubal. Diharapkan dalam penggubalan etika ini perkara-perkara yang ramai kita menyebutkan tadi bahawa ianya perlulah lebih luas dan tidak 'restrictive', dengan izin, sepertimana yang telah diperuntukkan dalam rang undang-undang ini.

Lagi satu perkara ialah tentang fees atau yuran. Ini juga adalah satu perkara yang menarik, bagaimanakah kita sebenarnya hendak meletakkan fees kepada mereka yang memberi nasihat kaunseling. Adakah ianya dilihat sebagai profesional setaraf sebagai seorang doktor ataupun sebagai seorang psychiatrist dan bagaimanakah jikalau kita dapati bahawa mungkin dalam masyarakat kita sekarang ini dia tidak dapat melihat bahawa khidmat memberi nasihat itu sebagai satu yang ianya boleh dikenakan fee dan bagaimanakah dalam keadaan-keadaan, contohnya murid-murid atau remaja-remaja, bagaimanakah pula mereka akan dikenakan? Adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan pelbagai kategori sebagaimana hospital mungkin mengadakan wad-wad ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang dikhususkan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya juga ingin menekankan tentang kawal selia yang begitu penting terutamanya dalam penggubalan peraturan amalan agar sebenarnya pihak kementerian dapat memberi kawal selia yang berkesan kerana kita tahu dengan adanya rang undang-undang ini, dengan adanya satu pengiktirafan kepada satu profesion kaunselor ini, kita hendak seperti kata Yang Berhormat Menteri dalam ucapan awal tadi ialah sebagai deterrent, dengan izin, daripada kelakuan, sumbangan dan sebagainya tetapi kita juga tahu bahawa apabila adanya satu pengiktirafan, kita akan dapati pelbagai perkara akan timbul dari satu-satu pengiktirafan profesion itu. Sumbangan itu juga adalah satu perkara yang mungkin akan timbul tetapi juga dari segi profesionalisme yang perlu kita pastikan wujud juga adalah sangat penting. Justeru itu, etika dan juga peraturan amalan itu perlulah merupakan etika

dan amalan yang benar-benar pragmatik dan praktikal yang dapat dilaksanakan dan seterusnya dapat dikawalseliakan untuk matlamat akta ini dapat tercapai apabila ianya dikuatkuasakan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

7.12 mlm.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Kaunselor 1997 ini dan saya bersyukur serta gembira bahawa semuanya mengatakan sudah sampai masanya dan semuanya mengakui akan keperluan-keperluan kita mengadakan Akta Kaunselor ini demi kepentingan ahli-ahli masyarakat kita yang memang memerlukan khidmat kaunseling ini.

Memang kita menyedari bahawa kaunseling ini bukanlah hanya satu bidang, bukanlah hanya satu tahap, bahkan ianya pelbagai bidang dan pelbagai tahap. Oleh yang demikian, menyedari hakikat ini dan seperti saya kata awal tadi memang sudah ada khidmat-khidmat ini dalam pelbagai bentuk diberikan. Untuk menentukan bahawa mereka yang memerlukan khidmat kaunseling ini tidak teraniaya, maka kita mengadakan akta ini. Kita sama-sama menyedari, sama-sama mengakui bahawa keperluan ini memang ada di mana-mana juga, bukan hanya di bandar bahkan juga di luar-luar bandar di kalangan remaja, di kalangan orang dewasa, di kalangan kumpulan-kumpulan tertentu, keperluan ini tetap ada.

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin tadi telah mengatakan mengenai peranan NGO. Memang di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kita ada lebih 600 NGO yang menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan bagi kumpulan-kumpulan sasar kementerian dan banyak juga di antara mereka yang melaksanakan khidmat-khidmat kaunseling. Ada di antaranya memang yang berkelayakan tetapi ada di antaranya juga hanya para kaunselor. Namun begitu, dalam keadaan hari ini kita juga menggalakkan supaya pemimpin-pemimpin NGO ini menjadi para kaunselor dengan kita berikan mereka latihan-latihan walaupun agaknya mereka tidak boleh mengakui diri mereka sebagai kaunselor, namun mereka juga memberikan kaunseling-kaunseling ini.

Kita di kementerian juga menyediakan kaunselor-kaunselor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga dan mereka ini adalah kaunselor-kaunselor yang berkelayakan sungguhpun mereka belum lagi didaftarkan sebab Lembaga Kaunselor belum lagi wujud, memang kita menyedarinya.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar Gurrohu tadi menyatakan bahawa di institusi pengajian tinggi dan sekolah rendah semuanya ada kaunseling. Memang inilah hasrat kita. Di sekolah-sekolah memang sudah diadakan guru-guru kaunselor tetapi belum mencukupi. Setakat ini kita hanya ada lebih 1,400 guru kaunselor pada hal yang diperlukan kalau hendak mengikut sekolah, agaknya 8,000 buah sekolah yang ada, tetapi inilah usaha kita. Kita lihat juga bahawa begitu ramai yang berminat sekarang, bertambah-tambah sudah berminat. Setakat mereka yang mempunyai kelayakan daripada universiti-universiti tempatan, sudah ada lebih kurang 1,000 orang. Kita yakin bahawa ramai lagi yang akan melayakkan diri sebagai kaunselor profesional yang boleh kita daftarkan dan dengan itu nanti kita akan dapat memberikan khidmat yang sempurna dan yang terjamin.

Kita memang menyedari bahawa walaupun ada undang-undang, kadang-kadang pelaksanaan undang-undang itu dengan hukuman-hukuman atau yang dikatakan cara punitive, memang tidak dapat digunakan sepanjang masa. Oleh kerana itu, kita perlu memberikan khidmat, salah satu daripada pendekatannya ialah kaunseling supaya mereka ini memerlukan pertolongan, bukan hukuman-hukuman. Kalau mereka bermasalah psychological, kita masukkan ke penjara pun tidak selesai. Bila dia keluar balik besok, itu juga masalahnya. Jadi, usaha kita ini sebenarnya adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan ini di mana tadi Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu juga mengatakan bahawa dengan industrialisasi, modenisasi, semua orang kadang-kadang tidak boleh menyesuaikan diri dalam kehidupan mereka, ada conflict, ada stress, strain dan sebagainya. Memang kumpulan-kumpulan inilah yang perlu kita tolong dan kita bantu.

Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu tadi juga menyentuh mengenai kelayakan. Sebenarnya dalam Jadual Kedua ini walaupun di situ ada dikatakan Master Sains, Sarjana Pendidikan, tetapi isi kandungannya itu memang sudah ada bidang Kaunseling dan Bimbingan dan Jawatankuasa Kurikulum telah memeriksa semua kursus yang dicatatkan di sini dan didapati bahawa kandungan

kursus ini memenuhi dan mencukupi untuk melayakkan seseorang itu menjadi kaunselor yang berke Layakan.

Di samping itu, tadi ramai juga yang menyebut mengenai pengalaman. Kita sebenarnya tidak menolak pengalaman sebagai sebahagian daripada kelayakan. Kadang-kadang kalau dia terlalu fresh pun dengan ijazah-ijazah, pengalaman tidak ada, mungkin kurang berkesan. Kita mengakui pengalaman itu.

Dalam Fasal 24(2) ada dinyatakan di situ bahawa 'kelayakan-kelayakan lain' dan kita boleh meminda Jadual Kedua ini dengan menambah kelayakan-kelayakan lain. Semasa kita menggubal rang undang-undang ini, kita cuba juga mendapatkan senarai kursus-kursus yang memenuhi keperluan kelayakan sebagai kaunselor ini dari luar negara tetapi kita tidak mendapat respons dari banyak institusi pengajian tinggi, oleh kerana itu kita muatkan buat sementara ini institusi pengajian tinggi dalam negara kita sahaja. Tetapi seperti yang kita sama-sama tahu, iaitu dalam jawatankuasa ini juga Jabatan Perkhidmatan Awam ada wakil, di negara kita dalam kelayakan untuk satu-satu jawatan yang diiklankan juga biasanya kita taruh iaitu kelulusan-kelulusan yang setaraf dengannya, yang bersamaan dengannya, dengan kelulusan yang dicatatkan dalam iklan itu dan ini memberikan ruang dan peluang kepada orang-orang yang tidak berkelulusan universiti tempatan misalnya, tetapi berkelulusan dari luar negara dan kadang-kadang kita letak juga bahawa diploma sahaja dengan ditambahkan oleh pengalaman beberapa tahun. Jadi, ini memang amalan biasa kita dan ini kita akan laksanakan dan kita akan amalkan.

Di sini dicatatkan juga bahawa kalau Lembaga menemu duga orang yang hendak mendaftar itu dan dia merasa puas hati, cukup pengalamannya, cukup kelayakannya, akan didaftarkan. Ini tidak menjadi masalah kerana memang ada peruntukan yang kita boleh laksanakan sedemikian.

Rasa saya, saya sudah menjawab beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai kelayakan dan Jadual Kedua serta kursus-kursus yang kita paparkan di situ.

Mengenai mereka yang menjalankan kerja-kerja kaunseling melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela, sebenarnya ada orang menimbulkan isu bahawa ada perbadanan-perbadanan diwujudkan sebagai perbadana kaunseling yang kalau mengikut akta ini mungkin dia tidak layak untuk didaftarkan sebagai perbadanan kaunseling, tetapi kalau mereka menjalankan khidmat kaunseling dengan

menggunakan kaunselor-kaunselor yang berkeelayakan dan yang berdaftar, ianya tidak menjadi masalah. Cuma dia tidak boleh panggil pertubuhannya itu sebagai perbadanan kaunseling. Jadi, ianya masih membolehkan. Begitu juga pertubuhan-pertubuhan sukarela yang lain yang memberikan khidmat-khidmat kaunseling, kalau dijalankan oleh mereka yang berkeelayakan tadi, ianya juga tidak menjadi masalah.

Ada juga tadi yang menyebut bahawa kita perlu memberikan peruntukan untuk badan-badan bukan kerajaan ini melaksanakan khidmat-khidmat kaunseling. Sebenarnya memang sudah ada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mewujudkan 'drop-in service', 'friendly hotline' dan macam-macam lagi. Jadi, orang yang menjawab ini atau jawapan-jawapan yang diberikan adalah dilaksanakan oleh mereka yang berkelulusan dan berkeelayakan dan kita anggap mereka itu wajar memberikan khidmat-khidmat tersebut.

Mengenai geran untuk badan-badan bukan kerajaan, tahun 1997 ini kita telah pun mengagih-agihkan sebanyak RM12 juta di bawah program-program khas kemantapan keluarga. Di bawah program khas kemantapan keluarga, kita telah mengeluarkan sebanyak RM2 juta supaya program-program yang boleh membantu ahli-ahli keluarga yang bermasalah ini dapat dilaksanakan dan di antaranya adalah program kaunseling.

Mengenai kaunselor digredkan, ini rasa saya adalah apabila mereka ini mendaftarkan diri mereka nanti, Lembaga Kaunselor boleh menimbangkan yang mana hendak dijadikan gred satu, gred dua atau gred tiga. Kita sekarang ini sedang memproses juga jadual fee. Seperti Yang Berhormat Senator Puan Kamalia Ibrahim kata tadi itu mungkin tidak semua orang boleh bayar dan sekarang ini pun tanggapan orang khidmat kaunseling ini memang percuma (free), tidak perlu dibayar apa-apa. Rasa saya yang tidak perlu dibayar itu masih juga kita jalankan, misalnya Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan klien-kliennya, dia tidak ada caj apa-apa fee. Itu tugas dan tanggungjawab dia menjalankan usaha-usaha ini. Begitu juga kalau dilaksanakan oleh badan-badan sukarela, memang mereka tidak ada caj apa-apa fee. Ini yang profesional-profesional, yang membuka klinik-klinik macam semua klinik doktor perubatan itulah yang akan caj fee. Walau bagaimanapun, ini akan dibincangkan oleh

jawatankuasa yang berkenaan dan etika, aturan-peraturan, semuanya sedang dalam proses digubal untuk membantu pelaksanaan undang-undang ini.

Memandangkan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin tadi ada menyebut mengenai mungkin ada kaunselor yang ambil kesempatan mendapatkan sexual service pula daripada klien. Ini memang ada terjadi. Jadi, pengalaman saya selama hampir tiga tahun di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, saya telah menemui pelbagai bentuk jenis kes dan masalah. Rasa saya apa sahaja mungkin berlaku, itu sebabnya kita seboleh-bolehnya cuba mengadakan undang-undang untuk mengawal selia, mengawas dan apa Yang Berhormat Senator Puan Kamalia cadangkan tadi itu memang tepat sekali. Perkara-perkara ini kita perlu detailkan. Jadi, di dalam aturan-peraturan kita inilah yang akan kita laksanakan untuk menentukan bahawa tidak ada orang-orang yang salah, yang terkeluar pula daripada undang-undang ini.

Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba juga ada menyatakan mengenai orang-orang yang mempunyai pengetahuan agama. Sebenarnya pemimpin-pemimpin agama, tidak kira agama apa, rasa saya patut melayakkan diri mereka. Pengetahuan agama sahaja rasa saya tidak cukup baginya untuk menjadi kaunselor, dia boleh beri nasihat, tetapi bukan kaunseling, sebab elemen kaunseling ini ada psychological dari segi mental dan sebagainya, maka perlulah mereka ini meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, melengkapkan diri mereka supaya mereka benar-benar boleh diiktiraf dan didaftarkan sebagai kaunselor, memang baik. Yang kata tadi, 'pilih-pilih tempat mandi, pertama teluk, kedua pantai' itu memang betul. Tidak guna kalau orang itu bijak pandai, tetapi kelakuannya tidak baik. Kita serahkan tanggungjawab kepada dia, habis, hancur dibuatnya, hendak buat apa? Jadi, memang betul. Dan inilah usaha kita untuk meregularisasikan supaya perkara-perkara keburukan yang kita tahu sudah ada terjadi, yang boleh terus terjadi tidak akan terjadi dan dapat kita kawal.

Sepertimana Yang Berhormat Senator Puan Kamalia menyatakan tadi mengenai takrif kaunselor, mungkin takrif kaunselor ini kalau ada besok meluas pula konsep dia itu mungkin kita tambah, kita buat pindaan kepada undang-undang. Undang-undang biasanya yang pertama itu selalunya

tidak lengkap. Bila sudah digunakan untuk satu masa ke satu masa kadang-kadang kita dapati dia tidak mencukupi, kita perlu membuat tambahan, membuat pindaan, itu bila-bila boleh kita buat.

Perkara-perkara lain dan isu-isu lain yang disebutkan tadi, iaitu peer group counselling. Saya rasa peer group counselling ini pun mesti ada kaunselor yang berkeelayakan, supervise bersama. Kita tidak boleh benarkan dia sesama dia. Kita tahulah kejadian-kejadian, kes-kes di mana mereka sesama mereka nasihat-menasihati bertambah buruk jadinya. Jadi, memang peer counselling ini adalah sesi-sesi kaunseling yang diawasi oleh kaunselor yang berkeelayakan dan selepas ini nanti adalah yang juga berdaftar.

Pengamal-pengamal dalam kesihatan misalnya, doktor atau psychiatry, memang kita setuju dalam kerja-kerja mereka ini kadang-kadang mereka ada juga membuat kaunseling. Jadi, mereka ini tidak tertakluk pula kepada pendaftaran oleh Lembaga Kaunselor kerana dalam profesion mereka, mereka memang sudah didaftar di bawah Kementerian Kesihatan dan ada kod etikanya, ada aturan-peraturannya yang mesti mereka ikuti. Ini kita telah bincangkan dengan Kementerian Kesihatan dan mereka telah meminta supaya the medical professional ini kita keluarkan daripada akta ini, mereka tidak tertakluk kepada akta ini.

Macam bomoh tadi itu, agak saya kalau kita sudah mengadakan khidmat kaunseling dengan lebih meluas, agaknya tidaklah ramai orang pergi ke bomoh dan pemimpin-pemimpin dalam masyarakat rasa saya bertanggungjawab menasihatkan mereka supaya jangan pergi ke bomoh. Banyak kes yang kita tahu bomoh 'sapu' patientnya semua. Jadi, ini juga adalah satu perkara yang saya rasa kita akan teliti dalam kita membuat peraturan-peraturan supaya bomoh-bomoh ini tidak terlepas. Kita akan kaji pula mana agaknya undang-undang lain yang boleh kita sabitkan kesalahannya itu, kalau di bawah ini, tidak.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin mahu minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan soal bomoh ini, pemimpin-pemimpin dinasihatkan supaya masyarakat tidak menggunakan bomoh sebagai bimbingan ataupun kaunseling. Apakah Yang Berhormat sedar ada pemimpin, bahkan ramai pemimpin yang terlibat dengan jabatan kerajaan, yang dalam suasana tertentu menggunakan bomoh? Apakah ini tidak memberi kesan ataupun bagaimana cara untuk menasihati pemimpin ini sendiri supaya tidak menggunakan bomoh?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Pemimpin itu termasuklah kita semua. Kita nasihatlah diri kita sendiri supaya jangan menggunakan bomoh. Rasa saya kumpulan-kumpulan kita inilah yang banyak dalam keadaan tertentu yang mencari bomoh. Kita telah ada bukti juga mereka menjadi mangsa bomoh. Janganlah ianya berulang di mana-mana juga dan jangan berlaku kepada sesiapa sahaja.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahaiah binti Baheran tadi ada menyebut kisah bomoh ini. Rasa saya hampir semua isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sudahpun saya sentuh, sekiranya ada lagi tertinggal saya memberi jaminan bahawa kita akan meneliti semua isu atau

perkara ini dan menentukan bahawa tidak ada mana-mana loophole. Kalau kita dapati ada loophole di mana-mana, kita boleh membuat pindaan-pindaan untuk memperkukuhkan lagi akta ini.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menyokong Akta Kaunselor 1997 ini, mudah-mudahan kita akan dapat bersama-sama menentukan pelaksanaannya berkesan dan menjamin kesejahteraan dan keselamatan klien-klien, ahli-ahli masyarakat yang memerlukan khidmat kaunseling.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.35 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 bagi bacaan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perkapalan Saudagar 1952. Malaysia kini sedang berada di dalam era pembangunan yang amat pesat. Sehubungan dengan itu pembangunan yang tidak kurang pesatnya juga dilihat di dalam industri maritim negara. Aktiviti-aktiviti pelabuhan yang terus meningkat ekoran pertambahan di dalam bilangan kapal-kapal yang singgah dan jumlah kargo-kargo yang dikendalikan adalah testimoni kepada perkembangan tersebut.

Kemajuan industri maritim negara juga dapat dilihat di dalam pertambahan pertahanan angkatan perkapalan dagang Malaysia dan juga pelaburan di dalam infrastruktur pelabuhan bagi menampung perdagangan yang bertambah dari tahun ke setahun. Dalam hubungan ini dan sejajar dengan hasrat menarik pelaburan asing ke Malaysia, meningkatkan kapasiti kapal-kapal daftaran Malaysia bagi menampung keperluan pengangkutan dagangan

negara; membangunkan industri maritim secara amnya dan di atas sebab syarikat-syarikat perkapalan asing bersedia memindahkan operasi syarikat dan perkapalan mereka ke Malaysia dengan syarat pegangan saham mereka yang akan ditubuhkan di Malaysia kekal di tangan mereka, maka dicadang ditubuhkan satu pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia sebagai tambahan kepada pendaftaran kapal sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan pendaftaran kapal antarabangsa ini adalah satu cara bagi memenuhi keperluan syarikat perkapalan asing untuk mendaftar kapal di Malaysia, tetapi masih mengekalkan majoriti pegangan saham syarikat mereka yang mana tidak dibenarkan oleh pendaftaran kapal tradisional Malaysia yang sedia ada.

Di bawah sistem pendaftaran kapal yang sedia ada, majoriti saham perlu berada di tangan syarikat Malaysia, di tangan rakyat Malaysia. Pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini dijangka akan menarik lebih ramai pelabur asing ke Malaysia dan seterusnya membantu mencapai hasrat seperti yang disebutkan di atas.

Secara amnya pindaan kepada Ordinan Perkapalan 1952 yang dicadangkan bertujuan untuk:

- (i) mewujudkan peruntukan baru bagi penubuhan pendaftaran kapal antarabangsa;

- (ii) mengemaskan peruntukan Ordinan 1952 berkaitan dengan perlesenan perkapalan dalam negeri;
- (iii) mengemaskan peruntukan berkaitan dengan takrif ‘bot’ di dalam Ordinan 1952; dan
- (iv) mengemaskan peruntukan berkaitan dengan sijil pendaftaran sementara, (provisional certificate of registry), dengan izin, yang dikeluarkan kepada kapal-kapal.

Peruntukan-peruntukan utama yang terdapat di dalam Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 adalah seperti berikut:

- (a) Peruntukan penubuhan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia.

Peruntukan bagi mewujudkan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia adalah melalui pewujudan satu bahagian baru iaitu Bahagian IIC di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang merupakan satu sistem pendaftaran kapal yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat perkapalan asing.

Pewujudan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini akan memberi galakan kepada syarikat-syarikat perkapalan asing mendaftarkan kapal-kapal mereka di Malaysia tanpa memenuhi syarat keperluan

majoriti pegangan saham, mesti berada di tangan rakyat Malaysia seperti yang disyaratkan pada ketika ini. Di bawah sistem ini pemegangan ekuiti dibolehkan sehingga 100% berada di tangan rakyat asing.

Namun demikian, kelonggaran ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat yang mana lazim dikenakan bagi pendaftaran kapal antarabangsa sepertimana yang diamalkan di negara-negara lain. Syarat-syarat yang dikenakan adalah untuk menentukan pertumbuhan positif pendaftaran kapal antarabangsa negara yang turut mengambil kira keperluan-keperluan keselamatan, pencegahan pencemaran serta kehendak-kehendak instrumen dan konvensyen antarabangsa. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Syarikat perkapalan berkenaan hendaklah melantik seorang pengurus kapal (ship manager), dengan izin, yang hendaklah merupakan seorang rakyat Malaysia atau sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia.
- (b) Syarikat perkapalan berkenaan hendaklah mempunyai modal berbayar minimum 10%

daripada harga kapal yang pertama didaftarkan atau RM1 juta yang mana yang lebih tinggi.

- (c) Kapal yang didaftarkan adalah kapal yang termasuk dalam kategori berikut:
- (i) mempunyai sistem penggerak mekanikal (mechanical propulsion), dengan izin;
 - (ii) tidak kurang daripada 1,600 tan kasar;
 - (iii) berumur tidak lebih daripada 15 tahun bagi kapal-kapal tangki serta pukal dan tidak lebih daripada 20 tahun bagi kapal-kapal lain. Menteri Pengangkutan walau bagaimanapun mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana kapal daripada syarat yang disebutkan sebentar tadi;
 - (iv) kapal-kapal yang didaftarkan di bawah pendaftaran ini turut

dikenakan yuran tahunan sebanyak 30 sen Malaysia bagi setiap tan kasar;

(v) dengan terwujudnya pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini, angkatan perkapalan Malaysia dijangka akan bertambah bagi menampung permintaan pengangkutan perdagangan Malaysia. Ini juga dapat menyumbangkan kepada pembangunan dan kemajuan aktiviti perkhidmatan maritim sampingan (maritime ancillary services), dengan izin bagi menyokong industri perkapalan negara dan seterusnya membawa industri perkapalan negara ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

(b) Peruntukan pelesenan perkapalan dalam negeri.

Satu Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 mencadang memasukkan perkhidmatan (services), dengan izin, sebagai satu aktiviti perkapalan

dalam negeri (domestic shipping), dengan izin, dengan meminda takrif di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang sedia ada.

Pada ketika ini takrif tersebut hanya merujuk kepada pengangkutan barangan dan penumpang sahaja. Ini bermakna bahawa aktiviti perkhidmatan yang ditawarkan oleh kapal-kapal di dalam perairan wilayah Malaysia dan zon ekonomi eksklusif. Ini menjadi satu aktiviti perkapalan dalam negeri dan dengan itu perlu mempunyai lesen perkapalan dalam negeri.

Pindaan ini turut bermakna bahawa kapal-kapal yang didaftarkan di bawah Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia yang diwujudkan di bawah Bahagian IIC dibolehkan menjalankan aktiviti perkapalan dalam negeri setelah dilesenkan termasuk aktiviti perkhidmatan. Ini merupakan satu pembukaan aktiviti perkhidmatan pada kapal-kapal di dalam jenis Bahagian IIC berkenaan. Contoh aktiviti perkhidmatan ialah pengukuran seismic, pemasangan kabel dasar laut, pembekalan minyak, penggerudian, perkhidmatan bas untuk pelantar minyak dan sebagainya.

Pindaan ini juga dilakukan di atas dasar bahawa aktiviti perkhidmatan pada masa ini tidak dikawal sebagai satu aktiviti oleh perkapalan dalam negeri. Oleh itu

banyak kapal asing bebas menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut tanpa keperluan lesen perkapalan dalam negeri. Pindaan ini akan membolehkan Lembaga Pelesenan Perkapalan dalam negeri mengawal aktiviti ini melalui pengeluaran lesen.

(c) Peruntukan mengemaskan takrif “bot”.

Satu peruntukan berhubung dengan pelesenan bot di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 pada masa sekarang adalah bagi bot-bot di bawah 500 tan yang terlibat dalam perdagangan atau perniagaan sahaja. Peruntukan ini didapati tidak mencukupi memandangkan terdapat banyak lagi aktiviti-aktiviti lain yang wajar turut dikawal dengan cara pengeluaran lesen yang mana akan menyumbang kepada tahap keselamatan pelayaran.

Oleh itu, pindaan yang dicadangkan adalah bagi tujuan memerlukan bot-bot yang terlibat dalam aktiviti riadah atau rekreasi turut dilesenkan. Pindaan tersebut juga akan membolehkan pelaksanaan sistem pelesenan bot yang lebih menyeluruh, yang merangkumi bot-bot perdagangan persendirian, rekreasi atau riadah.

- (d) Peruntukan berhubung dengan Sijil Pendaftaran Sementara (Provisional Certificate of Registry).

Pindaan yang dicadangkan mengenai perkara ini adalah untuk mengemaskan peruntukan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, berkaitan dengan tempoh sah laku Sijil Pendaftaran Sementara (Provisional Certificate of Registry), dengan izin, yang dikeluarkan kepada kapal-kapal yang berhasrat untuk didaftarkan di Malaysia.

Pada ketika ini tempoh sah laku sijil berkenaan tidak mempunyai had tempoh di mana ianya sah sehingga kapal tersebut sampai di mana-mana pelabuhan Malaysia, yang mana mungkin mengambil masa yang lama. Pindaan ini menghadkan tempoh sah laku sijil berkenaan kepada hanya satu tahun sahaja. Ini adalah bersesuaian dengan sijil tersebut yang bersifat sementara dan tidak sewajarnya mempunyai tempoh sah laku tanpa had.

Tindakan menghadkan sah laku sijil tersebut akan turut membolehkan pengawalan ke atas kapal-kapal berkenaan dan mengurangkan salahguna ataupun abuse, dengan izin, terhadap sijil tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997.

Saya ingin turut memaklumkan bahawa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 akan melibatkan perbelanjaan wang bagi mewujudkan sumber untuk melaksanakan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia. Namun demikian, kos yang akan terbabit adalah minimum dan akan jauh dilebihi oleh kebaikan yang akan diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

7.50 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya menyokong Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana kini dapat mengemaskinikan lagi perundangan perkapalan terutama sekali di dalam bab perkapalan antarabangsa. Kita sepatutnya memikirkan perkara ini sudah lama, kerana kita dapati sekarang inipun kebanyakan barang-barang, sungguhpun kita ada kapal-kapal yang berdaftar, tetapi dari segi eksport, kita dapati banyak barang yang dieksport menerusi Tambak Johor dan terus ke negara jiran.

Saya difahamkan pada satu ketika kehilangan dari segi kutipan-kutipan revenue kita meningkat kerana wujudnya aktiviti-aktiviti mengeksport barang-barang kita sebagai, dengan izin, transshipment menerusi Singapura umpamanya. Jadi, kalau sekiranya kita mempunyai satu sistem di mana pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia dapat diwujudkan.

Saya mengharapkanlah eksport kita pada masa akan datang dapat dikeluarkan menerusi infrastruktur-infrastruktur pelabuhan yang begitu hebat, termasuklah di Pelabuhan Kelang misalnya, di mana Tuan Yang di-Pertua pun amat maklum, sekiranya Pelabuhan Kelang kita telah pun diperbesarkan, saya yakin selain daripada pelabuhan-pelabuhan di Kuantan, di Terengganu, di Pulau Pinang, di Sabah dan Sarawak, saya yakin dari segi hasil keluaran kita dapat dieksport menerusi pelabuhan-pelabuhan ini. Yang penting ialah meningkatkan lagi jumlah kapal-kapal yang boleh digunakan untuk tujuan itu,

dengan cara yang demikian, berkemungkinan besar desifit akaun semasa dapat kita kurangkan. Inilah usaha yang saya rasa amat bijak.

Pada masa yang sama saya mengharapkan pihak kerajaan sentiasa berwaspada bagi menentukan kapal-kapal ini, terutama sekali kapal-kapal antarabangsa ini yang hendak berdaftar dengan kita, sepatutnya diawasi dari segi mekanikal operasi (mechanical operation).

Sekarang ini saya bimbang sangat, kalau kita tidak selalu siasat atau tiap-tiap tahun sepatutnya ada tugas-tugas pegawai-pegawai kita untuk menyiasat kedudukan keselamatan kapal ini. Saya tidak nampak disebutkan sebentar tadi adakah proviso ataupun fasal-fasal tertentu yang mengenakan kapal-kapal ini disiasat, diselidik tiap-tiap tahun dari segi keupayaannya supaya ia berjalan dengan lancar dari segi operasinya, kerana saya perhatikan tadi, kapal-kapal ini sehingga ia berumur 15 tahun, 20 tahun.

Saya rasakan kapal yang berumur 15 tahun ini sudah tua dan kalau kita apabila sudah berumur 15 tahun itu kira sudah dewasa. Jadi, kapal yang setua itu sepatutnya memerlukan pegawai-pegawai yang bertauliah menyiasat kedudukan keupayaan ianya dapat diguna dengan penuh ciri-ciri keselamatan.

Kita juga dapat mengambil alih dari segi pendaftaran kapal-kapal antarabangsa ini daripada tempat-tempat yang lazimnya digunakan seperti Panama dan sebagainya. Ini mungkin meningkatkan lagi dari segi kutipan

revenue untuk kerajaan kita, tetapi kapal-kapal yang didaftarkan di sana selalunya mengambil anak-anak kapal (krew).

Saya tengok tadi hanya pengurus sahaja yang perlu menjadi syarikat Malaysia ataupun orang-orang yang mempunyai kerakyatan Malaysia.

Saya juga ingin mengetahui sejauh mana dari segi anak-anak kapal atau krewnya yang terdiri daripada anak-anak Malaysia dan sebagainya kerana ini kita mensyaratkan kapal-kapal yang berdaftar dengan kita menggunakan tenaga-tenaga yang mahir dan berupaya mengendalikan sistem perkapalan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik hati dengan berita-berita yang terbaru di dalam surat-surat khabar baru-baru ini. Kita dapati kapal-kapal berlabuh di antara perairan kita ini, yang mempunyai lesen perjudi atau kasino. Jadi, saya hendak tahu dari pihak kementerian, adakah ini satu riadah dan juga rekreasi kapal-kapal yang menggunakan kawasan perairan kita dan menjadikan kasino terapung. Berapakah jumlah kapal yang mendapat lesen seperti ini, kerana pada hari ini atau semalam, saya sudah lupa, di dalam surat khabar ada mengatakan di sebelah Johor pun ada, kapal yang mendapat lesen sebagai kasino. Adakah pihak kementerian mengawasi perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu kapal kita menjadi pusat kasino yang terapung kerana kita tidak tahu ke mana pula perginya dari segi kutipan hasil perjudian ini. Adakah pihak kerajaan sedar bagaimana banyaknya dari

segi jumlah pendapatan yang secara tidak langsung terkeluar dari arus perdana kutipan revenue negara kita. Jadi, perkara semacam ini kita bimbang.

Saya merasakan pengawasan dari segi kegiatan kapal-kapal di perairan antarabangsa ini sepatutnya kita ada cara-cara hendak merondanya. Kalau mereka menjalankan kegiatan-kegiatan yang melanggar tata susila negara kita, langkah-langkah tertentu patut diambil untuk mendisiplinkan kegiatan-kegiatan ini dan apakah hukumannya kalau mereka melanggar syarat-syarat tersebut? Apakah kapal ini diambil balik, ditarik oleh pihak kerajaan, dikompaun seperti juga kapal-kapal perikanan yang melanggar kawasan perairan kita di mana saya difahamkan banyak kapal semacam ini dirampas, selepas itu anak-anak kapal dan juga tauke-taukenya didenda. Jadi, berapakah denda yang patut dikenakan kepada kapal yang melanggar syarat kegunaan seperti perjudian dan sebagainya. Lebih daripada itu saya tidak tahu apa yang berlaku di atas kapal-kapal ini. Jadi, saya merasakan masanya sudah tiba bagi kita menentukan dana kewangan negara kita ini tidak disalurkan menerusi kasino-kasino yang sekarang ini berlabuh dan menggunakan perairan antarabangsa ataupun di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif yang saya difahamkan lebih kurang 200 batu daripada persisiran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izinlah kalau sekiranya perkara-perkara semacam ini dapat diawasi dan tentu sahaja undang-undang ini memberi faedah kepada kita, mengurangkan eksport menerusi pelabuhan-

pelabuhan asing, kerana kita mencukupi dari segi kapal, cukup dari segi infrastruktur pelabuhan dan dengan izin Allah S.W.T kita juga akan meningkatkan lagi dari segi akaun semasa, di mana sekarang ini defisit mungkin mengakibatkan ekonomi kita terjejas. Jadi, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang dibentangkan sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

7.58 mlm.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun pada malam ini bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997.

Saya tertarik hati dengan ucapan atau perbahasan yang diutarakan oleh sahabat saya Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, kenapakah barang-barang kita disalurkan ke negara Singapura? Ini adalah tepat sekali kerana di Singapura terdapat independent shipping line iaitu kapal yang bebas atau 'merdeka'lah kita kata. Dia tidak tertakluk kepada Persidangan Perkapalan Timur Jauh (Far East Freight Conference), kerana negara Malaysia ini terlalu dikongkong oleh kesatuan-kesatuan perkapalan Timur Jauh ini.

Saya dapati apabila kita mengeksport produk-produk daripada negara kita, katakan kayu dan sebagainya, apabila kita menghantar ke negara Singapura kita boleh mendapat kapal dengan mudah. Pernah beberapa buah

kilang pengeluaran kayu-kayan di negara kita seperti plywood, kayu bergergaji dan sebagainya menunggu di Pelabuhan Kelang selama 15 hari tidak dapat kapal untuk ke negara Jepun, tetapi apabila mengambil barang yang sama pergi ke negeri Johor dan cross, dengan izin, Tambak Johor dapat kapal dengan mudah, kerana di sana terdapat banyak independent shipping line. Tetapi kita ini terlalu terkongkong dan taat setia sangat kepada Far East Freight Conference ini. Jadi, Kerajaan Malaysia harus mengkaji perkara ini dengan lebih teliti. Itulah sebabnya negara kita tertekan dari segi eksport dan faedah-faedah ini kita tidak dapat nikmati, sejauh mana dan sampai bila. Saya tahu Malaysia International Shipping Corporation (MISC) juga ahli dalam Far East Freight ini.

Jadi sampai bila kita terkongkong, kenapa kita tidak wujudkan satu undang-undang perkapalan yang bebas? Ataupun lebih tegas negara kita ASEAN ini telah dianggotai oleh Burma, Laos, Thailand, Brunei, Indonesia, Filipina, Malaysia sendiri, apa salah kita adakan sekretariat perkapalan, 'ASEAN Shipping Secretariat', menguruskan tambang-tambang berapa kita hendak bubuh. Kenapa kita harus akur kepada Far East, Far East sendiri dimiliki oleh orang-orang bukan daripada ASEAN, dikawal oleh negara-negara Europe, kebanyakan ahli-ahlinya terdiri daripada mereka. Begitu juga negara-negara sebelah Timur. ASEAN sudah mantap, mempunyai perkapalan yang cukup untuk negara kita, kenapa kita perlu tunduk? Ini yang kita persoalkan sekarang.

Saya ingin bertanya kepada Dewan yang mulia ini, sampai bilakah negara Malaysia harus tunduk kepada Far East Freight Conference? Ini jelas, kenapa tidak kita wujudkan, kita beri peluang kepada independent shipping line masuk ke negara kita. Ini terjadi dan saya telah mengalami perkara ini dahulu, kita terpaksa tunggu 15 hari. Tak usah dinafikan perkara ini, benda ini berlaku. Kita tunggu kargo kita tersadai di Pelabuhan Kelang 15 hari, bawa kargo yang sama melalui Tambak Johor, masuk

ke Johor baru boleh lepas. Ini persoalan, tanda tanya kenapa. Itu satu perkara yang sahabat saya tadi, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tidak puas hati, memang betul saya menyokong apa yang disarankan oleh beliau.

Mengenai harga tonnage fee 30 sen, saya rasa cukup murah, memang patut. Akan tetapi dendanya tidak patut, dendanya RM50,000 sedikit sangat. Kalau dia buat salah RM50,000, katakanlah kapal itu 100,000 tan tanker, RM50,000 dia boleh lari kalau dia hendak lari. Kadang-kadang tauke-tauke kapal ini pun dajal. Kita tangkap sahaja, dia sapu cat dan tukar nama di tengah-tengah laut. Banyak kita sudah tangkap berapa kali, mereka tukar nama di tengah-tengah laut. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, mereka juga macam penyanyak, penyamun, lebih kurang pirate juga. Jadi, saya ingat tentang denda itu kita pinda. Tambahkan sekali ganda RM100,000 baru layak. RM100,000 pun tidak seberapa, bukan banyak, saya ingat lebih kurang dalam US\$30,000, begitulah lebih kurang.

Jadi, prinsip itu memanglah kerana kita harus bersaing dengan Panama, Honduras dan Liberia. Kerana Panama mengamalkan satu peraturan yang paling baik. Dalam dunia Panama adalah merupakan satu negara yang pertama kali menggunakan sistem perkapalan antarabangsa, pendaftaran yang paling baik, banyak kemudahan yang diberi, tidak ada cukai pendapatan dan sebagainya. Bank-bank saudagar juga menyalurkan apabila berdaftar sahaja di Panama, pinjaman yang lebih mudah dengan interest yang murah, tidak mengikut BLR dan sebagainya. Jadi, kita pelek kenapa kapal di Malaysia didaftar di negara-negara lain. Ini terdapat kerana saya check. Ada owner duduk di Kuching tetapi kapalnya didaftar di Liberia. Ada yang duduk di Pulau Pinang tetapi kapal didaftar di Honduras. Ini persoalannya kenapa berlaku, pemiliknya adalah warganegara Malaysia tetapi kapalnya didaftar di Honduras.

Kita boleh semak dalam pendaftaran kapal di Honduras, siapa pemilik kapal yang kadang-kadang kita boleh nampak dengan perkataan-perkataan ala-Timur, macam 'Bintang Timur', 'Bintang Malaysia', tetapi registered in Honduras, ataupun di bawah ditulis Honduras sahaja ataupun Panama. Pada hal pemilik-pemilik adalah warganegara Malaysia. Di sini kita persoalkan adakah mereka tidak setia kepada negara kita ataupun mereka tidak senang dengan perundangan negara kita. Ini harus kita perjelaskan. Apakala mereka tidak begitu senang, panggil semua pemilik kapal di negara kita

berbincang dengan kementerian apa yang tidak puas hati, meski pun kementerian tidak boleh memberi sewenang-wenangnya untuk memuaskan hati mereka, akan tetapi satu tindakan yang lebih baik kita ambil. Kita dapat pasti bahawa kapal Malaysia ada didaftar di Panama, di Honduras dan di Liberia, pemiliknya adalah orang negara kita.

Saya tidak menuduh pemilik kapal daripada Sarawak dan sebagainya. Tetapi kita boleh lihat kapal-kapal dimiliki oleh tycoon-tycoon di negara kita terdaftar di tiga buah negara ini, paling senang. Tidak usah kita siasat negara-negara lain. Ini sahaja negara, Panama, Honduras dan Liberia. Tiga negara yang paling penting memainkan peranan penting.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana membentangkan rang undang-undang bagi membolehkan pendaftaran yang lebih senang dan lebih longgar sedikit di negara kita. Tentang pemegang sahamnya bukan 100% negara kita memilikinya bagi pemilik-pemilik asalnya, akan tetapi di sini adalah bagi merangsangkan pendapatan negara. Kalau banyak kapal kita berdaftar dalam negara kita, saya rasa kita akan mendapat satu lagi pendapatan sampingan yang lebih baik untuk arena merit in industries.

Saya rasa itulah ucapan saya untuk malam ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila menjawab.

8.07 mlm.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal yang telah pun mengambil bahagian dalam pembentangan rang undang-undang yang saya kemukakan sebentar tadi. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan yang diberi.

Pertamanya, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman berkaitan dengan keselamatan operasi. Saya suka memaklumkan bahawa keselamatan kapal operasi kita akan mengikuti dasar-dasar yang telah pun diterima pakai, iaitu di bawah Safety of Life At Sea yang telah diluluskan di bawah Konvensyen Keselamatan Badan Pertubuhan Maritim Antarabangsa. Konvensyen ini sudah tentu menjamin keselamatan kapal-kapal termasuk pemeriksaan yang diadakan secara berjadual yang akan diikuti pada setiap masa. Kerana itu kita tidak bimbang

kepada perkara ini, kerana perkara ini telah termasuk dalam konvensyen antarabangsa yang saya sebutkan sebentar tadi.

Berkaitan dengan sejauh mana anak-anak kapal terdiri daripada warganegara Malaysia. Pada ketika ini memang tidak ada syarat, tetapi kementerian sentiasa menggalakkan dan menitikberatkan penggunaan warganegara Malaysia di atas kapal-kapal Malaysia. Yang ini kita akan beri perhatian bilangan-bilangan yang digunakan oleh kapal-kapal yang akan didaftarkan di Malaysia pada masa-masa hadapan.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan lesen judi di atas kapal. Saya suka memaklumkan bahawa memang tidak ada lesen kasino ataupun lesen judi dibenarkan di atas kapal yang dilesenkan daripada Malaysia.

Berkaitan dengan kes yang disebut di dalam akhbar, kita akan semak bagaimana ianya boleh ada dalam perairan kita. Bagi kapal-kapal yang lalu dalam perairan antarabangsa memang kita tidak boleh mengambil tindakan kerana ianya bebas lalu dalam perairan antarabangsa. Berkaitan dengan kes yang telah disebut tadi kita akan semak kedudukannya.

Satu lagi adalah berkaitan dengan menggunakan pelabuhan Malaysia, kita percaya dengan adanya pendaftaran kapal-kapal asing di dalam Pendaftaran Kapal Malaysia, sudah tentu jumlah kapal kita akan bertambah. Maka dengan ini lebih banyak barangan yang boleh kita hantar ke luar negara dengan menggunakan kapal-kapal yang didaftarkan di negara kita sendiri. Seperti yang disebut tadi pada masa lepas cuma kapal Malaysia sahaja berdaftar di negara kita, maka pengangkutan kargo-kargo dari Malaysia sudah tentu mengalami kekurangan kapal. Maka inilah akta ini diwujudkan, dengan ini kita berharap pada masa hadapan tidak lagi berlaku macam Yang Berhormat Tuan Mustaffa sebut 15 hari untuk menunggu kapal dagang datang mengangkat barang-barang. Dengan ini, kita dapat menggunakan pelabuhan kita dengan lebih berkesan lagi pada masa-masa hadapan.

Berkaitan dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Mustaffa, eksport melalui pelabuhan Singapura, saya suka memaklumkan bahawa kerajaan telah pun mengambil tindakan melalui beberapa dasar. Pertamanya, meningkatkan infrastruktur pelabuhan kita. Yang keduanya, dasar lot centre bagi Pelabuhan Kelang, iaitu menjadikan Pelabuhan Kelang ini 'the hub' bagi perdagangan perkapalan

ataupun 'hub port' bagi rantau Asia. Yang ketiga adalah menggalakkan pengeksportan dan pengimportan menggunakan pelabuhan Malaysia. Keempat, menarik lebih ramai lagi main line operator untuk datang ke Pelabuhan Kelang. Pada ketika ini telah ada lebih kurang 90 main line operator yang menggunakan pelabuhan kita.

Di samping itu, kita juga telah pun menyiapkan sistem EDI di Pelabuhan Kelang dan telah pun beroperasi dengan penuh. Mungkin pada bulan Februari ia akan beroperasi dengan cekap. Kita juga akan mengembangkan EDI ini di pelabuhan-pelabuhan lain seperti di Pulau Pinang dan juga di Johor Bahru pada tahun hadapan. Kita harap ianya boleh bermula menjelang pertengahan tahun 1998.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Mustaffa adalah conference perkapalan. Ianya merupakan satu aturcara persendirian di antara syarikat-syarikat perkapalan. Tidak semua syarikat perkapalan perlu menjadi ahli dan bukan semua syarikat perkapalan Malaysia menjadi ahli. Lazimnya keahlian conference perkapalan tertumpu kepada perkhidmatan liner. Syarikat Perkapalan Malaysia tidak wajib menjadi ahli conference. Namun keahlian wajar dipertimbang sekiranya ia mendapatkan faedah ekonomi kepada Syarikat Perkapalan Malaysia berkaitan.

Berkaitan dengan fee tahunan dan juga tonnage fee ini bukan bertujuan untuk menambahkan kutipan, tetapi untuk mengawal supaya kapal-kapal tersebut dapat dikesan sama ada masih lagi beroperasi ataupun telah dijual dan sebagainya. Jadi, bukan hendak mencari pendapatan, tetapi lebih kepada pengawalan. Berkaitan dengan penalti yang rendah, penalti yang dicadangkan adalah level yang dikenakan bagi kesalahan-kesalahan yang seumpamanya, iaitu selaras dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Ada satu lagi yang disebut tadi ialah berkaitan dengan kapal Malaysia tetapi berdaftar di Honduras ataupun di tempat-tempat lain. Dengan diwujudkan Akta Pendaftaran Perkapalan Antarabangsa yang akan diluluskan sebentar lagi, maka kita berharap banyak kapal milik rakyat Malaysia yang didaftarkan di luar negara akan kembali dan didaftarkan di Malaysia melalui joint-venture agreement ataupun joint-venture arrangement. Inilah harapan kita salah satu cara hendak kembalikan mereka balik ke pangkuan. Itulah sebabnya akta ini dikemukakan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian telah dapat menambah dengan kapal yang menggunakan pelabuhan kita walaupun belum dapat lagi menandingi pelabuhan-pelabuhan yang besar di dunia, tetapi perkembangan ini amat menggalakkan. Saya suka mengambil contoh pada tahun 1991, 18,886 buah kapal menggunakan semua pelabuhan kita. Pada tahun 1996 telah meningkat kepada 27,158 buah. Sehingga bulan Jun 1997 jumlahnya telah pun mencapai 13,560 buah kapal. Kita menjangka jumlah kapal-kapal yang menggunakan pelabuhan kita akan sentiasa bertambah. Dengan adanya akta ini diluluskan maka kita percaya jumlah kapal Malaysia akan lebih banyak dan perdagangan kita akan lebih rancak lagi dan kemampuan kita untuk mengangkut barangan kita dengan menggunakan pelabuhan Malaysia sendiri akan bertambah baik. Dengan ini dapat mengurangkan imbalan pembayaran negara pada masa yang akan datang.

Itulah antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jika ada saya tertinggal kita akan mengambil tindakan mengikut catatan-catatan yang telah pun dirakamkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.18 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1996 kerajaan telah mengumumkan penubuhan Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) dan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri sebagai langkah tegas untuk meningkatkan keberkesanan jentera kerajaan menangani masalah dadah di negara ini. Seajar dengan matlamat penubuhannya Majlis Dadah Kebangsaan telah merangka beberapa dasar dan strategi baru bagi memerangi ancaman dadah merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pencegahan, penyelidikan serta rawatan dan pemulihan.

Perubahan-perubahan dasar dan strategi baru dalam usaha menangani masalah penagihan dadah turut melibatkan beberapa pengubahsuaian kepada Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di mana beberapa subseksyen akta tersebut dicadang untuk dipinda, dimansuh atau ditambah dengan beberapa peruntukan baru. Pindaan dan peruntukan tambahan kepada akta berkenaan dicadangkan bertujuan mencapai matlamat-matlamat berikut:

- (a) Meningkatkan keberkesanan dan kemantapan program pemulihan di dalam institusi pemulihan, iaitu di pusat-pusat serenti melalui cadangan memperkenalkan sistem klasifikasi pusat-pusat serenti.
- (b) Untuk meningkatkan keberkesanan dan memperkemaskan pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan dalam komuniti, iaitu bagi kes-kes jagaan lanjutan melibatkan penagih-penagih yang dibebaskan dari pusat serenti dan kes-kes pengawasan, iaitu bagi penagih-penagih yang mengikuti program pemulihan di dalam komuniti. Satu ciri penting dalam perubahan ini ialah cadangan memperkenalkan kaedah pengawasan yang turut melibatkan pegawai anggota pasukan Polis Diraja Malaysia dalam melaksanakan kaedah pengesanan atau pengawasan ke atas penagih-penagih

dadah. Cadangan ini dijangka akan dapat mengatasi masalah kadar penagihan semula yang tinggi di kalangan penagih-penagih yang dibebaskan dari pusat-pusat serenti;

- (c) Untuk menyemak hukuman, denda atau penjara yang terdapat di dalam akta yang sedia untuk membolehkan tindakan-tindakan yang lebih tegas dalam menangani masalah-masalah seperti kelarian dari pusat serenti dan pelanggaran syarat-syarat jagaan lanjutan atau pengawasan yang sering mendatangkan banyak kerumitan kepada pengurusan pusat serenti. Semakan semula ini juga turut melibatkan cadangan untuk menggugurkan syarat-syarat penyempurnaan bond sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan semangat kesukarelaan di kalangan penagih-penagih dadah untuk tampil secara sukarela mendapat rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dihuraikan di atas, perubahan-perubahan kepada dasar dan pendekatan dalam program rawatan dan pemulihan turut melibatkan semakan yang menyeluruh kepada Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Pada keseluruhannya sejumlah 26 seksyen dalam akta sekarang dicadang dipinda atau dimansuhkan. Dari jumlah itu empat seksyen termasuk 14 subseksyen akan dipinda, diubahsuai, manakala empat seksyen akan dimansuhkan. Sementara pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuatkuasa Akta.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 supaya tafsiran “pusat” dipinda dengan menggugurkan perkataan-perkataan “pusat jagaan lanjutan dan pusat harian”. Cadangan ini dikemukakan ekoran keputusan kerajaan menutup operasi pusat jagaan lanjutan dan pusat harian yang ditubuhkan di bawah akta yang sedia ada sekarang.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 4 untuk memperkemarkan proses menjalankan ujian-ujian tertentu ke atas orang-orang yang disyaki sebagai penagih dadah. Pindaan ini bertujuan menghendaki

majistret mengeluarkan perintah supaya orang itu ditahan bagi menjalani ujian apabila seseorang pegawai menetapkan bahawa penahanannya bagi maksud itu adalah diperlukan.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 6 supaya jika pegawai pemulihan mengesyorkan bahawa seseorang itu patut diperintahkan supaya tinggal di pusat pemulihan atau menjalani pengawasan oleh seseorang pegawai majistret yang hadapannya orang itu dibawa atau kehadiran mestilah buat perintah sedemikian. Cadangan ini dikemukakan setelah kerajaan mendapati pelaksanaan prosedur kemasukan penagih ke pusat serenti di bawah seksyen ini lebih menekankan penagih-penagih yang tidak mempunyai propensity, dengan izin, untuk dipulihkan.

Kemasukan penagih-penagih tegar yang tidak mempunyai propensity untuk dipulihkan telah dilihat sebagai punca utama yang menjejaskan keberkesanan program pemulihan di pusat-pusat serenti. Kehadiran penagih-penagih tegar yang bercampur-aduk dengan penagih-penagih remaja, ringan dan sebagainya telah menimbulkan suasana ketegangan di pusat-pusat serenti. Keadaan tegang ini boleh menjadi pemangkin kepada tercetusnya kejadian-kejadian buruk, seperti rusuhan, mogok, pelarian beramai-ramai, pergaduhan, tidak mematuhi peraturan disiplin dan mencabar pentadbir pusat serenti.

Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini, kerajaan bercadang memperkenalkan sistem klasifikasi pusat serenti sebagai satu pendekatan baru yang akan memberi keutamaan kepada kemasukan penagih-penagih yang mempunyai propensity, dengan izin, yang tinggi untuk dipulihkan. Di bawah sistem ini pusat-pusat pemulihan kerajaan telah diklasifikasi, seperti pusat serenti Penagih Sukarela, Pusat serenti Penagih Remaja, Pusat serenti Penagih Ringan, Pusat serenti Penagih Wanita dan Pusat serenti Penagih Tegar.

Pindaan-pindaan di seksyen 6(1) adalah bertujuan untuk memperkemas lagi sistem kemasukan penagih-penagih dadah ke pusat-pusat serenti agar sesuai dengan sistem klasifikasi yang diperkenalkan seperti di atas. Di bawah pindaan ini mahkamah akan dikehendaki menerima perakuan yang dikemukakan oleh pegawai pemulihan di dalam laporan sosialnya sebelum menentukan sama ada seseorang penagih itu perlu dimasukkan ke pusat pemulihan mengikut kategori atau klasifikasi yang telah ditetapkan ataupun diperintah menjalani pengawasan di dalam komuniti.

Di samping kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam program pemulihan pusat serenti, kerajaan juga mendapati program pemulihan di peringkat jagaan lanjutan dan pengawasan iaitu bagi penagih-penagih yang dibebaskan dari pusat serenti dan penagih-penagih yang menjalani program tanpa memasuki pusat-pusat serenti tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan akibat kelemahan-kelemahan di dalam sistem pengesanan dan pengawasan pergerakan penagih-penagih dadah serta pemantauan tahap kemajuan pemulihan mereka. Kelemahan ini berpunca dari masalah kekurangan pegawai pemulihan yang telah menyebabkan beban tugas pegawai pemulihan menjadi amat berat berbanding dengan kemampuan mereka.

Kelemahan-kelemahan dalam sistem pengesanan dan pengawasan telah menyumbang kepada kegagalan program pemulihan yang dijalankan di dalam komuniti. Kajian mendapati bahawa sejak 1983 hingga Julai 1996 hanya 26.7% sahaja dari penagih-penagih dadah yang menjalani program pemulihan peringkat jagaan lanjutan di dalam komuniti yang dianggap telah berjaya. Maknanya 73.3% telah menagih semula.

Sebagai langkah untuk mempertingkatkan kadar kejayaan program pemulihan di dalam komuniti, kerajaan telah meluluskan pendekatan baru yang membolehkan buat pertama kalinya pegawai polis menjalankan tanggungjawab mengesan, mengawasi dan memantau kemajuan pemulihan penagih-penagih dadah yang menjalani program pemulihan dalam komuniti. Dengan adanya peruntukan ini, kerajaan berharap dalam mengatasi masalah beban tugas yang amat berat yang sedang ditanggung oleh pegawai-pegawai pemulihan sekarang ini.

Selain daripada itu, kerajaan juga mencadangkan syarat-syarat yang lebih ketat terhadap penagih-penagih dadah yang diletakkan di bawah program pemulihan di dalam komuniti melalui peruntukan seksyen baru 6(2) rang undang-undang. Syarat-syarat tambahan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Penagih mestilah tinggal di dalam negeri atau Wilayah Persekutuan atau mana-mana kawasan sepertimana yang dinyatakan oleh Perintah itu.

- (b) Penagih tidak boleh meninggalkan kawasan tempat dia tinggal tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
- (c) Pada waktu yang dinyatakan dalam Perintah, penagih hendaklah melaporkan diri di balai polis yang paling hampir.
- (d) Orang itu atau penagih tidak boleh mengambil, menggunakan atau memiliki apa-apa dadah berbahaya.
- (e) Penagih hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang diperintah oleh seseorang pegawai.
- (f) Penagih hendaklah menjalani apa-apa jua program pemulihan penagih dadah yang diadakan oleh kerajaan.

Mana-mana penagih dadah yang tidak mematuhi mana-mana syarat seperti yang dicadangkan di atas boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau sebatan tidak lebih daripada tiga sebatan atau kedua-duanya. Tindakan-tindakan yang lebih tegas ini perlu diambil untuk membantu mengatasi masalah kadar penagihan semula yang tinggi di samping meningkatkan kadar kejayaan pemulihan ke atas penagih-penagih dadah.

Fasal 5 bertujuan memotong Seksyen 7 berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Fasal 6 bertujuan meminda Seksyen 8 supaya peruntukan yang berhubungan dengan rawatan dan pemulihan orang-orang yang menjalaninya secara sukarela adalah serupa dengan peruntukan yang terpakai bagi mereka yang diperintahkan oleh mahkamah supaya menjalani rawatan dan pemulihan.

Di bawah pindaan ini kerajaan mencadangkan supaya peruntukan mengenakan bayaran bond kepada keluarga atau ibu bapa penagih yang ingin mendapatkan rawatan pemulihan secara sukarela tidak lagi perlu dikuatkuasakan.

Cadangan ini akan membolehkan kerajaan memberi penekanan untuk melaksanakan halacara baru pemulihan dengan menggalakkan lebih ramai penagih dadah tampil secara sukarela untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti.

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 9 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6.

Fasal 8 bertujuan meminda Seksyen 10 memandangkan keputusan kerajaan untuk menutup operasi pusat harian dan pusat jagaan lanjutan.

Fasal 9 bertujuan meminda Seksyen 12 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membebaskan penghuni-penghuni dari pusat serenti setelah mereka menghabiskan tempoh kediaman selama 12 bulan di pusat tersebut dan mencapai tahap pemulihan yang meyakinkan pihak Lembaga Pelawat.

Di bawah cadangan ini, kerajaan mencadangkan supaya kuasa membebaskan penghuni-penghuni dari pusat serenti ini dipindahkan kepada Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan untuk membolehkan sistem dan pengurusan pembebasan penghuni pusat serenti diuruskan dengan lebih teratur dengan mengambil kira laporan pegawai pemulihan serta kebajikan penagih-penagih dadah.

Fasal 10 bertujuan memotong Seksyen 13, 14 dan 15 berbangkit dari pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6 dan 8.

Fasal 11 bertujuan meminda Seksyen 18 untuk menambah denda maksimum yang boleh dikenakan daripada RM500 kepada RM2,000 ke atas mana-mana Pengawal Perubatan yang gagal memberitahu Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan mengenai mana-mana penagih dadah yang dirawat olehnya.

Fasal 12 bertujuan meminda Seksyen 19 untuk mengadakan peruntukan bagi hukuman yang lebih berat bagi seseorang yang melarikan diri dari jagaan yang sah, hukuman denda atau pemenjaraan selama tempoh maksimum tiga tahun digantikan dengan pemenjaraan selama tempoh lima tahun atau sebatan yang tidak melebihi tiga sebatan.

Cadangan ini dikemukakan kerana kerajaan memandang berat kejadian-kejadian yang melibatkan penagih-penagih dadah melarikan diri dari pusat-pusat serenti kerana ianya boleh menjejaskan keberkesanan program pemulihan

yang dirancang untuk mereka. Kerajaan mendapati masalah kelarian ini menjadi satu masalah yang amat sukar dikawal. Kerajaan berpendapat masanya telah tiba bagi hukuman yang lebih berat ini dikenakan sebagai langkah tegas dalam menangani masalah ini.

Fasal 13 dan 14 masing-masing bertujuan meminda Seksyen 20 dan 21 berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6 dan 8.

Fasal 15 bertujuan meminda Seksyen 22 supaya apa-apa sumbangan kewangan yang ditetapkan oleh Majistret supaya dikeluarkan oleh ibu bapa atau penjaga seseorang penagih yang diperintahkan menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan boleh didapatkan sebagai hutang sivil.

Pada masa ini jika sumbangan itu tidak dibayar, sumbangan itu boleh dipungut mengikut cara yang sama seperti denda yang boleh mengakibatkan ibu bapa atau penjaga seseorang penagih dijatuhkan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya sekali apabila mereka gagal melaksanakan sumbangan yang diperintahkan oleh Majistret. Pindaan ini akan meringankan bebanan ibu bapa atau penjaga seseorang penagih.

Fasal 16, 17, 18 dan 19 masing-masing bertujuan meminda Seksyen 24, 26, 27 dan 28 berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6 dan 8.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya cadangan pindaan seperti dalam rang undang-undang ini adalah berasaskan kepada keperluan untuk

mengemaskinkan peruntukan-peruntukan yang tidak lagi sesuai yang mana perlu dimansuhkan, dipinda atau memerlukan peruntukan baru selaras dengan perubahan-perubahan dasar dan pendekatan untuk meningkatkan keberkesanan serta kemantapan program pemulihan di dalam dan di luar institusi.

Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, kerajaan seterusnya mengharapkan supaya program-program pemulihan yang dijalankan akan dapat mencapai objektif dan matlamat melahirkan lebih ramai bekas penagih dadah yang produktif dan berguna kepada agama, bangsa dan negara serta bebas dari penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dibentangkan di Majlis ini bagi bacaan kali kedua dan dibahaskan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Kamilia.

8.36 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak tahulah sebab ramai yang hendak balik cepat tetapi saya

menganggapkan rang undang-undang ini adalah suatu rang undang-undang yang penting dan masalah ini juga adalah masalah negara yang begitu juga penting, sama penting kerana ianya melibatkan ramai remaja kita dan generasi masa depan.

Pertamanya, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian bahawa rang undang-undang atau akta ini adalah Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan). Ini adakah bermakna bahawa undang-undang ini hanya berkaitan dengan rawatan dan pemulihan dan tidak meliputi pencegahan kerana saya berpendapat walaupun mungkin ini khususnya untuk rawatan dan pemulihan tetapi seperti kita semua tahu, dengan izin, prevention is better than cure dan saya pasti bahawa jikalau di bawah akta ini juga dimasukkan pencegahan, mungkin juga rawatan dan pemulihan itu dapat dikurangkan.

Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah mengemaskinikan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) ini dengan pindaan rang undang-undang yang dibentangkan terutamanya ia juga telah cuba sepertimana objektif yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Pertamanya sistem kategori yang telah disebutkan, ini ialah kerana terdapatnya masalah yang dihadapi mengikut akta yang lama terutama seperti

kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tentang propensity, dengan izin, kes-kes yang dikemukakan maka diwujudkan sistem kategori.

Di sini saya juga ingin mendapat penjelasan tentang propensity yang dimaksudkan dan juga sama ada kategori-kategori yang dikatakan tadi juga termasuklah secara sukarela dan pelbagai kerana dalam kita menyebut tentang pindaan yang lebih awal dalam menentukan kategori ialah kuasa yang diberi kepada pegawai untuk membuat keputusan, mengesyorkan kepada majistret bagi memasukkan seseorang untuk penahanan di mana isu propensity yang disebutkan tadi. Tetapi juga kita perlu mendapat penjelasan tentang secara sukarela kerana banyak kes-kes yang kita lihat, saya pun selalu berjumpa dengan penagih-penagih dadah di tepi-tepi kedai ataupun di tepi-tepi jalan yang gelap-gelap itu, mereka merupakan penagih dadah tetapi masalah tentang masuk dengan sukarela ini pada saya adalah satu masalah yang rumit mungkin pihak kementerian memikirkan tentang ibu bapa yang membawa anak-anak secara sukarela.

Mungkin saya ingin mencadangkan tadi dalam perkara yang ketiga yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai pegawai polis menyertai dalam tugas-tugas untuk rawatan dan pemulihan dadah ini sebagai pegawai tambahan, adakah pihak kementerian boleh memikirkan bahawa pemimpin-pemimpin masyarakat diberikan kuasa, dahulu pun kita banyak memperkatakan tentang kuasa citizen arrest, dengan izin,

supaya dapat sama-sama memberi sumbangan untuk membawa mereka yang menagih dadah untuk diberi rawatan kerana saya sendiri pernah berjumpa dengan penagih-penagih dadah tetapi kita kurang pasti apakah yang patut dilakukan, bila kita kata, kita hendak panggil polis, dia sudah lari bermeter jauhnya, mungkin dengan cara kita sebagai kakak ataupun sebagai ibu, kita dapat membantu budak-budak ini kebanyakannya memanglah remaja-remaja supaya mereka dapat menyerah diri kerana kalau kita hendak buat laporan, dengan izin, by the time kita dapat balik budak-budak itu sudah hilang.

Ini juga tentu sekalilah saya juga ingin kaitkan dengan sistem pengawasan dan kawal selia yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita tidak cukup kakitangan sama ada kita hendak mendapatkan orang ramai atau pemimpin masyarakat ataupun mereka memang bertanggungjawab ataupun wakil-wakil rakyat ataupun Ahli-ahli Parlimen yang memang prihatin dan memang hendak membantu mereka ini untuk dapat sama-sama kita rawati mereka dan dipulihkan jika mereka ini boleh dimasukkan di bawah kategori sukarela seperti yang disebutkan tadi ada beberapa kategori dan pendekatan baru yang telah disebutkan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan tentang Fasal 12 iaitu pihak kerajaan telah mempertingkatkan atau meningkatkan hukuman pemenjaraan dan sebatan. Soalan saya di sini ialah kita tahu mereka yang masuk itu memang bermasalah, kalau mereka bermasalah, mereka lari pun mungkin

mereka pun tidak fikir tentang apakah implikasinya kepada mereka jikalau mereka lari.

Soalan yang saya ingin kemukakan kepada pihak kementerian ialah adakah kajian telah dibuat bahawa ini adalah merupakan satu perkara yang sebenarnya berkesan kerana kalau kita lihat alangkan orang yang normal sekali pun kita katakan membawa dadah itu akan membawa kepada hukuman mati pun masih terdapat ramai yang membawa dadah yang rela untuk dihukum gantung, tetapi apatah lagi dalam masalah mereka yang mempunyai masalah tentang dadah. Saya mempersoalkan peruntukan ini ialah kerana saya memang mengalu-alukan dan merasakan satu perkara yang sangat baik di pihak kementerian untuk mempertingkatkan usaha-usaha rawatan dan pemulihan penagih dadah ini dan jikalau begitulah tentu sekalilah kita telah membuat kajian-kajian tertentu dan pasti bahawa apa yang akan dilaksanakan itu sebenarnya berkesan dan membawa kepada keberkesanan sepertimana yang telah dikatakan tadi.

Saya juga ingin menyentuh tentang Fasal 15 yang mana menjadikan bayaran yang dikenakan kepada ibu bapa itu sebagai hutang sivil. Ini juga mungkin dan boleh dipungut mengikut cara yang sama seperti denda. Ini juga adalah satu perkara yang mungkin ya atau mungkin tidak akan menjadi satu penghalang kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka untuk

pemulihan dan rawatan, mungkin ya dan mungkin tidak, mungkin kementerian telah memberi pertimbangan yang sewajarnya

Walaupun bagaimanapun, mungkin pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan tentang perkara ini kerana seperti kita tahu tujuan dan matlamat Majlis Dadah ini ditubuhkan ialah untuk benar-benar dapat mencapai matlamatnya dan jikalau ibu bapa tidak memberi sokongan dan tidak memberi kerjasama, ia menjadi bertambah rumit.

Walaupun saya bersetuju bahawa ini mungkin satu cara untuk kita dapat memastikan bahawa ibu bapa dan penjaga bertanggungjawab tentang anak-anak mereka tetapi ia juga mempunyai cons yang mungkin perlu juga dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian dan saya amat berharap bahawa usaha-usaha ini akan berjaya dan saya juga ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kementerian telah menjalankan kajian dan juga mengadakan kajian secara perbandingan dengan negara-negara lain tentang pendekatan untuk pemulihan dan rawatan dadah, sebab saya ada membaca bahawa di Cuba, mereka ada mempunyai cara-cara pendekatan yang dikatakan berkesan. Itu saya tidak tahu, saya pun tidak pernah berkesempatan untuk pergi ke Cuba tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke sana, mungkin ada di antara pihak kementerian yang telah mengkaji tentang pendekatan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan sekali lagi saya mengharapkan bahawa pihak kementerian akan cuba memberi bidang kuasa kepada pencegahan kepada penagih dadah ini sebagai salah satu dari perkara di bawah bidang kuasa Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

8.45 mlm.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak balik cepat juga, tetapi saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh sedikit mengenai pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lega bila mendengar penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai strategi dan pendekatan baru yang akan digunakan di dalam soal rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah terutamanya dari segi mengklafikasi mereka terlibat dari segi kekuatan ataupun seriousness mereka ataupun propensity yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya juga amat lega mendengar pendekatan untuk membolehkan ramai penagih dadah datang secara sukarela

kerana perkara ini penting di dalam pergaulan saya dengan masyarakat ataupun dengan persatuan-persatuan dan masyarakat belia di kawasan saya, saya dapati pendekatan untuk mereka ini tampil secara sukarela adalah lebih baik daripada paksaan atau serbuan atau tangkapan yang dibuat oleh pihak yang terlibat khususnya pihak polis.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk menceritakan sedikit soal tangkapan dan serbuan. Kita mengucapkan tahniah di atas usaha polis yang bersungguh-sungguh untuk menangani masalah penagihan dadah di kalangan remaja ataupun belia-belia ini. Tetapi ianya banyak melahirkan masalah kepada keluarga, kepada masyarakat khususnya kepada pemimpin masyarakat, misalnya serbuan dibuat kepada satu kelompok tentunya berasaskan maklumat beberapa kelompok remaja tersebut terlibat dengan penagihan dadah dan tentunya ada mereka yang tidak terlibat tetapi tertangkap bersama dan kita tidak dapat mengelak dari untuk mengeluarkan mereka yang kita rasa tidak terlibat. Pernah berlaku tertangkap pelajar universiti, pekerja dari jabatan-jabatan kerajaan yang balik bercuti, kebetulan mereka bersama kawan lama mereka di kampung mereka yang memang terlibat dengan dadah dan sebelum itu pihak polis mendapat maklumat barangkali kumpulan ini terlibat dengan dadah, bila ditangkap memang kita memahami aspek undang-undang bahawa bila ditangkap tidak boleh dibebaskan serta-merta kecuali setelah dibuat ujian kepada air kencing mereka dan tentunya mengambil masa. Masalah

berbangkit, pertama, bila keluarga itu menemui kita selaku pemimpin ataupun ketua masyarakat untuk anaknya dibebaskan kerana mereka percaya dan kita percaya dan setelah menjalani ujian banyak berlaku mereka ini terlepas ataupun tidak terlibat dengan dadah dan sebahagiannya memang terlibat dengan dadah.

Saya hendak kaitkan soal pendekatan secara sukarela ini, saya suka mendapat penjelasan dari kementerian apakah perancangan kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri untuk kita mempergunakan jawatankuasa yang ada di kampung supaya berusaha dalam bentuk kaunseling yang kita katakan tadi, rang undang-undang yang telah kita luluskan tadi untuk lebih ramai orang muda atau remaja ini menampilkan dan menyerahkan diri untuk dihantar ke pusat serenti. Kita ada Jawatankuasa Kemajuan Kampung, kita ada Unit Rela, kita ada sektor Rukun Tetangga yang barangkali dapat mereka ini diberi penerangan jelas, mereka ini diberi peluang untuk mendampingi belia, diberi penjelasan, yakinkan mereka bahawa mereka perlu menyerahkan diri dan elakkan daripada serbuan polis, biarlah mereka ini melalui jawatankuasa-jawatankuasa tersebut boleh tampil secara sukarela untuk dipulihkan di pusat-pusat pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kalau sebelum ini kita dengar pepatah Melayu mengatakan 'jangan jaga tepi kain orang' sekarang kita boleh tukar dan saya teringat ditegur oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bahawa sekarang kita perlu 'jaga tepi kain orang'

bermakna kita perlu mengambil tahu masalah masyarakat di kampung kita melalui jawatankuasa-jawatankuasa tadi supaya masalah penagihan dadah dapat dikurangkan dan mereka yang dirawat itu akan lebih memberi kesan yang baik melalui pendekatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

8.50 mlm.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk melibatkan diri dalam perbahasan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)(Pindaan) 1997 ini.

Kita juga mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah menyelidik barangkali, yang telah menggubal rang undang-undang untuk cuba mengatasi masalah dadah. Sebagaimana yang telah kita ketahui dadah ini merupakan musuh negara apatah lagi mereka ini telah menyerang anak-anak muda kita yang menjadi bakal pelapis kita. Cuma dalam keadaan kita yang agak lewat ini, saya ingin cuba pendekkan, saya hendak fokuskan kepada masalah pengedar, walaupun kita lihat tadi banyak disebutkan dari segi rawatan dan juga pencegahan tetapi benda ini menjadi masalah, selagi ada pengedar selagi itulah ada pembeli ataupun penggunaanya, selagi ada supply di situ adalah ada demandnya.

Mengenai dengan pengedar-pengedar ini, tadi rakan-rakan saya ada menyebutkan kita minta ahli-ahli komuniti kumpulan masyarakat JKKK, Rela dan lain-lainnya membantu. Pengalaman saya berbincang dengan pihak-pihak ini mengatakan kumpulan pengedar ini adalah satu kumpulan yang cukup merbahaya, mereka tak berani hendak dekat, sebab itu mereka mengharapkan sangat kepada polis. Peringkat awalnya polis memang berjaya, tetapi akhir-akhirnya kumpulan pengedar ini juga mengesan pergerakan polis. Setiap kali polis membuat operasi mereka sudah tahu, ataupun dengan apa cara yang disebutkan tadi, kalau kita buat serangan kadang-kadang polis lambat, mereka ini sudah lari dahulu, tidak tahu siapa yang memberitahu, dengan erti kata yang lain polis harus mempunyai satu kumpulan yang agak elite dan benar-benar mantap dalam masalah menangani dadah ini.

Saya pernah berdialog dengan polis berkenaan masalah dadah ini di mana semakin bertambah di kawasan saya. Oleh itu, kata polis dia tidak mampu lagi hendak menangkap pengedar-pengedar dadah ini kerana sudah tidak ada tempat lagi hendak letak dan kalau ditangkap pun dirawat, dia akan balik semula kepada dadah sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sebanyak 33% kembali kepada dadah. Oleh itu, lebih kurang macam terbiarlah, polis pun sudah tidak boleh hendak buat apa lagi.

Saya berterima kasih sangat kepada kementerian dengan langkah-langkah yang dibuat ini, cuma dari segi polis, kita harap dapat lebih berkesan.

Satu pasukan pencegahan dan benar-benar dapat menangkap pihak yang berkenaan ini, saudagar besar yang menjadi pengkhianat kepada negara dan bangsa kita harus kita atasi, kalau tidak anak-anak kita yang tidak berdosa ini akan terjebak kepada dadah yang melimpah ruah dalam market yang semakin hari semakin bertambah dengan kesempatan yang diambil oleh pengedar-pengedar. Hukuman yang lebih berat dengan denda, rampas harta-benda mereka dan kalau ikut zaman dahulu tanahnya pun kita rampas, bakanya jangan kita beri hidup di atas muka bumi yang kita cinta ini kerana mereka ini sebenarnya pengkhianat kepada bangsa dan negara. Dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

8.55 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan dan telah membahaskan pindaan akta ini dan memang saya bersetuju dengan pandangan mereka terhadap apa yang telah berlaku dalam masyarakat kita teutamanya mengenai penagihan dadah.

Yang Berhormat Puan Kamalia telah menekankan adakah kerajaan mementingkan pencegahan. Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Majlis Dadah Kebangsaan memang memandang sangat serius tentang usaha pencegahan, walaupun di bawah akta ini kita tidak sebut pencegahan di mana-mana satu Fasal, tetapi di bawah Majlis Dadah Kebangsaan, kita telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membincang segala usaha tentang pencegahan terutamanya pencegahan dadah perlu mula dari peringkat awal lagi, seawal dari masa tadika lagi, kita ingat kita perlu memperkuat lagi dayatahan nilai-nilai hidup dan sebagainya bagi anak-anak muda kita. Jawatankuasa ini telah banyak kali bermesyuarat dan sedang merancang dan sedang membuat banyak cadangan, kita bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan untuk bagaimana kita boleh memasukkan unsur-unsur pencegahan ini kalau boleh dimasukkan ke dalam bukan sahaja kokurikulum, kita hendak merentasi kokurikulum dan ini telah mendapat perhatian yang serius dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri.

Selain dari itu, Majlis Dadah Kebangsaan juga dapat kerjasama dari jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penerangan, PEMADAM dan sebagainya semua akan bekerjasama secara bersepadu untuk memastikan usaha pencegahan ini akan berjaya dan saya memberi jaminan bahawa pencegahan ini adalah tetap satu aspek yang sangat penting yang tidak diabaikan oleh pihak kerajaan.

Mengenai propensity dari segi klasifikasi mereka yang sukarela ini, saya telah menyebutkan tadi iaitu hardcore, mereka yang diklasifikasikan sebagai tegar, apa yang dapat kita katakan dalam tahun yang lepas ini 12,916 orang penagih yang dimasukkan ke dalam semua pusat serenti ini terdapat 64% adalah dari golongan hardcore ataupun kumpulan tegar. Mereka ini adalah mereka yang keluar masuk pusat serenti, kalau kita lihat muka mereka pun kita akan tahulah, mereka ini bukan muka baru dan mereka juga ada rekod jenayah keluar masuk bukan sahaja di pusat serenti, keluar masuk penjara pun ada.

Jadi, sebab mereka ini ditangkap oleh polis dan polis hadapkan mereka ke Majistret, sebelum kita pinda akta hari ini, akta yang lama itu memberi kuasa kepada Majistret dan Majistret dengan secara natural, dengan izin, akan membuat ketetapan bahawa mereka masuk pusat serenti dan bila masuk pusat serenti kita kuatkuasakan sahaja akta itu. Maka dengan trend yang semacam itu, ramai sangat mereka ini yang ditangkap oleh polis masuk ke dalam pusat serenti dan akibat dari itu ialah pusat-pusat serenti penuh dengan golongan ini.

Jadi, yang lain-lain seperti golongan yang ringan ataupun softcore dan juga yang secara sukarela telah terancam kerana hardcore ini bila masuk ke pusat serenti, mereka akan mempengaruhi semua, dia sudah buat kacau dan menjadikan rusuhan, bakar pusat serenti, inilah yang telah terjadi dan telah banyak kali kita bincang dalam Dewan ini, kita tidak puas hati mengapa

kejadian yang tidak diinginkan itu sentiasa terjadi. Inilah sebabnya dan kalau kita tidak pinda akta hari ini keadaan itu akan berterusan.

Oleh sebab itu, sekarang kita kemaskinikan supaya pegawai pemulihan dari Agensi Dadah Kebangsaan yang lebih tahu siapa mereka yang hardcore dan siapa mereka yang bukan hardcore mengikut laporan latar belakang mereka dan pegawai akan membawa kes itu kepada Majistret dan kita cadang di bawah akta ini dan Majistret akan ikut segala cadangan yang kita bawa itu untuk membuat keputusan. Maka dengan cara itu kita akan klasifikasikan mereka pada tahap itu di mana bila Majistret membuat keputusan, mereka akan mengikut cadangan kita, bila mereka masuk ke pusat serenti yang betul, yang hardcore akan dimasukkan bersama penagih dadah yang hardcore dan yang sukarela akan masuk ke tempat sukarela, yang ringan akan masuk di tempat yang ringan, maka mereka tidak akan jadi campur-aduk dan kacau-bilau. Inilah prinsip pindaan kepada akta ini.

Saya rasa ciri-ciri penagih sukarela ini adalah mereka yang tidak mempunyai ciri-ciri tegar. Kalau ada ciri-ciri tegar, saya sudah kata berulang kali, keluar-masuk, ada rekod jenayah termasuk juga mereka sendiri jual dadah. Dia bukan sahaja menagih, dia akan mengedar. Kerana dia mengedar, dia dapat untung, dia beli lagi dadah untuk bekalan orang lain dan untuk diri dia sendiri. Selain daripada golongan ini, kita anggap golongan yang lain itu ada lebih propensity, dengan izin, yang lebih tinggi. Kita perlu kena tumpu perhatian kepada golongan itu. Wang yang hendak dibelanjakan pun kena belanja untuk golongan yang ada harapan. Bagi yang sudah tidak boleh dirawat itu, kita kena keluarkan dia daripada pusat-pusat serenti yang kita belanja wang yang banyak, kita mahu polis masuk untuk mengawasi mereka, pastikan dia tidak lakukan jenayah, tempatkan mereka di tempat-tempat yang

mereka tidak boleh buat kesalahan seperti merompak, mencuri dan menjual dadah. Inilah prinsip pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengalu-alukan pemimpin masyarakat termasuk wakil-wakil rakyat dan juga orang awam membantu kita untuk memainkan peranan. Kalau hendak jadi pegawai pemulihan, itu kena fulltime, itu Menteri Dalam Negeri boleh melantik tetapi kalau dilantik, dia kena fulltime, bukan senang. Walau bagaimanapun, ada satu cara boleh bantu kerana dengan pindaan ini kita sudah ubah semua Pusat Jagaan Lanjutan menjadi Pusat Khidmat ADK. Bukan sahaja ubah PJJ, kita tubuh banyak lagi Pusat Khidmat Agensi Dadah Kebangsaan dan silalah bantu kita bawa penagih di mana dalam pengaruh kita ini bawa ke Pusat Khidmat ADK dan Pusat Khidmat ADK ada pegawai pemulihan yang berpengalaman. Mereka tahu macam mana hendak uruskan mereka ini. Ini satu cara. Saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri mengalu-alukan segala usaha yang akan disertai.

Bagi pemenjaraan mereka yang lari, memang saya telah kata tadi banyak serius. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, sejak tahun 1983 hingga 1996 jumlah orang yang lari dari pusat serenti seramai 16,943, tahun 1996 sahaja yang lari daripada pusat serenti 5,977, ini merupakan 43.3%, hendak rawat pun tidak boleh. 43% sudah lari. Bukan sahaja dia lari, tetapi dia menghasut dan cuba jadi ketua hendak larikan orang lain juga. Ini masalahnya. Kita kena tingkatkan pemenjaraan, tetapi ini bukan sewenang-wenang hendak menghukum semua. Kita hendak cari culprit. Bila ketua dia tahu, orang yang cuba hendak menghasut itu tahu, kita akan dakwa dia di bawah akta ini, maka dia boleh masuk penjara lima tahun, dia boleh disebat, dia kena ingat betul-betul. Dahulu dia tidak takut, dia tahu apa jadi pun paling banyak tiga tahun penjara, dia keluar-masuk penjara tak apa, tidak ada sebatan. Mereka ini takut kalau kita masukkan sebat sekali. Ini memang satu kajian telah dibuat.

Mengenai Fasal 15 - sumbangan itu dahulu ditetapkan tetapi tidak pernah kita kuatkuasakan, iaitu ibu bapa/penjaga penagih kalau dia hendak hantar anak dia atau orang yang di bawah jagaannya masuk ke pusat serenti, kalau dikenakan syarat kata dia kena menyumbang. Katakan dia mampu, jadi dia kena menyumbang, tetapi dia tidak berbuat demikian, dia bongkarkan perjanjian dia. Maka dahulu kita boleh denda dia, tetapi sekarang kita ingat prinsip akta ini ialah menggalakkan kesukarelaan. Kita tidak mahu cara begitu ingat hendak denda, hendak hukum sahaja, kita gunakan sivil. Maka bagi

mereka yang tidak berapa mampu, orang yang sudah susah itu, dia tahu ini bukan satu perkara yang akan menakut-nakutkannya, jadi kita convert. Tetapi saya rasa ini tidak akan jadi satu halangan, memang kajian telah dibuat.

Kita ada buat banyak perbandingan dengan negara-negara lain. Saya sendiri sebenarnya telah pergi Cuba pada awal tahun ini. Rasa-rasanya nampak cara kita di Malaysia ini masih cara yang baik. Pada masa kini bukan sahaja cara rawatan di Malaysia ini selama ini boleh dikirakan sebagai sebuah negara yang baik, tetapi sekarang kita cuba hendak baiki lagi, iaitu kita tukar gunakan ubat, dahulu kita kata 'cold turkey'. Orang dengar 'cold turkey' pun sudah takut. Bagi yang ada pengalaman itu, dia masuk sekali dan keluar bercerita, semua tidak berani lagi. Sekarang kita hendak gunakan ubat. Kalau orang datang secara sukarela, kita bantu dia. Dia sudah tahu cara ini lebih friendly, tidak begitu torturing sangat. Maka kita akan galak orang yang sukarela ini datang, dia tahu kita guna ubat untuk membantu dia, seperti naltrexone dan sebagainya. Kita lebih yakin dengan cara ini. Pada masa akan datang mudah-mudahan lebih ramai orang akan datang secara sukarela.

Dalam statistik yang dapat kita kumpul pada tahun-tahun kebelakangan ini, hanya kira-kira 1% sahaja orang yang sukarela, manakala yang lain-lain itu semua kena tangkap oleh polis dan masuk ke dalam pusat serenti, tidak ada kesukarelaan. Jadi, akta ini diharap mudah-mudahan boleh wujudkan satu suasana kesukarelaan untuk menggalakkan mereka. Dengan adanya Agensi Dadah Kebangsaan di seluruh negara, pegawai-pegawai ADK akan pergi berceramah, berdialog, menerangkan kepada ibu bapa dan orang awam termasuk jawatankuasa kampung yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya rasa ini akan menjadi satu kerjasama yang lebih luas, lebih erat di antara Kementerian Dalam Negeri dengan orang awam.

Serbuan polis memang itulah satu cara pada masa dahulu, tidak dapat kita elakkan kerana hampir tidak ada kesukarelaan. Kalau kita nampak begitu ramai penagih atau pengedar, kita tidak boleh tunggu sehingga dia sukarela, kita kena bertindak dengan cepat. Jawatankuasa Kampung kita alu-alukan mereka bantu dan apa-apa pun kita akan gunakan semua Pusat Khidmat ADK untuk jadikan satu network, dengan izin, untuk menghubungi mereka.

Bagi pengedar dan penagih ini kita kena bezakan dengan betul. Bagi pengedar kita tidak pernah kata tidak ada tempat hendak simpan mereka. Pengedar ini seorang pun kita tidak boleh lepaskan, kalau kita tahu. Pengedar ini bukan sahaja kita bertindak tegas, bukan sahaja rampas dan lucut harta-benda dia, tetapi kalau kuantiti dadah itu sudah cukup bukti, priority dakwa dia di bawah seksyen 39B - mandatori gantung, itu yang paling utama, tidak ada tolak ansur. Jadi bukan sahaja setakat lucut harta-benda dia, kita hendak beri deterrent. Seksyen 39B kalau disabit, hukumannya ialah mandatori mati.

Sebagai contoh ialah dalam tahun ini, 10 bulan sahaja, jumlah orang yang ditangkap di bawah seksyen 39B seramai 1,488 orang - dalam masa 10 bulan sahaja. Bagi mereka yang ditangkap di bawah seksyen 39A, ini kalau disabit, boleh disabit, boleh dimasukkan ke penjara sampai 20 tahun atau seumur hidup. Sejumlah 2,284 orang bagi mereka yang ditangkap di bawah Langkah-langkah Pencegahan Khas. Ini kalau kita sudah pasti dia mengedar. Tetapi mereka ini pandai sangat, dia tidak simpan dadah, dia ketua, dia suruh orang bawa dadah, dia tidak simpan. Kalau pergi mahkamah, mungkin susah hendak sabitkan dia. Kumpulan ini pun kita tidak melepaskan mereka. Kalau ada saksi-saksi yang cukup, kita tetap akan tahan mereka di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) iaitu kita masukkan ke pusat pemulihan akhlak - ini bukan pusat serenti. Pusat pemulihan akhlak adalah seperti penjara tetapi mereka masuk ke situ tetap akan kena jalankan program pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi, saya hendak betulkan angka.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk mendapat penjelasan sedikit. Mengikut Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi, yang telah ditahan di bawah seksyen 39B sejumlah 1,484 orang sehingga ini - 10 bulan, daripada jumlah tersebut berapakah yang sudah mendapat hukuman gantung?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerana dia baru ditahan dalam 10 bulan ini, banyak kes ini sedang dibicara dan selalunya perbicaraan ini mengambil masa lama, terutamanya yang melibatkan mandatori gantung, mereka tetap akan merayu ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Agung dan

selalunya ia mengambil masa panjang. Jadi, kalau hendak tahu hasil statistiknya, dia mengambil beberapa tahun baru boleh tahu. Ada satu kes bicara sampai 8 tahun baru tahu keputusannya.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 39B dalam kes ini sudah berapa ramai yang telah pun ditangkap, tetapi akhirnya dalam mahkamah tidak ada bukti prosecution, dia pun lepas.

Dato' Ong Ka Ting: Saya baru kata di bawah seksyen 39A dan 39B kalau tidak cukup bukti, mahkamah lepaskan, kalau kita sudah percaya, sudah yakin, sudah pasti, tidak ada ragu-ragu, kita gunakan Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) iaitu tangkap dia di luar mahkamah. Itu sebabnya dalam Dewan Rakyat, Yang Berhormat Tuan Karpal Singh selalu marah kata kita tidak ada demokrasi, apa hak asasi manusia. Dia tidak kira orang ini sudah menghancurkan berapa keluarga, dia jual dadah, dia sudah binasakan berapa keluarga yang baik. Selalunya kerana isu ini saya gaduh dengan dia di Dewan Rakyat, tetapi LLPK ini kita tetap tidak bertolak ansur.

Kalau hendak kata jumlah berapa orang kita telah tahan di bawah LLPK, sejak tahun 1988 hingga 1997, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini adalah diberi kuasa oleh Parlimen, termasuk Dewan Negara ini, telah memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah tahanan dua tahun dan boleh lanjut dua tahun, lanjut, lanjut sampai tak terhingga, tetapi kuasa itu kena balik ke Parlimen tiap-tiap lima tahun. Kita sudah gunakan sejak tahun 1988 hingga sekarang dan kuasa ini telah digunakan untuk menangkap seramai 7,544 orang sehingga bulan Oktober dan kuasa ini masih kita gunakan. Jadi, harap kalau dengar ada peguam yang cuba menjadikan isu ini - bukan peguam di sinilah - selalunya ada segelintir peguam suka kata hak asasi, mereka ini sebenarnya bukan pertahankan hak asasi, dia cuba hendak lawan usaha penguatkuasaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya telah menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat. Bagi perkara yang kalau tidak sempat saya jelaskan dengan sempurna, saya berjanji saya telah pun buat nota tentang apa yang dibangkitkan tetap akan diberi perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN AIR
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.16 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta yang dinamakan Akta Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang berhubungan dan pembekalan dan pembahagian air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk, antara lain, memansuhkan Undang-undang Wilayah Persekutuan (Enakmen Bekalan Air) 1974 dan membolehkan Kerajaan Negeri Selangor ataupun mana-mana pihak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk terus menyediakan bekalan air untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan.

Keperluan rang undang-undang baru bagi Wilayah Persekutuan adalah berikutan dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor menggubal satu undang-undang baru iaitu Enakmen Pembekalan Air 1997 (No. 1/97). Enakmen baru ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 14 April 1997 dan telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1997 melalui P.U. Selangor 27/1997. Dengan

wujudnya undang-undang baru ini, Enakmen Bekalan Air Selangor iaitu Enakmen No. 203 (N.M.B. Bab 203) telah dimansuhkan. Enakmen Pembekalan Air Negeri Selangor 1997 yang baru berkuatkuasa mempunyai, antara lain, beberapa perkara seperti berikut:

- (i) memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk membuat perjanjian dengan pemegang lesen ataupun mana-mana orang atau kumpulan orang bagi menswastakan kesemua atau sebahagian pengagihan bekalan air atas apa-apa syarat dan terma yang difikirkan perlu;
- (ii) memastikan pengurusan dan pengawalan air di negeri Selangor akan menjadi lebih sempurna dan cekap;
- (iii) mensyaratkan kepada pembekal-pembekal bekalan air untuk mendapatkan lesen dengan satu fee untuk satu tempoh dan dalam bentuk sebagaimana boleh ditentukan oleh pihak berkuasa negeri; dan
- (iv) memperuntukkan penalti yang lebih berat berbanding dengan enakmen yang sedia ada bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang baru yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, keseluruhan pembekalan air di negeri Selangor diselenggarakan oleh Jabatan Bekalan Air Selangor di bawah kuasa yang diberi oleh Enakmen Bekalan Air Selangor atau Enakmen No. 203 (N.M.B. Bab 203). Selepas pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pembekalan air di Wilayah Persekutuan terus dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Selangor melalui satu perintah, iaitu Perintah (Enakmen Bekalan Air) Wilayah Persekutuan 1974 yang diwartakan melalui P.U. (A) 153/74 dan berkuatkuasa mulai 1 Februari 1974.

Perubahan kepada Enakmen Bekalan Air Negeri Selangor ini, antara lain, memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk melantik mana-mana orang ataupun kumpulan orang bagi menswastakan kesemua ataupun sebahagian pengagihan bekalan air atas apa-apa syarat dan terma yang difikirkan perlu. Ini bermaksud bahawa pengagihan air kepada pengguna-pengguna boleh dijalankan oleh pihak lain selain daripada Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor. Peruntukan ini mempunyai

kesan yang besar terhadap bekalan air kepada pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan memandangkan Perintah (Enakmen Bekalan Air) Wilayah Persekutuan 1974 hanya membenarkan Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor untuk membekalkan pengagihan air untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan. Ini bermakna perintah ini tidak membolehkan mana-mana pihak selain daripada Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor untuk menyediakan bekalan air kepada pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan.

Bagi memastikan bekalan air kepada pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan tidak terjejas, adalah perlu satu undang-undang baru pembekalan air bagi pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan yang selaras dengan Enakmen Bekalan Air Negeri Selangor 1997 diwujudkan di Wilayah Persekutuan. Undang-undang baru ini akan membolehkan pihak Kerajaan Negeri Selangor ataupun mana-mana pihak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan bekalan air untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara peruntukan-peruntukan utama di dalam Enakmen Pembekalan Air Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1997 adalah seperti berikut:

Tarikh berkuatkuasa.

Akta akan berkuatkuasa pada tarikh yang dipersetujui oleh Menteri dengan mewartakannya.

Perundangan yang digunakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Undang-undang yang berkaitan dengan bekalan dan pengairan air di negeri Selangor akan digunakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan pengubahsuaian yang mana diperlukan. Pengubahsuaian ini boleh dilakukan oleh Menteri bertujuan untuk mengelakkan sebarang masalah sekiranya ia digunakan di Kuala Lumpur.

Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab ke atas perkara-perkara mengenai Air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pihak berkuasa di dalam pembekalan dan pembahagian air di negeri Selangor akan bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan Persekutuan ke atas perkara-perkara berkaitan. Walau bagaimanapun, ia tidak akan menahan pihak Kerajaan Persekutuan dari menjalankan kuasa dan fungsinya bagi perkara-perkara tersebut di bawah Undang-undang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pemansuhan.

Berikut dengan wujudnya enakmen ini, Enakmen Bekalan Air (N.M.S 203) tidak akan digunapakai di Kuala Lumpur. Selain daripada itu, Undang-undang Wilayah Persekutuan (Enakmen Bekalan Air) 1974 juga akan termansuh. Walau bagaimanapun, peraturan subsidi di bawah Enakmen Bekalan Air (N.M.S 203) dan yang berkuatkuasa di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan terus digunapakai sehingga ia dimansuhkan, dipinda atau diganti dengan peraturan yang baru yang berkaitan dengan bekalan air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang baru ini menerima pakai Enakmen Bekalan Air Selangor 1997 kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan pengubahsuaian yang perlu mengikut konteks. Namun demikian, Menteri diberi kuasa untuk membuat perintah mengenai apa-apa pengubahsuaian yang perlu selaras dengan peruntukan Enakmen Bekalan Air Selangor bagi menghapuskan sebarang kesulitan dalam pemakaian enakmen tersebut di Wilayah Persekutuan.

Di bawah undang-undang baru ini, Pihak Berkuasa Air Selangor diberi kuasa untuk menjalankan fungsi dan kuasa di bawah Enakmen Bekalan Air Selangor bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh juga menjalankan kuasa dan fungsi sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan kewangan tambahan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Ghazi.

9.24 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi pembentangan dan penerangan yang begitu jelas mengapa rang undang-undang ini diperlukan.

Beberapa perkara penting yang saya hendak sebut mengenai air ini kerana kita mengetahui bahawa air adalah pemberian Tuhan semula jadi. Kita kadang-kadang, dengan izin, take for granted tentang pemberian Ilahi ini dan kalau kita melihat dan baca penulisan oleh ahli-ahli yang melihat masa depan, dikatakan bahawa air akan menjadi satu scarce resource yang boleh menyebabkan peperangan dunia masa depan sebab air terlalu amat mustahak pada masa depan. Oleh kerana itu, pertama sekali saya ingin menyokong pembentangan rang undang-undang ini dengan menekankan bahawa pengurusan air di peringkat negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan memang perlu diperkemas dengan rang undang-undang yang telah disampaikan tadi. Cuma oleh kerana kita mengetahui juga dalam negara kita air ini adalah di bawah tanggungjawab dan kuatkuasa setiap kerajaan negeri, melalui proses penswastan yang kita faham, kerajaan negeri boleh membuat keputusan untuk menswastakan soal pengurusan air ini bermula daripada treatment plant, dengan izin, loji memproses air terus kepada distribution dan jualan. Tetapi menyedari bahawa air ini pada masa depan akan menjadi satu bahan yang terhad, macam saya kata boleh menjadi isu yang boleh menyebabkan suasana yang menjadi kegawatan ekonomi macam kita menyedari masalah ekonomi sekarang.

Saya rasa elok pihak Kerajaan Persekutuan kalau boleh saya sarankan supaya melihat perkara ini sekarang dan bermula untuk mewujudkan badan di peringkat kebangsaan untuk mengawal selia dan membuat perancangan-perancangan yang tertentu dan, kalau diperlukan, dimasukkan akta-akta yang tertentu supaya sumber air ini dapat dikawal di peringkat nasional, peringkat kebangsaan kerana, kalau tidak, pengalaman kita umpamanya kita ingat dalam beberapa tahun lepas di mana Kerajaan Negeri Melaka menghadapi masalah kekurangan air, dia mesti minta pada jirannya. Bila minta kepada jiran

dia, oleh kerana jiran itu privatise, jadi soalnya dia mesti bercakap 'talk terms', dengan izin, atas dasar perniagaan sedangkan asal-usul sumber air itu sendiri adalah natural. Jadi, kalau dapat kita pisahkan di antara sumber air yang diberi oleh Tuhan secara alam semula jadi ini dapat di bawah kekuasaan Kerajaan Persekutuan, maka pengagihan kalau ada timbul kekurangan di satu-satu tempat, soal pengagihan hendak dibawa dari satu negeri ke negeri yang lain, di mana perlu, lebih senang diperkembangkan.

Saya tekankan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana memandangkan kepentingan rakyat kita tidak hendak bila kita menghadapi masalah ekonomi, masalah soal untung rugi syarikat yang mengendalikan pengurusan mengenai air ini terjejas kepada keperluan asas rakyat di semua negeri. Itu saya rasa amat mustahak.

Saya mendapat faham beberapa tahun dahulu pihak Kerajaan Persekutuan memang telah mula mengambil langkah ke arah ini tetapi kita juga memahami bahawa kerajaan-kerajaan negeri tidak begitu senang hati. Pada saya, tak apalah, itu first round, sekarang dengan keadaan ekonomi yang realistik yang berlaku sekarang bukan lagi kita meng'anticipate' problem, bukan hanya kita mengandaikan yang masalah itu akan datang, kita sudah melihat masalah itu di tapak tangan kita sekarang dalam bentuk yang berlainan. Maka, insya-Allah, kalau sekarang kita mengulang kaji pendekatan yang kita hendak dahulu dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memikirkan tentang hal ini dahulu, tetapi kerajaan-kerajaan negeri nampak kurang senang dengan pendekatan ini. Saya rasa inilah masanya untuk di'review'kan sebelum ianya menjadi masalah yang rumit.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini mungkin menjadi lebih rumit kerana dalam kita mempersoalkan isu alam sekitar, kita selalu mengatakan bahawa oleh kerana pertumbuhan hebat di sana-sini, projek-projek pembangunan dan sebagainya berlaku di sekitar, maka anak-anak sungai kita, sumber mendapan air telah pun tercemar, bila tercemar, inilah bahan mentah tempat punca datangnya air di mana loji-loji ini akan mendapat air untuk memproses. Jadi,

soal mendapat air yang bersih untuk keperluan harian oleh masyarakat di Malaysia atau di negara kita yang tercinta ini akan juga terjejas melalui proses ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah tentang usaha kerajaan mengenai penjimatan air. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Selangor telah melancarkan program atau Kempen Jimat Air, yang dilancarkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Saya percaya Kempen Jimat Air diperlukan oleh semua negeri, cuma sama ada masalah itu datang sekarang (immediate) ataupun tidak, lambat-laun ianya akan datang. Adanya Kempen Jimat Air ertinya kita sudah kekurangan, oleh kerana itu kita kena jimat. Jadi, dalam hal ini kita menyedari, mengikut kajian yang saya dapat tahu daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, dalam usaha hendak mengedarkan air daripada kilang-kilang ataupun loji-loji pemprosesan air bersih ini terdapat kerugian dianggarkan hampir sebanyak 40%. Ertinya kalau 1,000 gelen, kalau disebut 'gelen', dikeluarkan daripada loji ini untuk dihantar ke satu daerah, sebelum dia sampai ke tempat sasaran sudah rugi, hampir-hampir dianggarkan 40%. Ini adalah satu angka kerugian yang amat besar dan kerugian ini adalah kerugian sumber negara yang amat mustahak, yang amat bernilai. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan bahawa dalam usaha kita melihat, memotong belanjawan dari segi menghadapi kegawatan ekonomi ini, kita juga patut melihat dengan lebih serius tentang

sumber yang rugi dengan cara tidak disadari. Mungkin setengah-setengah projek saya pernah sebut supaya negeri-negeri melihat dengan lebih teliti untuk memberi pertimbangan yang mana hendak dipotong dan yang mana tidak mahu dipotong.

Kita takut kalau negeri ini yang dalam kehairahan memotong, oleh kerana sesuatu objektif yang tertentu, maka terpotong projek-projek yang tidak patut dipotong. Jadi, dalam hal ini kita patut juga memberi perhatian kepada sumber air yang berharga, yang sedang rugi, dengan cara tidak disadari sebanyak 40%. Kalaulah kita boleh membuat kajian dari segi belanjawan dalam masa kita sedang menghadapi masalah ekonomi ini, yang mungkin dibuat pelaburan untuk jimat (save), dengan izin, yang rugi ini daripada 40%. Kalau 50% sahaja boleh kita mula save, ini adalah amat besar kebaikannya kepada pihak kerajaan itu sendiri dan saya percaya masalah ini dihadapi oleh tiap-tiap negeri.

Usaha kerajaan dalam Kempen Jimat Air di peringkat penduduk-penduduk sendiri atau pengguna di peringkat rumah, di peringkat badan-badan komersial dan kilang, pada saya ini adalah satu kempen yang lebih berunsur psikologi. Hasil saving atau penjimatannya mungkin begitu ketara, tetapi usaha-usaha ini perlu diteruskan untuk menukar minda masyarakat, supaya kita mendapat penjimatan dalam serba-serbi, bukan sahaja berjimat dari segi membelanja barang-barang yang tidak diperlukan, selaras dengan usaha

kerajaan untuk mengawal infasi, mengurang import dan sebagainya, malah sumber air sendiri pun hendak kita jimatkan.

Itu sahajalah yang hendak saya perkatkan dan lagi sekali saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat silakan.

9.35 mlm.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak balik awal agaknya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Ghazi bin Haji Ramli yang telah mengambil bahagian membahaskan mengenai Rang Undang-undang ini.

Saya memang bersetuju bahawa air ini memanglah pemberian semula jadi daripada Allah S.W.T sebab itulah mana-mana negeri sekali pun, apabila pembekalan air kepada pengguna-pengguna terutama sekali bagi rakyat di sesebuah negara, kita tidak boleh mengenakan caj yang tinggi, sebab air ini adalah pemberian asli daripada Allah S.W.T. Mana-mana negara yang mengambil berat supaya bayaran atau caj air ini tidak tinggi kepada penggunanya, maka insya-Allah, negara itu akan sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah S.W.T, kerana rakyat akan sentiasa berdoa kepada kerajaan, oleh sebab itu tidak dikenakan dengan bayaran yang tinggi.

Selain daripada itu kalau sekiranya kerajaan mengenakan bayaran hanyalah kerajaan memikirkan dari segi belanja perkhidmatan yang dikenakan kepada orang-orang tertentu, pada kerajaan menyiapkan loji airnya, paipnya dan juga memberi upah kepada orang-orang yang membaca meter air di tiap-tiap tempat. Itulah yang kerajaan kita mengenakan sedikit-sebanyak caj kepada pengguna-pengguna.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Ghazi juga menyentuh mengenai dengan air ini perlu dikawal oleh Kerajaan Persekutuan. Ini memang Yang Berhormat sendiri maklum dan ramai di antara kita ketahui, memang pada mulanya ada kita menyarankan demikian rupa. Tetapi oleh kerana mengikut Perlembagaan dan peruntukan-peruntukan tertentu, memang ada di antara perkara itu mesti dijalankan oleh kerajaan negeri dan ada yang diselaraskan oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh kerana kebanyakan negeri-negeri tidak bersetuju bekalan air ini diuruskan oleh pihak Kerajaan Pusat, tetapi banyak perkara-perkara lain yang kita cadangkan, pihak kerajaan negeri juga mengambil kira. Di antaranya ialah kalau sekiranya sebuah kerajaan negeri itu mempunyai bekalan air bersih yang agak lebih surplus, maka eloklah kerajaan negeri itu membekalkan kepada kerajaan negeri lain yang kekurangan air. Inilah yang sedang dilaksanakan oleh negeri-negeri yang terlibat dan mana-mana negeri yang bekalan airnya banyak boleh membekalkan kepada negeri-negeri jiran mereka atau mana-mana negeri yang kekurangan.

Selalunya bekalan air ini datangnya ialah daripada sungai, jadi mana-mana negeri yang mempunyai sungai yang panjang dan besar, memanglah bekalan airnya banyak, maka sudah tentu negeri ini berkesanggupan untuk membekalkan air ke negeri-negeri lain termasuklah negeri Pahang itu sendiri dan inilah yang kita dapat selaraskan di antara kerajaan- kerajaan negeri di seluruh negeri kita.

Selain daripada itu, kita juga memastikan supaya mana-mana bekalan air yang dibekalkan kepada pengguna mestilah air itu dirawat dengan baik sekali, bahkan kita mengharapkan supaya bekalan air yang keluar daripada paip air di negara kita ini boleh diminum terus. Jadi, mana-mana bekalan air yang dicemari oleh minyak atau lain-lain perkara atau oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, maka kerajaan juga akan mengambil tindakan yang sesuai supaya mana-mana syarikat lain tidak mencemarkan air itu sendiri. Kadangkala di luar kuasa kita, kerana bekalan air yang kita dapat daripada bekalan asal telah dicemari, maka kadangkala air yang kita bekal itu juga dicemari. Oleh itu, adalah menjadi hak kita bersama supaya menjaga punca-punca air yang kita bekalkan kepada pengguna-pengguna tidak dicemari oleh mana-mana pihak.

Setakat itu sahajalah yang saya hendak jawabkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa soalan dan saya bersetuju sebagaimana non-revenue water ataupun air bocor,

di negeri Selangor 36%. Jadi kita jangkakan kalau diswastakan perkara ini akan diambil berat supaya kebocoran ini dapat dikurangkan.

Kita mengharapkan dalam konsensi 30 tahun akan datang ia akan menurun kepada 10% atau 15%. Di antara negeri-negeri yang terbaik bekalan air yang kurang bocor sekarang ialah Pulau Pinang dan yang teruk saya ingat Sarawak, Sabah dan juga Pahang kerana terlalu jauh dari batang paip itu. Apabila terlalu jauh kita tidak dapat kesan di mana tempat yang bocor. Jadi, ini adalah dalam usaha kerajaan juga untuk memperbaiki semua batang paip yang lama diganti dengan baru supaya masalah kebocoran air ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 -

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin mendapat penjelasan sama ada di bawah Fasal 3(2) kuasa dan fungsi Kerajaan Persekutuan ini boleh meliputi satu kuasa untuk menubuhkan Majlis Air Negara untuk mengawal selia penswastan air, pembekalan air dan pembahagian air sepertimana yang telah dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Dalam peruntukan ini jelas, walaupun Rang Undang-undang ini kita luluskan, maknanya kalau sekiranya perkara itu hendak dijalankan oleh Wilayah Persekutuan boleh dibincangkan, tetapi bukan kita menyerahkan kuasa itu kepada Kerajaan Persekutuan, hanya di antara Wilayah Persekutuan dengan kerajaan negeri. Mana-mana perkara yang hendak dirundingkan bagi menentukan bekalan air ini, sama ada di bawah pengelolaan penswastan di bawah Wilayah Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri Selangor boleh dirundingkan, sebagaimana dinyatakan di dalam Akta yang saya nyatakan tadi, tetapi tidak di bawah Kerajaan Persekutuan.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG TATACARA
JENAYAH (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.45 mlm.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bagi memastikan bahawa proses pengeluaran saman persendirian dan perjalanan pendakwaan di mahkamah adalah selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang seksyen 133 hingga 136 Kanun Tatacara Jenayah membenarkan majistret mengeluarkan saman atas aduan mana-mana orang persendirian di bawah peruntukan yang sedia ada. Saman bagi maksud itu dikeluarkan dan pendakwaan dimulakan tanpa pengetahuan pendakwa raya.

Peruntukan seksyen 133 hingga 136 ini dicabar dalam satu kes di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur baru-baru ini iaitu kes No. 854792. Antara lain atas alasan bahawa peruntukan itu bertentangan dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya pendakwa raya dilibatkan dalam proses pengeluaran saman persendirian maka adalah dijangkakan bahawa cabaran seperti dalam kes yang disebutkan tadi tidak akan berbangkit lagi.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk memastikan bahawa pendakwa raya dilibatkan dalam proses pengeluaran saman persendirian ialah

pindaan kepada seksyen 133, 134 dan 135 Kanun Tatacara Jenayah. Melalui pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 133 dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini, majistret yang hendak mengendalikan suatu permohonan daripada seorang pengadu supaya saman dikeluarkan bagi satu kesalahan hendaklah memberikan notis kepada pendakwa raya tentang aduan yang diterima olehnya dan tarikh dia akan memeriksa pengadu itu. Pendakwa raya akan berhak hadir dan membantu majistret dalam pemeriksaan pengadu itu.

Pendakwa raya juga boleh mengarahkan supaya polis menyiasat kesalahan yang diadukan. Jika arahan sedemikian diberikan, maka majistret tidak boleh meneruskan pemeriksaan pengadu itu dan kes ini akan menjadi kes polis.

Melalui pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 134 dalam Fasal 3 Rang Undang-undang, pendakwa raya akan juga diberi peluang untuk hadir dan membantu majistret semasa majistret itu menjalankan siasatan. Jika majistret itu tidak berpuas hati bahawa aduan yang dibuat itu benar, jika majistret mengarahkan siasatan sedemikian dijalankan oleh pihak polis, seperti yang dibenarkan sekarang oleh seksyen 134 itu, maka pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 134 akan mengehendaki pihak polis memberikan laporan tentang siasatan itu tidak sahaja kepada majistret itu tetapi juga kepada pendakwa raya.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 135 dalam Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan membolehkan Pendakwa Raya menghentikan proses pendakwaan dalam kes saman persendirian, selaras dengan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Oktober 1997, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat penghakiman dalam kes *Repco Holdings Berhad lwn. Pendakwa Raya* yang mengatakan bahawa peruntukan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 adalah bertentangan dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tidak sah. Peruntukan dalam kedua-dua akta itu membenarkan pendakwaan dijalankan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti. Menurut mahkamah, kuasa untuk menjalankan pendakwaan terletak hanya kepada pendakwa raya dan oleh itu hanya pendakwa raya dan orang yang diberi kuasa atau dibenarkan oleh pendakwa raya boleh menjalankan pendakwaan.

Ekoran daripada keputusan dalam kes ini, beberapa cabaran telah dibuat di mahkamah terhadap pendakwaan dalam kes-kes di bawah undang-undang yang lain, yang mempunyai peruntukan yang serupa dengan peruntukan yang dipertikaikan dalam kes Repco. Contohnya kes saman No. 6358/97 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang melibatkan pendakwaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Adalah dikhuatiri bahawa cabaran-

cabaran yang dibuat itu akan menggagalkan tindakan penguatkuasaan di negara ini.

Ada dua pilihan untuk mengatasi keputusan dalam kes Repco itu, iaitu:

- (a) meminda Kanun Tatacara Jenayah; atau
- (b) meminda semua undang-undang yang mempunyai peruntukan yang serupa dengan peruntukan yang dipertikaikan dalam kes Repco.

Kerajaan berpendapat bahawa adalah lebih menyeluruh dan mudah jika pindaan dibuat kepada Kanun Tatacara Jenayah. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 377 dan 380 iaitu dalam Fasal 6 dan 8 Rang Undang-undang ini akan memastikan bahawa hanya orang-orang tertentu yang diberi kuasa secara bertulis oleh pendakwa raya akan boleh menjalankan pendakwaan di mahkamah. Bagaimanapun bagi kes-kes saman persendirian, peruntukan sedia ada yang membolehkan orang itu menjalankan pendakwaan sendiri atau melalui peguam adalah dikekalkan.

Bagi memastikan bahawa peruntukan dalam undang-undang lain yang tidak selaras dengan keputusan dalam kes Repco itu dapat diatasi, adalah dicadangkan dalam Fasal 9 Rang Undang-undang ini, supaya suatu seksyen baru iaitu 380A dimasukkan ke dalam Kanun Tatacara Jenayah untuk menjadikan peruntukan seksyen 377 dan 380 mengatasi peruntukan undang-undang lain itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu adalah difikirkan wajar bahawa semua pendakwaan di mahkamah dikendalikan oleh pegawai yang khusus dilantik untuk menjalankan pendakwaan.

Bagi memperkemaskan urusan pengendalian pendakwaan oleh pegawai sedemikian, adalah dicadangkan supaya pegawai itu menjalankan tugas pendakwaan yang sesuai, pengalaman dan skim jawatan mereka. Bagi maksud penyusunan dan pembahagian tugas sedemikian, adalah dicadangkan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini supaya seksyen 376, Kanun Tatacara Jenayah dipinda untuk membolehkan Penolong Pendakwa Raya dan Timbalan Kanan Pendakwa Raya dilantik.

Selain dari pindaan yang dinyatakan tadi, Rang Undang-undang ini juga dibentangkan dengan tujuan untuk memastikan bahawa hanya Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya dan Timbalan Pendakwa Raya berhak mengendalikan rayuan kes jenayah. Ini adalah selaras dengan amalan yang sedang berjalan sekarang. Pindaan yang dimaksudkan ialah pindaan kepada seksyen 378 Kanun Tatacara Jenayah seperti yang terdapat dalam Fasal 7 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Rang Undang-undang ini juga mencadangkan sedikit pindaan kepada seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen itu memelihara sesuatu keputusan hukuman atau perintah yang dibuat oleh mahkamah daripada diakaskan atau dipinda semata-mata atas alasan

terdapat ketakteraturan atau kesilapan dalam aduan, saman, waran, pertuduhan, penghakiman, penyemakan senarai juri atau pengapit, kelayakan juri atau pengapit, arahan kepada juri atau pengapit dan sebagainya, asalkan ketakteraturan itu tidak menjejaskan keadilan.

- (a) Pindaan yang dicadangkan ialah memasukkan sebutan tentang 'keizinan Pendakwa Raya' memandangkan bahawa keizinan Pendakwa Raya diperuntukkan dalam seksyen 177A Kanun Tatacara Jenayah bagi kes yang dahulunya dibicarakan dalam perbicaraan mengenai 'juri' atau 'pengapit'; dan
- (b) Mengeluarkan peruntukan yang berkaitan dengan 'juri' atau 'pengapit' berikutan dengan penghapusan perbicaraan dengan 'juri' dan 'pengapit'. Pindaan ini tidak dapat dibuat sebelum ini kerana peruntukan dalam seksyen 422 itu masih perlu bagi maksud pembicaraan sedemikian yang belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun

Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu lagi Rang Undang-undang?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tidak ada. Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Usul daripada Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim. Semua sudah selesai, tetapi perbahasan akan disambung lagi sehingga habis Usul. Usul atas nama Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

USUL-USUL

Pencemaran Alam Sekitar - Penekanan Terhadap Dasar, Perancangan dan Undang-undang di peringkat Nasional dan Antarabangsa

9.58 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membentangkan usul untuk sama-sama kita menghayati cabaran alaf 21 yang merupakan cabaran utama iaitu alam sekitar (environment).

Tuan Yang di-Pertua, jerebu telah meliputi negara selama hampir empat minggu di kawasan-kawasan Kuala Lumpur, Kuching dan kawasan-kawasan bandar. Jerebu dan gas yang dikeluarkan merupakan satu manifestasi realiti dan hakiki ramalan kesan rumah hijau (the green house effect), dengan izin, yang telah diperundangkan sebagai Deklarasi Rio 1992.

Pencemaran, dengan izin, transboundary, Chernobyl explosion di Soviet Union dan Sandospil di Switzerland, juga merupakan insiden-insiden yang mengancam alam sekitar dan menghakis hak asasi manusia kepada udara yang bersih. Begitu juga hak air minum yang bersih dan cahaya matahari.

Air merupakan satu elemen yang juga penting yang kita juga bincangkan tadi di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Air Wilayah Persekutuan. Kalau kita lihat kepada apa yang telah berlaku di Bosnia dan juga Somalia, air adalah merupakan satu alat peperangan di mana Serb menyerang Bosnia dengan menutup sumber air. Oleh kerana tidak ada air maka mereka telah pergi ke perigi dan mereka telah ditembak semasa menunggu air. Begitu juga di Somalia, sumber-sumber air ditutup ataupun dihalang hingga mereka mati kebuluran.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tragedi yang telah terjadi dan disaksikan oleh kita semua, saya dengan ini mengusulkan bahawa kita perlu memberi keprihatinan, penekanan dan tindakan yang lebih serius mengenai dasar-dasar perancangan dan undang-undang di peringkat nasional dan antarabangsa yang melibatkan pencemaran alam sekitar, terutamanya yang menjejaskan hak asasi mendapatkan udara bersih, begitu juga bekalan air minum bermutu dan perlindungan alam sekitar

keseluruhannya dari segi pertimbangan ekologi, pemeliharaan pokok dan juga pembangunan pembinaan.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kita sebagai satu generasi kini perlu bertanggungjawab untuk memastikan generasi akan datang akan mewarisi satu bumi yang bersih dengan air dan cahaya matahari dan juga bekalan udara yang bersih yang mana generasi akan datang akan dapat menikmatinya seperti kita menikmati sekarang. Mungkin semua kita dapat membaca satu isu istimewa *Time Magazine* yang bertajuk, dengan izin, '*Our placid planet and why saving the environment will be the next Century's biggest challenge*'.

Patutlah kita semua berprihatin bahawa generasi akan datang juga mempunyai hak kepada alam sekitar yang bersih lagi sihat dan perlulah kita semua sama-sama berganding bahu bersatu tenaga untuk bersama-sama memastikan bahawa pemeliharaan alam sekitar sama ada dari segi undang-undang, dari segi pelaksanaan, perancangan, pembangunan, dari segi penyelamat dan dari segi kita menjimatkan air dan juga kita memastikan penggunaan automobil dan juga pencemaran di kawasan-kawasan industri sebenarnya terkawal dan dikawal selia dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah usul yang saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada ahli menyokong?

10.04 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyokong sekuat-kuatnya penyampaian yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh kerana penerangannya begitu amat jelas tentang isu-isu ini, saya berpendapat kita boleh sokong terus tanpa bahas lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu bahas lagi?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul atas nama Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim, iaitu:

Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan memberi perhatian, penekanan dan tindakan yang lebih serius mengenai dasar-dasar, perancangan dan undang-undang di peringkat nasional dan antarabangsa yang melibatkan pencemaran alam sekitar terutamanya yang akan menjejaskan hak asasi mendapatkan udara bersih, bekalan air

minum yang bermutu dan perlindungan alam sekitar keseluruhannya dari segi pertimbangan ekologi, pemeliharaan pokok dan pembangunan pembinaan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan memberi perhatian, penekanan dan tindakan yang lebih serius mengenai dasar-dasar, perancangan dan undang-undang di peringkat nasional dan antarabangsa yang melibatkan pencemaran alam sekitar terutamanya yang akan menjejaskan hak asasi mendapatkan udara bersih, bekalan air minum yang bermutu dan perlindungan alam sekitar keseluruhannya dari segi pertimbangan ekologi, pemeliharaan pokok dan pembangunan pembinaan.

Pengiktirafan dan Perlindungan Terhadap Hak Asasi Kanak-kanak Di bawah Umur 18 Tahun

10.06 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana saya juga telah mengemukakan satu lagi usul yang saya juga anggap penting untuk kita menyediakan negara menghadapi alaf ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak atau anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun kita sedia tahu adalah amanah Tuhan kepada kita untuk kita pelihara dan kita jaga mereka agar mereka dapat membangun sebagai satu generasi yang akan mewarisi negara dan juga akan menjadi pemimpin-pemimpin dan penghuni-penghuni bumi Tuhan ini dalam keadaan yang lebih baik dan dalam pembangunan mereka yang mempunyai satu arah tuju yang jelas dan nyata.

Mereka perlulah diberi perlindungan dan mereka perlulah diberi pengiktirafan agar hak-hak asasi mereka dapat diberi perlindungan. Saya mengemukakan usul ini atas kesedaran dan keprihatinan dan sensitiviti yang begitu tinggi memandangkan kepada nasib kanak-kanak yang kadangkala banyak kita baca di akhbar-akhbar sama ada terbiar, teraniaya bukan sahaja oleh masyarakat yang luar daripada keluarga tetapi juga kadang-kadang daripada ahli-ahli keluarga mereka sendiri. Ini ialah kerana ramai di antara kita merasakan bahawa kanak-kanak yang begitu vulnerable, dengan izin, agak mudah untuk kita perkotak-katikkan kerana mereka tidak mempunyai tempat untuk mengadu. Mereka juga tidak tahu

bagaimana untuk memperlindungan diri mereka, dan kadangkala mereka sangat lemah jikalau mereka menghadapi tekanan-tekanan daripada orang dewasa.

Kita banyak membaca kanak-kanak yang telah teraniaya, iaitu telah dipukul, kanak-kanak yang secara inteleknya juga teraniaya, penjagaannya yang tidak sempurna, kanak-kanak juga didiskriminasi. Jikalau kita dapati di bawah jagaan-jagaan mereka yang dipercayai, juga terdapat penganiayaan di sekolah-sekolah, juga penganiayaan dalam masyarakat. Yang paling besar dapat saya lihat merupakan isu yang paling penting ialah kanak-kanak terbuka luas kepada pengaruh-pengaruh seperti Internet yang mempunyai bahan-bahan negatif tanpa ada apa-apa perlindungan. Kanak-kanak juga begitu bebas dalam menghadapi berbagai-bagai masalah environment sama ada dari segi sosial ataupun dari segi persekitaraan.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita memohon dan menggesa pihak kerajaan mengiktiraf kanak-kanak di bawah umur 18 tahun sebagai mempunyai hak-hak sepertimana yang diberi hak asasi warganegara. Mereka perlulah diberi hak untuk mendapat hak pemeliharaan dan penjagaan fizikal dan intelek. Ini bermakna bahawa kanak-kanak perlulah mendapat pendidikan secara mandatory atau compulsory, dengan izin, agar mereka dapat sebenarnya diberi penjagaan dari segi kesihatan dan dari segi fizikal. Walaupun kita tahu adanya peruntukan-peruntukan kesihatan untuk mereka, tetapi pada hemat saya masih tidak mencukupi, terutamanya dalam pembangunan intelek kanak-kanak yang berumur dari tiga tahun hingga empat tahun. Kita masih lagi tidak mempunyai tempat-tempat pembangunan intelek kanak-kanak yang sempurna yang telah mengambil kira latihan-latihan pendidik atau penjagaannya yang mempunyai keupayaan untuk membangun intelek kanak-kanak.

Saya juga ingin memberikan hak asasi kepada kanak-kanak supaya mereka tidak dijual beli. Kita tahu banyak kanak-kanak kecil yang baru lahir dijual beli tanpa ada apa-apa perlindungan. Mungkin agak sukar untuk kita mengetahui soal jual-beli tetapi buat masa ini kita tahu tidak banyak yang diperluaskan tentang undang-undang jual-beli kanak-kanak. Perlindungan deraan juga mungkin sekarang ini ada undang-undang yang memberi perlindungan deraan. Walau bagaimanapun, kita dapati penguatkuasaannya masih berkurangan. Tetapi jikalau kita dapat memberi hak asasi kepada kanak-

kanak itu, satu pengiktirafan dari segi undang-undang yang dibentuk untuk dijadikan hak kanak-kanak atau children's rights yang mana juga akan disamakan dengan hak kanak-kanak yang diperundangkan di bawah Konvensyen Hak Kanak-kanak United Nations, dengan izin.

Saya juga ingin menyarankan hak asasi kanak-kanak ini meliputi pendidikan, hak asasi kepada air, udara dan alam sekitar yang dipelihara, kerana ini juga tidak diberi pengiktirafan bahawa kita masih lagi tidak memberi penekanan yang cukup untuk memastikan bahawa generasi akan datang akan dapat mewarisi bumi yang sihat dengan air, udara dan alam sekitar yang terpelihara. Begitu juga hak pemakanan dan hak kebebasan asasi yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, hak-hak kanak-kanak sebenarnya telah pun digubal di peringkat antarabangsa, iaitu di peringkat United Nations, dengan izin. Cuma kita di sini tidak lagi memberikan dia sebagai satu deklarasi ataupun satu pengisytiharan hak kanak-kanak secara pengiktirafan dari segi undang-undang. Kerana dengan adanya deklarasi ataupun perlembagaan tersebut, saya percaya dan yakin banyak perkara yang menyentuh mengenai kanak-kanak termasuk juga kes-kes juvana dapat kita atasi dan kanak-kanak dapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, nasib kanak-kanak ini memang banyak yang kita tahu perlu dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa. Tetapi kadangkala dalam keadaan-keadaan tertentu ibu bapa cuai. Jikalau ibu bapa cuai, saya berpendapat bahawa masyarakat perlulah berperanan untuk membantu kanak-kanak ini. Untuk kita boleh membantu kanak-kanak ialah dengan ada penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan bahawa pihak kerajaan dapat memberi satu pengiktirafan dari segi undang-undang hak kanak-kanak yang disamakan dengan hak asasi warganegara sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

10.13 mlm.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Saya ingin menyokong usul yang telah dibawa oleh Puan Kamalia binti Ibrahim. Saya ingin memberi sedikit pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memperkatakan tentang hak ataupun hak asasi, saya ingin memberi pandangan supaya kita tidak terjerumus ke dalam stereotype definition ataupun tafsiran stereotype yang disebut oleh ramai mereka yang memperjuangkan hak asasi manusia pada hari ini. Kerana kesilapan boleh berlaku dengan menerima satu tafsiran hak asasi yang diasaskan kepada kebudayaan tertentu yang dominan di dalam percaturan kekuasaan dunia pada hari ini. Kita hendaklah mengasaskan pentafsiran hak asasi berdasarkan kepada acuan kita sendiri.

Sebagai contoh, umpamanya hak pemilikan harta-benda hendaklah diasaskan kepada undang-undang Faraid umpamanya. Saya tidak perlulah memberi pandangan yang panjang lebar. Cuma saya ingin menyatakan supaya apabila kita membincangkan tentang hak asasi kita hendaklah sentiasa ingat bahawa selama ini kita mempunyai kebudayaan kita sendiri yang mempunyai nilai-nilai yang murni, yang mempunyai pentafsiran kita sendiri di atas pengertian hak asasi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

10.15 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pentingnya usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim tadi. Sudah sampai masanya bagi kita memikirkan secara mana generasi akan datang sepatutnya mewarisi Malaysia ini atas acuan kita sendiri. Memang kita tahu pendedahan dan globalisasi budaya yang wujud sekarang ini menerusi media massa dapat menukar corak dan juga nilai kepada bangsa kita sendiri. Saya diberitahu di Amerika Syarikat dengan wujudnya hak-hak asasi tertentu sekarang ini telah wujud 30% daripada kanak-kanak yang dilahirkan adalah kanak-kanak luar nikah. Begitu juga di Eropah.

Jadi, keadaan semacam ini pada satu ketika nanti kita akan dilanda oleh kedudukan yang tidak boleh kita bayangkan bagaimana keadaan anak-anak luar nikah ini dijaga kerana mempunyai, dengan izin, single parent, iaitu ayah atau ibu yang tidak mempunyai pasangan yang sah dari segi agama, dari segi undang-undang. Perkara semacam inilah yang akan menular segala gejala-gejala sosial yang lebih teruk. Jadi, kita mengharapkanlah usul semacam ini dapat diterima dengan baik oleh semua pihak bagi mengatur strategi dan langkah ke arah menentukan alaf baru tahun-tahun yang akan datang dapat kita

acu dan bentuk satu masyarakat yang boleh diterima oleh Allah S.W.T. sebagai mewarisi zaman. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas lagi, kalau ada. Tidak ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul atas nama Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim:

Bahawa Dewan ini menggesa pihak kerajaan mengiktiraf kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun sebagai warganegara yang mempunyai hak-hak asasi mendapatkan hak pemeliharaan dan penjagaan fizikal dan intelek, hak tidak dijual beli, perlindungan deraan, hak pendidikan, hak asasi kepada air, udara dan alam sekitar yang dipelihara, hak pemakanan dan hak kebebasan asasi.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menggesa pihak kerajaan mengiktiraf kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun sebagai warganegara yang mempunyai hak-hak asasi mendapatkan hak pemeliharaan dan penjagaan fizikal dan intelek, hak tidak dijualbeli, perlindungan deraan, hak pendidikan, hak asasi kepada air, udara dan alam sekitar yang dipelihara, hak pemakanan dan hak kebebasan asasi.

Sokongan Terhadap Kepimpinan Negara Dan Pengiktirafan Hak Demokrasi

10.18 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik balik usul ini kerana ini telah pun dibincang dan dibahaskan dan telah disokong kerana ianya merupakan juga sebahagian daripada apa yang telah dikemukakan kepada usul Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Menilai Semula Sistem Pemberian Taraf Bumiputera

10.19 mlm.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya usul ini mencadangkan agar kerajaan menilai semula sistem pemberian taraf menyebut dengan diurus di bawah

satu jabatan kerajaan sama ada melalui Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Pembangunan Usahawan. Ini bertujuan untuk mewujudkan satu keberkesanan penglibatan usahawan bumiputera dalam perniagaan dan perdagangan sama ada sebagai pelabur, usahawan atau kontraktor. Maka lesen pendaftaran dan penilaian taraf bumiputera bolehlah diseragamkan dengan pengkhususan pegawai-pegawai kerajaan dari semua sektor.

Agensi kerajaan mengawal lesen dan pendaftaran perniagaan termasuk 'Turnkey' iaitu di Jabatan Perdana Menteri, pendaftaran Bahagian Kontrak dan Bekalan di Kementerian Kewangan, Pusat Khidmat Kontraktor di Kementerian Pembangunan Usahawan, Petronas dan lain-lain adalah memadai mengurus keberkesanan dalam perdagangan dan perniagaan dalam bidang-bidang masing-masing sahaja.

Dengan pelaksanaan sistem ini, akan berlaku beberapa pertindihan tugas dan peranan seperti contohnya, Pusat Khidmat Kontraktor di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB) di bawah Kementerian Kerja Raya, pendaftaran pelabur bumiputera di Kementerian Kewangan dan juga pendaftaran pelabur bumiputera di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Justeru itu, badan-badan ini hendaklah diselaraskan dengan membubarkan satu di antaranya dan memperkukuhkan mana-mana jabatan atau agensi yang dimaksudkan agar program kerajaan untuk mewujudkan usahawan bumiputera berjaya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya usul ini adalah bertujuan supaya memperkukuhkan semua agensi kerajaan yang membantu membangunkan usahawan kita sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera. Tetapi oleh kerana kita melihat melalui Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Nasional yang baru, iaitu meletakkan usahawan bumiputera ini sebagai satu daripada agenda penting dalam pembangunan ekonomi negara, maka oleh kerana permasalahan yang kita hadapi dari masa ke semasa, kita nampak oleh kerana semua agensi yang berkaitan dengan pendaftaran ataupun berkaitan dengan pengurusan serta penyeliaan usahawan dan kontraktor bumiputera agak bertindih di antara satu sama lain, maka pada hari ini melalui usul ini satu kajian semula agar kerajaan dapat menubuhkan sama ada sebuah jabatan penerapan usahawan dalam maksud kita dapat menjadi satu agensi yang lebih

berwibawa bagi menyediakan satu taraf bumiputera dan juga taraf usahasama yang mana telah digalakkan di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera berniaga, kemudian mungkin kita boleh juga melalui jabatan penarafan usahawan ini untuk mewujudkan taraf terbuka dan juga taraf antarabangsa. Jadi, tidak payahlah seseorang usahawan ataupun syarikat di negara kita ini untuk berkejar kepada sepuluh agensi kerajaan untuk mendaftar mendapatkan taraf, sama ada taraf bumiputera ataupun taraf usahasama.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap juga sama ada pembentukan jabatan penarafan usahawan ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri. Nama kepada jabatan ini sama ada ianya dalam bentuk jabatan ataupun dalam bentuk pusat sahaja ataupun dalam bentuk menubuhkan sebuah lembaga, itu terserahlah kepada kebijaksanaan kerajaan bagi melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, moga-moga dengan penubuhan jabatan ini ianya dapat memperkukuhkan kedudukan pusat maklumat bagi pihak kerajaan untuk mengawal dan menyelia serta mengurus pembangunan usahawan di seluruh negara kita. Kedua, dapat menyediakan piawaian ataupun standard pembangunan usahawan di negara kita, kerana pada hari ini kita bercakap masalah usahawan kecil, sederhana dan besar tetapi definisi secara khusus tidak ada agensi dalam negara kita sama ada MITI, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan lain-lain tidak dapat menyerahkan satu bentuk piawaian yang standard untuk kita mendefinisikan usahawan-usahawan kita.

Kita berharap melalui pendekatan yang kita cadangkan ini akan menyelaraskan keseluruhan pemberian taraf kepada usahawan-usahawan kita, moga-moga hasrat murni kerajaan untuk membangunkan usahawan bumiputera khususnya dan usahawan Malaysia amnya dapat diperkukuhkan kelak. Sekian, saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada ahli menyokong?

10.25 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh saudara saya, Yang Berhormat Senator Tuan Rosli bin Mat Hassan memandangkan pentingnya bagi kita menentukan tindakan reformatif yang telah kita buat selama ini menerusi Dasar

Ekonomi Baru dan juga disambung semula oleh Dasar Pembangunan Ekonomi Nasional, dapat terus menentukan pembahagian dari segi kegiatan-kegiatan ekonomi seimbang antara bumiputera dan bukan bumiputera bagi mencerminkan kedudukan bangsa yang bermartabat dan berrmaruah.

Saya rasa amat penting bagi kita menentukan dalam kita berdepan dengan keadaan kegawatan ekonomi dan kemelesetan Bursa Saham Kuala Lumpur, perkara ini diambil tindakan segera supaya apa yang kita telah capai pada satu ketika sehingga 19% ke-20% ekuiti bumiputera dalam syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur bukan sahaja dapat dipertahankan, tetapi sudah sampai masanya mungkin untuk kita meningkatkan lagi. Masa yang amat tepat dalam keadaan saham-saham yang menjunam turun pada 1,300 lebih indeksinya sehingga kepada 563 yang saya sebutkan pada 3.40 petang pada hari ini kita mengambil pendekatan untuk mencari jalan cara-cara hendak menguasai syarikat-syarikat tertentu. Kalau kita tidak berbuat demikian, saya khuatir ekuiti yang dipegang oleh masyarakat bumiputera yang dahulu mencapai sehingga 19%, 20% mungkin ketinggalan, mungkin berkurangan. Maklum sahajalah kebanyakan isu saham untuk bumiputera waktu itu dikeluarkan berasaskan kepada landasan pinjaman daripada perbankan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dalam kita berdepan dengan keadaan ekonomi meleset, kita sanggup mengadakan dana bantuan untuk menentukan dari segi IKS, dari segi membentuk satu golongan masyarakat pertengahan, bukan sahaja masyarakat pertengahan Melayu tetapi juga masyarakat pertengahan Malaysia seluruhnya, kerana kekuatan sesebuah ekonomi bergantung kepada penumpuan kita mewujudkan masyarakat golongan menengah yang boleh menyokong kekuatan ekonomi kita. Kalau kita tidak kuat dari segi golongan menengah, saya khuatir bagaimana kita dapat menentukan ekonomi terus berkembang setelah kita mencapai atau menuju ke alaf baru.

Memang sebenarnya di rantau ASEAN misalnya dan juga rantau Asia kita mempunyai lebih kurang setengah juta penduduk-penduduk yang dikategorikan di dalam kedudukan menengah, dan inilah yang memberikan kekuatan untuk menentukan sesuatu ekonomi itu ekonomi yang consumption driven, mohon izin.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawasanya sudah sampai masanya juga pihak kerajaan menentukan tidak ada pertindihan secara birokrasi. Kerana apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Rosli tadi kalau wujud pertindihan-pertindihan, lapisan-lapisan birokrasi bagi menentukan pencapaian Dasar Ekonomi Baru, pencapaian untuk mewujudkan sekumpulan bumiputera yang kuat dan mempunyai jati diri, tahan diri dan bersaing, ianya perlu penumpuan khusus bagi menentukan wujudnya kumpulan ini.

Jadi, saya menyokong penuh usul yang dibawa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Mustaffa.

10.28 mlm.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangun untuk menyokong serta membahaskan usul yang dibawa oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Tuan Rosli bin Mat Hassan. Saya tetap dengan saranan saya tempoh hari sebagaimana yang saya ucapkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya mengharapkan kerajaan supaya membubarkan PKK, kerana PKK ini pada pandangan saya fungsinya bertindih dengan CIDB dan dari situ menimbulkan masalah antara usahawan-usahawan bumiputera terutama dalam bidang kontraktor ataupun borong. Jadi, dalam kegawatan ekonomi negara yang amat mendadak ini, saya rasa adalah molek PKK ini dibubarkan. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

10.29 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong usul baik yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan yang telah juga disokong oleh Ahli-ahli Dewan yang lain. Saya ingin menambah hanya mengenai dua aspek. Saya nampak cadangan ini amat tepat pada masanya kerana kerajaan kita dalam menuju prestasi yang lebih baik dalam masyarakat digital, masyarakat IT, kerajaan mempertingkatkan pengurusannya dengan memperkenalkan electronic government, ertinya, menggunakan kaedah teknologi IT.

Jadi, idea untuk mengadakan satu pusat, apa sahaja kita namakan, dan dijadikan sebagai one-stop centre untuk memproses, mengendali dan memperbaiki lagi semua hal ehwal mengenai usahawan

adalah amat baik dan tepat sekali. Kebaikannya kita boleh lihat dari dua segi. Satu dari segi kerajaan senang menyelaraskan dan dapat maklumat, kerana hanya dengan maklumat terkini dan baik dan relevan, kerajaan boleh membuat perancangan yang lebih baik untuk meningkatkan lagi usahawan. Perkara dana RM1 bilion untuk meningkatkan kelas menengah bumiputera adalah relevan di sini, kerana kalau dengan penumpuan satu tempat lebih senang kita pertingkatkan.

Di samping itu, kebaikan kepada bumiputera ataupun usahawan sendiri juga adalah amat tepat kerana meningkatkan masa lebih efisien dan tidak payah tercungak-cangit lagi sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, dan dengan cara itu mereka yang didedahkan juga dengan aktiviti ataupun penggunaan teknologi yang terkini sesuai dengan seruan kerajaan sendiri. Oleh itu, saya sekali lagi memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul atas nama Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan, iaitu:

Bahawa Dewan ini mencadangkan agar kerajaan menilai semula sistem pemberian taraf bumiputera dengan diurus di bawah satu jabatan kerajaan sama ada melalui Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Pembangunan Usahawan;

Ini bertujuan untuk mewujudkan satu keberkesanan penglibatan usahawan bumiputera dalam perniagaan dan perdagangan sama ada sebagai pelabur, usahawan dan kontraktor, maka lesen, pendaftaran dan penilaian taraf bumiputera bolehlah diseragamkan dengan pengkhususan pegawai-pegawai kerajaan;

Agensi kerajaan yang mengawal lesen dan pendaftaran perniagaan termasuk Turnkey (JPM), Pendaftaran Bahagian Kontrak dan Bekalan (Kementerian Kewangan), Pusat Khidmat Kontraktor, Petronas dan lain-lain adalah memadai mengurus keberkesanan di dalam perdagangan dan perniagaan di dalam bidang masing-masing sahaja;

Dengan pelaksanaan sistem ini nanti akan berlaku beberapa pertindihan tugas dan peranan seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB), pendaftaran pelabur bumiputera di Kementerian Kewangan dan pendaftaran pelabur bumiputera di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Justeru itu, badan-badan ini hendaklah diselaraskan dengan membubarkan satu di antaranya dan memperkukuhkan mana-mana jabatan atau agensi yang dimaksudkan agar program kerajaan untuk mewujudkan usahawan bumiputera yang berjaya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

hendaklah diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mencadangkan agar kerajaan menilai semula sistem pemberian taraf bumiputera dengan diurus di bawah satu jabatan kerajaan sama ada melalui Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Pembangunan Usahawan;

Ini bertujuan untuk mewujudkan satu keberkesanan penglibatan usahawan bumiputera dalam perniagaan dan perdagangan sama ada sebagai pelabur, usahawan dan kontraktor, maka lesen, pendaftaran dan penilaian taraf bumiputera bolehlah diseragamkan dengan pengkhususan pegawai-pegawai kerajaan;

Agensi kerajaan yang mengawal lesen dan pendaftaran perniagaan termasuk Turnkey (JPM), Pendaftaran Bahagian Kontrak dan Bekalan (Kementerian Kewangan), Pusat Khidmat Kontraktor, Petronas dan lain-lain adalah memadaai mengurus keberkesanan di dalam perdagangan dan perniagaan di dalam bidang masing-masing sahaja;

Dengan pelaksanaan sistem ini nanti akan berlaku beberapa pertindihan tugas dan peranan seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB), pendaftaran pelabur bumiputera di Kementerian Kewangan dan pendaftaran pelabur bumiputera di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Justeru itu, badan-badan ini hendaklah diselaraskan dengan membubar satu di antaranya dan memperkukuhkan mana-mana jabatan atau agensi yang dimaksudkan agar program kerajaan untuk mewujudkan usahawan bumiputera yang berjaya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Jam sudah pukul 10.30 malam. Semua urusan sudah pun selesai dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersabar menunggu sampai jam 10.30 malam. Majlis ditangguhkan kepada satu hari yang belum ditetapkan tarikhnya.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.

